




LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS JABATAN/AGENSI KERajaan Negeri Terengganu TAHUN 2006



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

KANDUNGAN

KANDUNGAN


PERKARA	MUKA SURAT
KANDUNGAN	i
KATA PENDAHULUAN	ii
INTI SARI LAPORAN	iv
 BAHAGIAN I : AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS JABATAN/AGENSI	
Pendahuluan	1
Jabatan Pengairan Dan Saliran Program Pengairan Dan Saliran	1
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Kerja Raya Negeri Dan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu Pengurusan Pembinaan Masjid	42
Yayasan Islam Terengganu Pengurusan Taman Didikan Kanak-Kanak	88
 BAHAGIAN II : PERKARA AM	
	112
Pendahuluan	
Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2005	112
Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Yang Masih Belum Selesai	115
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Dan Kajian Khas Jabatan/Agenzi	115
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri	116
 PENUTUP	 117

KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Akaun Awam serta aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu menitahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Terengganu. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan Pengauditan Prestasi iaitu satu kajian khas terhadap program/aktiviti/projek dengan tujuan untuk menentukan sama ada sesuatu program/aktiviti/projek Kerajaan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif/matlamat yang telah ditetapkan.
2. Laporan saya mengenai aktiviti Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2006 adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap 3 aktiviti yang dilaksanakan di 5 buah Jabatan/Agensi Negeri iaitu Jabatan Pengairan Dan Saliran, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Kerja Raya Negeri, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu dan Yayasan Islam Terengganu. Program/aktiviti yang diaudit adalah berkaitan dengan Program Pengairan Dan Saliran, Pengurusan Pembinaan Masjid dan Pengurusan Taman Didikan Kanak-kanak. Pengauditan terhadap aktiviti Kerajaan Negeri adalah untuk memastikan semua polisi, program dan projek yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, spesifikasi kontrak/syarat-syarat perjanjian dipatuhi, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Pada umumnya, aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh Jabatan/Agensi Negeri Terengganu pada tahun 2006 tidak menunjukkan kemajuan yang ketara. Kelemahan yang saya laporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Terhadap Aktiviti Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2006 seperti kelemahan dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan masih berlaku. Di peringkat pelaksanaan kelemahan yang ditemui seperti peralatan tidak disenggara dengan teratur, projek lewat disiapkan, pembinaan projek tidak berkualiti disebabkan pemaju tidak mengikut spesifikasi dan sebagainya. Perkara ini telah menyebabkan berlakunya pembaziran wang awam, menjelaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam dan sekiranya tidak ditangani matlamat Pelan Integriti Nasional sukar dicapai.
3. Semua Pegawai Pengawal yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang akan dilaporkan untuk pengesahan mereka. Laporan ini juga mengandungi kedudukan masa kini perkara yang dibangkitkan dalam Laporan saya bagi tahun 2005 untuk memberi gambaran sejauh mana tindakan susulan dan pembetulan telah diambil oleh pihak Jabatan/Agensi Negeri berkenaan terhadap isu yang telah dibangkitkan.

4. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti. Usaha ini penting bagi menjamin setiap Ringgit Malaysia yang dipungut dan dibelanjakan akan dapat menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi negeri yang mampu membantu pembangunan dan keselesaan hidup rakyat. Secara tidak langsung ianya akan menyumbang ke arah mewujudkan sebuah Negara Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang.
5. Pada pandangan saya, prestasi pelaksanaan program/aktiviti oleh Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri boleh dipertingkatkan lagi sekiranya semua pihak yang terlibat menghayati dan mengamalkan 5 perkara utama yang diringkaskan sebagai **DAMAI** iaitu:
- a) **DUE DILIGENCE** – Kakitangan Awam perlu menjalankan tugas dengan penuh ketelitian yang profesional (*due diligence*) untuk mewujudkan sistem penyampaian yang cemerlang.
 - b) **ACHIEVEMENT** – Memastikan semua polisi dan program yang telah dirancang dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tidak berlaku peningkatan kos, spesifikasi kontrak/syarat-syarat perjanjian dipatuhi dan mencapai matlamatnya.
 - c) **MONITORING** – Pemantauan yang rapi hendaklah dibuat bagi memastikan semua program atau aktiviti yang dirancang berjaya dilaksanakan, diurus secara akauntabiliti dan berintegriti. Segala kelemahan yang ditemui hendaklah diambil tindakan. Projek yang telah siap dibina hendaklah digunakan untuk mengelakkan berlakunya pembaziran dan memberi impak positif kepada golongan sasaran.
 - d) **ATTITUDE** - Setiap pegawai/kakitangan perlu mempunyai pandangan holistik dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan penuh komitmen yang tinggi. Nilai-nilai positif hendaklah diamalkan dan tidak ada sikap sambil lewa dalam melaksanakan tugas.
 - e) **INTEREST** - Setiap pegawai/kakitangan perlu melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan minat dan dedikasi supaya projek yang dilaksanakan ada usaha penambahbaikan dan berinovasi.
6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri Terengganu yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia.

Putrajaya
21 Jun 2007

INTI SARI LAPORAN

INTI SARI LAPORAN

BAHAGIAN I - AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS JABATAN/AGENSI

Pada tahun 2006, sebanyak 3 kajian khas telah dijalankan terhadap program/aktiviti/projek di Jabatan/Agensi Negeri Terengganu. Kajian tersebut adalah Program Pengairan Dan Saliran, Pengurusan Pembinaan Masjid dan Pengurusan Taman Didikan Kanak-Kanak.

1. Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri

- Program Pengairan Dan Saliran

Aktiviti pengairan dan saliran melibatkan kerja-kerja merancang, mereka bentuk dan melaksanakan rancangan pembangunan dan penyenggaraan pengairan dan saliran untuk kemajuan sektor pertanian dan pencegahan banjir. Bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005, sejumlah RM10.80 juta peruntukan diluluskan bagi program pembangunan dan RM13.23 juta telah diluluskan untuk penyenggaraan. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM7.03 juta atau 70.6% telah dibelanjakan. Kerja pembangunan dan penyenggaraan terhadap sistem pengairan dan saliran telah dilaksanakan oleh kontraktor yang dipilih melalui proses perolehan secara tender, sebut harga dan lantikan terus. Secara keseluruhannya, program pengairan dan saliran telah dilaksanakan dengan baik. Sebanyak 28 projek yang dirancang bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005 telah dapat dilaksanakan sepenuhnya walaupun terdapat beberapa projek yang tidak dapat dilaksanakan pada tahun 2003 dan 2004, disebabkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri yang kurang stabil pada tahun tersebut. Proses perolehan kerja sama ada secara tender, sebut harga atau lantikan terus telah mematuhi prosedur kewangan yang ditetapkan. Kerja penyenggaraan pengairan dan saliran dilaksanakan mengikut spesifikasi dan disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, beberapa kelemahan seperti ketiadaan garis panduan dan prosedur kerja yang lengkap, peruntukan yang terhad, parit, tali air dan rumah tidak diselenggarakan dan kekosongan perjawatan yang belum diisi perlu diberikan perhatian bagi meningkatkan lagi pengurusan program pengairan dan saliran.

2. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Kerja Raya Negeri Dan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu

- Pengurusan Pembinaan Masjid

Tujuan utama pembinaan masjid adalah untuk mengembangkan syiar Islam serta memberi kemudahan dan keselesaan beribadah kepada rakyat. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, Kerajaan Negeri telah menggunakan 2 sumber kewangan bagi membayai pembinaan masjid iaitu melalui peruntukan Kerajaan Negeri dan Dana Masjid (dana sumbangan orang ramai). Pada tahun 2005, Kerajaan Negeri telah menetapkan sasaran untuk membina sebuah masjid setiap tahun di semua 32 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) menggunakan peruntukan daripada Kerajaan Negeri. Manakala Dana Masjid yang diwujudkan semenjak tahun 1996 menetapkan untuk membina sebuah masjid di

setiap daerah. Semakan Audit mendapati sebanyak 28 daripada 32 buah masjid melalui peruntukan Kerajaan Negeri telah dilaksanakan manakala 4 buah masjid lagi ditangguhkan kerana masalah tapak dan diganti dengan menaik taraf masjid sedia ada. Pembinaan 32 buah masjid bagi tahun 2006 masih pada peringkat proses pengeluaran tender. Pembinaan 7 masjid melalui Dana Masjid adalah perlahan dan terbengkalai disebabkan jumlah dana yang tidak mencukupi. Bagi menangani masalah ini, Kerajaan Negeri telah membiayai pembinaan 2 daripada 7 buah masjid tersebut. Selain itu, Kerajaan Negeri bersetuju untuk menambah wang Dana Masjid secara ringgit ke ringgit iaitu Kerajaan Negeri akan menambah setiap ringgit yang disumbangkan oleh orang ramai. Semakan Audit mendapati pengurusan perolehan kerja secara tender adalah teratur dan mengikut prosedur serta peraturan yang ditetapkan. Bagaimanapun, semakan terhadap prestasi pembinaan mendapati 5 masjid disiapkan lebih awal, 3 masjid siap dalam tempoh yang ditetapkan, 4 masjid disiapkan dengan lanjutan masa dan 16 masjid atau 57% masih dalam pembinaan.

3. Yayasan Islam Terengganu

- Pengurusan Taman Didikan Kanak-Kanak

Tadika Yayasan mula beroperasi di Daerah Kemaman sejak tahun 1978 dan diikuti oleh daerah lain. Pada sesi persekolahan tahun 2006, sebanyak 81 buah kelas telah dibuka di 15 buah premis dengan penglibatan seramai 2,272 murid dan 135 guru. Tadika Yayasan menerima pakai kurikulum dan ko-kurikulum yang diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Selain itu, Tadika Yayasan turut melaksanakan Program Tadika Cemerlang dan Program Pintar Al-Quran yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Terengganu. Pengambilan murid Tadika Yayasan adalah terbuka kepada kanak-kanak berumur 5 dan 6 tahun. Jumlah pengambilan murid hendaklah berdasarkan bilangan yang diluluskan dalam permit yang dikeluarkan oleh Jabatan Pelajaran Negeri. Program ini mendapat sambutan yang menggalakkan dan menyebabkan pengambilan murid di setiap Tadika telah melebihi daripada jumlah yang diluluskan. Sementara itu, pengambilan dan pelantikan tenaga pengajar lain dibuat melalui proses temu duga bagi mengenal pasti calon guru yang berminat dan mempunyai kelayakan dalam bidang pendidikan Tadika. Berdasarkan rekod perjawatan, seramai 135 orang guru Tadika yang sedia ada mempunyai pelbagai taraf kelulusan akademik telah dilantik secara sementara bertempoh dan sementara terus menerus dalam Gred N11. Semakan Audit mendapati terdapat kelemahan seperti pemilihan lokasi dan bangunan Tadika tidak sesuai dan pengambilan murid tidak mengikut permit yang diluluskan. Secara keseluruhannya, program Tadika Yayasan telah dilaksanakan selaras dengan matlamat pembelajaran bagi tujuan melahirkan murid Tadika yang seimbang dari segi rohani dan jasmani. Ditambah dengan pelaksanaan Program Tadika Cemerlang dan Pintar Al-Quran yang merupakan nilai tambah kepada sistem pembelajaran dan pengajaran.

BAHAGIAN I

AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS

JABATAN/AGENSI

BAHAGIAN I

AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS JABATAN/AGENSI

1. PENDAHULUAN

Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit program dan aktiviti Jabatan Negeri/Agenzi. Pengauditan ini bertujuan untuk menentukan sama ada sesuatu program atau aktiviti telah dijalankan dengan cekap, berkesan serta mencapai matlamatnya. Bagi tujuan ini, kajian khas telah dijalankan bagi 3 aktiviti di 5 Jabatan/Agenzi. Tiga kajian yang dijalankan ialah Program Pengairan Dan Saliran di Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri, Pengurusan Pembinaan Masjid di 3 Jabatan/Pejabat iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu dan Pengurusan Taman Didikan Kanak-Kanak di Yayasan Islam Terengganu. Pemerhatian Audit mengenai kajian tersebut telah dimaklumkan kepada semua Ketua Jabatan dan Ketua Agenzi yang terlibat.

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

PROGRAM PENGAIRAN DAN SALIRAN

2. LATAR BELAKANG

2.1 Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Terengganu (Jabatan) yang ditubuhkan pada tahun 1957 bertanggungjawab untuk mengadakan infrastruktur dan perkhidmatan berkaitan pengairan pertanian, pencegahan banjir dan pemuliharaan sungai. Jabatan juga berperanan untuk mengumpul, merekod, menyebar data hidrologi dan membekal perkhidmatan kejuruteraan bagi pembangunan, pengurusan dan mengawal atur sumber air negara untuk kemajuan pertanian. Misi Jabatan adalah untuk memberi perkhidmatan yang berkualiti, cekap dan berkesan dalam bidang pengairan, saliran, kejuruteraan sungai dan kejuruteraan pantai melalui pembangunan yang mapan dalam pengurusan air negeri yang bersepadu. Objektif penubuhan Jabatan adalah untuk memberi sumbangan ke arah pembangunan sosio-ekonomi, meningkatkan hasil pengeluaran dan pendapatan para petani ke arah memperbaiki taraf hidup penduduk Negeri Terengganu.

2.2 Fungsi utama Jabatan adalah untuk merancang, mereka bentuk dan melaksanakan rancangan pengairan dan saliran bagi tujuan mengadakan kemudahan pengairan dan saliran kepada tanah pertanian dan menambah pendapatan petani. Sehingga tahun 2005, keluasan tanah yang diusahakan dengan penanaman padi dalam skim pengairan Jabatan adalah seluas 4,537 hektar. Aktiviti pengairan dan saliran melibatkan kerja pengairan untuk memastikan air sampai ke kawasan pertanian. Antara kerja pengairan dan saliran ialah menyenggarakan rumah pam dan kerja membersih serta mencuci tali air. Fungsi Jabatan

tidak terbatas hanya kepada pengurusan pengairan dan saliran sahaja tetapi juga bertanggungjawab terhadap tiga fungsi utama yang lain iaitu pengurusan sungai, pembangunan dan pengurusan zon pantai serta pengurusan data dan maklumat hidrologi termasuk penilaian sumber air. Program penyenggaraan pengairan dan saliran perlu dilakukan setiap tahun iaitu sebelum musim tanaman padi bermula bagi memastikan bekalan air ke kawasan pertanian berjalan lancar tanpa gangguan. Bagi menjayakan fungsi yang digariskan, Jabatan telah memohon peruntukan daripada Kerajaan Negeri di samping peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan. Bagi tempoh 2003 hingga 2005, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM60.95 juta perbelanjaan pembangunan dan mengurus untuk Jabatan melaksanakan program pengairan dan saliran.

2.3 Selain JPS Negeri, program pengairan dan saliran juga dilaksanakan oleh Agensi Pusat iaitu Projek Pembangunan Pertanian Terengganu Utara (KETARA). KETARA bertanggungjawab terhadap pembangunan dan penyenggaraan pengairan dan saliran di kawasan jelapang di daerah Besut seluas 5,174 hektar yang dibahagikan kepada 4 kompartmen. Peruntukan kewangan bagi program ini adalah daripada Kerajaan Persekutuan.

3. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada program pengairan dan saliran telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamatnya.

4. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

4.1 Program Pengairan Dan Saliran yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Terengganu (JPS) dipilih sebagai subjek pengauditan berdasarkan penekanan Kerajaan Persekutuan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) bagi memberi nafas baru kepada sektor pertanian untuk menjadi tunggak ketiga pertumbuhan ekonomi negara. Program pengairan dan saliran merupakan salah satu penyumbang utama kepada pertumbuhan sektor pertanian secara langsung. Sistem pengairan dan saliran yang baik akan menggiatkan lagi sektor pertanian. Pemilihan tajuk kajian juga berdasarkan kepada jumlah anggaran peruntukan pembangunan dan mengurus kepada Jabatan antara yang tertinggi diterima daripada Kerajaan Negeri. Bagi tempoh 2003 hingga 2005, sejumlah RM10.80 juta peruntukan telah diluluskan bagi program pembangunan dan RM13.23 juta peruntukan diluluskan bagi program penyenggaraan.

4.2 Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap program meliputi aspek pembangunan dan penyenggaraan pengairan dan saliran bagi tempoh 3 tahun iaitu dari tahun 2003 hingga 2005. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen di Ibu Pejabat JPS Negeri dan 3 JPS daerah iaitu Kuala Terengganu/Marang, Besut dan Hulu Terengganu. Pemilihan 3 daerah tersebut adalah

berdasarkan kepada jumlah peruntukan yang tinggi diterima dalam tempoh tahun tersebut. Rekod dan dokumen berkaitan program yang disemak adalah seperti buku peruntukan, fail perjawatan dan latihan, fail Jawatankuasa Sebut Harga, fail projek melalui sebut harga, fail projek melalui inden kerja dan dokumen kewangan seperti baucar bayaran dan inden kerja. Beberapa analisis perbandingan dibuat bagi menilai prestasi program seperti perbandingan antara jumlah projek yang berjaya disiapkan dengan yang dirancang dan perbandingan jumlah peruntukan dengan perbelanjaan. Pihak Audit juga telah mengadakan lawatan ke kawasan pengairan dan saliran bersama pegawai Jabatan bagi memastikan kerja telah dilaksanakan dengan memuaskan. Temu bual juga turut diadakan dengan pegawai untuk mendapatkan penerangan dan penjelasan.

5. PENEMUAN AUDIT

5.1 PERANCANGAN

Sesuatu program yang hendak dilaksanakan perlu dibuat perancangan agar matlamat program dapat dicapai. Perancangan pengairan dan saliran perlu dibuat dengan teliti bagi memastikan golongan sasaran menerima manfaat sepenuhnya melalui program ini. Aspek perancangan yang dikaji adalah seperti berikut:

5.1.1 Dasar Kerajaan Negeri

Kerajaan Negeri Terengganu menerima pakai Dasar Pertanian Negara Ketiga (1998 – 2010) yang dirangka oleh Kerajaan Persekutuan yang bermatlamat untuk memastikan hasil keluaran pertanian negara adalah mencukupi dan berkualiti. Dasar tersebut memberi tumpuan kepada kaedah baru bagi menambah produktiviti dan daya saing, meningkatkan sekuriti makanan dan menjalinkan kerjasama dengan sektor lain bagi meningkatkan pengeluaran hasil pertanian. Selaras dengan penerimaan dasar di atas, Kerajaan Negeri melalui Rancangan Pembangunan Negeri Terengganu tahun 2004 hingga 2008 akan menyediakan infrastruktur dan sokongan bagi memastikan pengeluaran padi sekurang-kurangnya 10 metrik tan sehektar boleh dicapai. Bagi mencapai tahap pengeluaran tersebut, Kerajaan Negeri akan melaksanakan projek seperti perladangan tepat (*precision farming*) di KETARA. Bagi menyokong dasar Kerajaan Negeri tersebut, Jabatan menetapkan fungsi program pengairan dan saliran sebagai program untuk membangunkan infrastruktur dan pengurusan air untuk tanaman padi dan tanaman selain padi bagi kemajuan sektor pertanian dan peningkatan pengeluaran pertanian negara. Bagi merealisasikan dasar ini, Jabatan akan membuat permohonan peruntukan kewangan setiap tahun daripada Kerajaan Negeri bagi menjalankan aktiviti pengairan dan saliran.

5.1.2 Garis Panduan Dan Prosedur Kerja

Garis panduan dan prosedur kerja penting bagi memastikan setiap aktiviti dapat dilaksanakan dengan lancar mengikut standard yang ditetapkan. Ia dapat membantu pegawai dan kakitangan memahami proses kerja seterusnya membantu melaksanakan

tugas dengan cekap. Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia dari semasa ke semasa mengeluarkan peraturan, prosedur kerja dan garis panduan berhubung dengan pengurusan pengairan dan saliran sebagai panduan. Garis panduan yang menjadi rujukan antaranya ialah Manual Jabatan Parit Dan Tali Air 1973 (D.I.D Manual), D.I.D Manual Chapter III; *Irrigation 1981 and Design Manual For Water Conveyance System* 1980. Mulai tahun 2002, kaedah MASMA (Manual Saliran Mesra Alam) digunakan sebagai kaedah baru bagi sistem pengairan dan saliran. Selain itu, Jabatan akan merujuk kepada prosedur kerja berkaitan aktiviti pengairan dan saliran seperti mana terkandung dalam Manual Prosedur Kerja antaranya prosedur penyenggaraan rancangan dan saliran, prosedur penilaian projek dan garis panduan perolehan.

5.1.3 Sasaran Program

Setiap tahun Jabatan akan menyediakan rancangan program pengairan dan saliran untuk dilaksanakan. Jabatan juga akan mempertimbangkan setiap cadangan atau permohonan daripada Jabatan/Agensi Kerajaan, wakil rakyat, pertubuhan mahupun petani untuk membina sistem pengairan dan saliran baru. Permohonan akan diproses berasaskan kepada kawasan yang dikenal pasti sesuai untuk menyenggarakan sistem pengairan dan saliran secara tahunan atau sebagai tambahan kepada skim pengairan dan saliran yang sedia ada. Pelaksanaan program juga adalah bergantung kepada jumlah peruntukan yang diluluskan. Bagi skim pengairan dan saliran yang sedia ada, kerja penyenggaraan skim akan dijalankan setiap tahun iaitu sebelum musim menanam bermula. Kerja penyenggaraan akan melibatkan kerja seperti menggali dan mencuci tali air di skim pengairan dan saliran bagi memastikan kelancaran aliran air ke kawasan pertanian. Berdasarkan kepada Manual Parit Dan Tali Air, penyenggaraan terhadap pengairan dan saliran perlu dilakukan sekurang-kurangnya 3 kali setahun bagi kawasan tanaman padi 2 kali setahun.

a) Perancangan Projek

Mengikut rekod, sebanyak 49 skim pengairan tertakluk kepada penyenggaraan tahunan oleh Jabatan di seluruh Negeri Terengganu. Bagaimanapun tidak semua skim pengairan dan saliran beroperasi kerana tidak ada aktiviti tanaman diusahakan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 37 skim pengairan masih beroperasi membekalkan keperluan air ke kawasan pertanian. Maklumat skim pengairan adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1
Skim Pengairan Di Bawah Projek Penyenggaraan
JPS Negeri Terengganu

Bil.	Daerah	Jumlah Skim	Bertanam	Tidak Bertanam	Jenis Tanaman
1.	Hulu Terengganu	11	10	1	Padi
2.	Dungun	11	6	5	Padi
3.	Besut	8	8	-	Padi
4.	Setiu	8	3	5	Padi
5.	Marang	5	5	-	Padi
6.	Kemaman	4	3	1	Padi
7.	Kuala Terengganu	2	2	-	Padi
Jumlah		49	37	12	

Sumber : Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Terengganu

Bagi memastikan pengurusan pembangunan dan penyenggaraan pengairan dan saliran dapat dilaksanakan, Jabatan memohon peruntukan setiap tahun daripada Kerajaan Negeri. Bahagian Pengairan Dan Saliran, JPS Negeri Terengganu merancang untuk melaksanakan 39 projek untuk tempoh 2003 hingga 2005 dengan anggaran peruntukan sejumlah RM7.93 juta. Semua projek tersebut akan dilaksanakan dengan menggunakan peruntukan perbelanjaan pembangunan daripada Kerajaan Negeri. Bilangan projek pembangunan yang dirancang untuk dilaksanakan bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005 adalah seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2
Bilangan Projek Pembangunan Program Pengairan Dan Saliran
Yang Dirancang Bagi Tempoh 2003 Hingga 2005

Tahun	Bilangan Projek	Peruntukan (RM Juta)
2003	9	1.92
2004	14	1.91
2005	16	4.10
Jumlah	39	7.93

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2003, 2004 & 2005

Selain daripada peruntukan pembangunan, Jabatan juga memohon peruntukan melalui perbelanjaan mengurus bagi menjalankan kerja penyenggaraan di semua skim pengairan dan saliran setiap tahun. Jumlah peruntukan yang dimohon bagi kerja penyenggaraan adalah berdasarkan kepada anggaran yang disediakan oleh JPS daerah. Kerja penyenggaraan melibatkan kerja seperti menebas, mencuci dan membuang mendapan sebelum musim mananam bermula. Kerja penyenggaraan hendaklah dilakukan 3 kali setahun seperti yang ditetapkan dalam Manual Parit Dan Tali Air.

b) Golongan Sasar

Program pengairan dan saliran memberi lebih tumpuan kepada aktiviti pertanian terutama tanaman padi. Program pengairan dan saliran yang dirancang dijangka akan dapat membantu meningkatkan keluaran hasil pertanian, mempercepatkan penghantaran hasil pertanian dan mengurangkan kemusnahan hasil pertanian akibat banjir atau kemarau. Dengan ini, ia akan memberi dorongan kepada petani bagi mempertingkatkan aktiviti dalam bidang pertanian dan secara tidak langsung akan menjana pendapatan para petani.

5.1.4 Kaedah Pelaksanaan

Mengikut perancangan, pelaksanaan projek pembangunan dan penyenggaraan pengairan dan saliran akan dijalankan oleh kontraktor yang dilantik. Pelaksanaan projek perlu mengikut peraturan dan prosedur yang ditetapkan bagi memastikan projek dapat disiapkan dengan teratur. Kaedah pelaksanaan perolehan terdiri daripada tender, sebut harga dan lantikan terus bergantung kepada kos projek.


a) Proses Perolehan Secara Tender

Kaedah ini digunakan bagi perolehan yang kos kerja melebihi RM200,000. Harga tender boleh dibuat berasaskan kepada Senarai Kuantiti atau Harga Pukal. Proses perolehan secara tender adalah seperti berikut:

- i) Iklan tender sekurang-kurangnya satu akhbar tempatan berbahasa Melayu.
- ii) Diiklankan dalam tempoh tidak kurang daripada 21 hari.
- iii) Tender diterima dalam sampul berlakri.
- iv) Peti tender yang berkunci disediakan.
- v) Tender dibuka oleh Jawatankuasa Pembuka Tender.
- vi) Tender hendaklah dinilai oleh Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Kewangan.
- vii) Tender ditimbang dan diluluskan oleh Lembaga Perolehan.
- viii) Setuju terima tender.

Carta aliran bagi proses perolehan kerja secara tender adalah seperti di **Carta 1**.

Carta 1
Carta Aliran Perolehan Kerja Secara Tender



Sumber: Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Terengganu

b) Proses Perolehan Secara Sebut Harga


Kaedah ini digunakan sekiranya kos kerja yang hendak dijalankan melebihi RM20,000 tetapi tidak melebihi RM200,000. Sebut harga boleh dibuat berdasarkan kepada Senarai Kuantiti atau Harga Pukal. Proses yang perlu diikuti adalah seperti berikut:

- i) Sebut harga hendaklah dipelawa kepada sekurang-kurangnya 5 kontraktor Kelas F yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) di bawah kepala dan sub-kepala yang berkaitan.
- ii) Pelawaan kerja sebut harga di sesuatu daerah hanya terhad kepada kontraktor yang berdaftar bagi kawasan pentadbiran yang ianya didaftarkan oleh PKK.
- iii) Surat pelawaan berserta dengan kenyataan sebut harga boleh dibuat sama ada melalui pos berdaftar ataupun serahan tangan.
- iv) Kenyataan sebut harga hendaklah dipamerkan di papan kenyataan di sepanjang tempoh sebut harga dibuka.
- v) Tempoh sebut harga hendaklah sekurang-kurangnya 7 hari dan kenyataan tersebut hendaklah sentiasa berada di papan kenyataan sepanjang tempoh tersebut.
- vi) Bagi sebut harga yang memerlukan lawatan tapak, kenyataan sebut harga hendaklah dipamerkan sekurang-kurangnya 3 hari sebelum lawatan tapak diadakan dan hendaklah sentiasa berada di papan kenyataan di sepanjang tempoh tersebut.
- vii) Bagi projek yang bernilai RM50,000 ke bawah, dokumen sebut harga hendaklah dikeluarkan secara percuma. Kadar bayaran minimum yang ditetapkan bagi senaskhah dokumen sebut harga adalah RM10 dan kadar maksimum adalah RM50 senaskhah.
- viii) Dokumen sebut harga hendaklah dipulangkan sebelum waktu tutup.
- ix) Dua jawatankuasa yang terlibat dalam kerja sebut harga ialah Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga dan Jawatankuasa Sebut Harga. **Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga** hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya 2 orang pegawai di mana seorang daripadanya hendaklah pegawai Kumpulan Pengurusan Dan Profesional. **Jawatankuasa Sebut Harga** hendaklah terdiri daripada 3 orang pegawai dan dipengerusikan oleh Pemegang Waran atau Pemegang Peruntukan Kecil atau mana-mana pegawai yang dilantik oleh Pegawai Pengawal atau Pegawai Kewangan Negeri daripada Kumpulan Pengurusan Dan Profesional.
- x) Peti sebut harga hendaklah dibuka oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga secepat mungkin selepas sebut harga ditutup.
- xi) Penilaian ke atas sebut harga dibuat oleh Pegawai Penilai dan diserahkan kepada Jawatankuasa Sebut Harga untuk pertimbangan.
- xii) Jabatan mengeluarkan surat pemberitahuan penerimaan sebut harga dan inden kerja kepada kontraktor yang berjaya.

- xiii) Jabatan akan menyediakan dokumen untuk pembayaran setelah kerja siap berdasarkan kepada pengesahan kerja siap yang diperakui oleh pegawai teknikal yang bertanggungjawab seperti yang dinyatakan di borang inden.

Carta aliran bagi proses perolehan kerja secara sebut harga adalah seperti di **Carta 2**.

Carta 2
Carta Aliran Proses Sebut Harga Bagi Perolehan Kerja



Sumber: Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Terengganu


c) Proses Perolehan Secara Lantikan Terus

Kaedah ini digunakan sekiranya kos kerja tidak melebihi RM20,000 boleh dibuat secara lantikan terus atau undi. Pemilihan kontraktor dibuat oleh JPS daerah di kalangan kontraktor yang berkelayakan dalam daerah masing-masing. Proses perolehan kerja secara lantikan terus adalah seperti berikut:

- i) Menentukan projek yang akan dilaksanakan, menyediakan spesifikasi kerja dan kos yang terlibat.
- ii) Keluarkan notis pemberitahuan kerja undi di papan kenyataan.
- iii) Proses mengundi dijalankan pada hari yang telah ditetapkan di mana kontraktor yang berminat dikehendaki hadir dan mendaftar.
- iv) Kontraktor yang berjaya akan dikeluarkan surat setuju terima dan inden kerja yang menetapkan kerja yang perlu disiapkan.
- v) Borang inden kerja dikembalikan dengan pengesahan kerja siap oleh pegawai teknikal yang bertanggungjawab bagi mengesahkan kerja siap.
- vi) Penyediaan baucar bayaran bagi tujuan pembayaran.

Carta aliran bagi proses perolehan kerja secara lantikan terus/inden kerja adalah seperti di **Carta 3**.

Carta 3
Carta Aliran Proses Perolehan Secara Lantikan Terus



Sumber: Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Terengganu


5.1.5 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

Keperluan guna tenaga dan latihan merupakan elemen penting yang perlu dirancang dengan baik bagi memastikan fungsi dan peranan Jabatan dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Ini termasuklah menyusun organisasi, mengisi perjawatan yang telah diluluskan, menentukan kuasa dan tanggungjawab serta merancang program latihan yang bersesuaian. Kaktangan yang mencukupi serta mempunyai kelayakan dan keupayaan yang bersesuaian dengan tugas merupakan faktor penting bagi menentukan kecekapan dan keberkesanannya program Jabatan.

a) Struktur Pengurusan

Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Terengganu terdiri daripada 5 bahagian iaitu Bahagian Pengairan Dan Saliran, Bahagian Kejuruteraan Sungai/Pantai, Bahagian Operasi, Bahagian Mekanikal dan Bahagian JPS KETARA. Jabatan diketuai oleh seorang Pengarah Gred J54 dan setiap Bahagian diketuai oleh seorang Penolong Pengarah Gred J48. Manakala di peringkat daerah, ia diketuai oleh Jurutera Daerah Gred J48 atau J41. Carta organisasi Jabatan adalah seperti di **Carta 4**. Bahagian Pengairan Dan Saliran adalah bertanggungjawab memastikan sistem pengairan dan saliran terutamanya pengairan dan saliran untuk pertanian sentiasa berfungsi dengan berkesan.

Carta 4
Carta Organisasi Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Terengganu



Sumber: Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Terengganu

b) Guna Tenaga

Bilangan perjawatan keseluruhan yang diluluskan untuk tahun 2006 ialah sebanyak 491 jawatan iaitu 19 jawatan daripada Kumpulan Pengurusan Dan Profesional dan 472 jawatan daripada Kumpulan Sokongan. Berdasarkan perjawatan yang

diluluskan, bilangan pegawai yang akan ditempatkan di Bahagian/Unit Pengairan Dan Saliran, Ibu Pejabat dan JPS Kuala Terengganu/Marang, Besut dan Hulu Terengganu adalah seperti di **Jadual 3**.

Jadual 3
Perjawatan Yang Diluluskan Untuk Tahun 2006
Bagi Bahagian Pengairan Dan Saliran

Bil.	Penempatan	Bilangan Perjawatan Diluluskan				
		Jurutera	Pembantu Juruteknik	Juruteknik	Lain-lain	Jumlah
1.	Ibu Pejabat	2	2	5	12	21
2.	Kuala Terengganu/Marang	1	1	4	52	58
3.	Besut	-	1	6	56	63
4.	Hulu Terengganu	-	1	3	13	17

Sumber : Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Terengganu

c) Latihan

Program latihan kakitangan yang dirancang secara sistematik dan berterusan akan dapat membantu memantapkan lagi pengurusan aktiviti Jabatan. Sejajar dengan Sistem Saran Malaysia yang menghendaki setiap kakitangan menghadiri kursus sekurang-kurangnya tujuh hari atau 60 jam dalam setahun, Jabatan membuat perancangan keperluan latihan kakitangan setiap tahun seperti menghadiri kursus, bengkel dan sebagainya. Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia melalui Bahagian Latihan Dan Kemajuan Kerjaya bertanggungjawab menguruskan latihan untuk kakitangan JPS di seluruh Malaysia. Institusi yang terlibat secara langsung memberi latihan kepada pegawai dan kakitangan ialah Institut Pembangunan Kompetensi (DICODE) di Kuala Lumpur, Institut Pengurusan Air Negara (NAWMI) di Kota Bharu, Institut Pembangunan Kompetensi (DICODE) di Ipoh dan Pusat Latihan Dan Kemajuan Kerjaya di Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia. Pada setiap tahun, Jabatan akan menyenaraikan kakitangan bagi menghadiri kursus apabila menerima cadangan kursus yang dianjurkan oleh institusi tersebut melalui Buku Program Latihan yang diedarkan. Melalui kursus tersebut akan dapat membantu meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan komitmen pegawai dan kakitangan bagi menjayakan wawasan Jabatan untuk menjadi sebuah organisasi yang bertaraf dunia menjelang tahun 2010.

5.1.6 Keperluan Kewangan

Keperluan kewangan adalah aspek paling penting yang akan menentukan sama ada projek dapat dilaksanakan mengikut perancangan. Setiap tahun, Jabatan akan menyediakan anggaran perbelanjaan bagi program pengairan dan saliran kepada Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri. Cadangan anggaran perbelanjaan disediakan dengan mengambil kira cadangan perbelanjaan daripada JPS

daerah. Setiap tahun JPS daerah akan menyenaraikan projek pembangunan atau kerja penyenggaraan yang akan dilaksanakan berserta kos bagi program pengairan dan saliran. Berdasarkan kepada anggaran yang disediakan, sejumlah RM12.30 juta dan RM13.47 juta dimohon daripada Kerajaan Negeri masing-masing bagi menjayakan projek pembangunan dan penyenggaraan pengairan dan saliran seluruh Negeri Terengganu bagi tahun 2003 hingga 2005 seperti di **Jadual 4**.

Jadual 4
Peruntukan Yang Dimohon Bagi Projek Pembangunan
Dan Penyenggaraan Bagi Tahun 2003 Hingga 2005

Tahun	Pembangunan (RM Juta)	Penyenggaraan (RM Juta)
2003	3.20	3.06
2004	2.95	4.91
2005	6.15	5.50
Jumlah	12.30	13.47

Sumber : Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Terengganu

5.1.7 Kaedah Pemantauan

Aspek pemantauan adalah penting untuk memastikan projek yang akan dilaksanakan dapat disiapkan mengikut spesifikasi dan tempoh yang ditetapkan. Pemantauan perlu dijalankan mengikut kaedah yang ditetapkan dan dilakukan secara berterusan oleh pegawai yang bertanggungjawab. Pemantauan program pengairan dan saliran akan melibatkan pemantauan di peringkat Ibu Pejabat JPS Negeri dan JPS daerah. Di peringkat Ibu Pejabat JPS Negeri pemantauan dibuat melalui Jawatankuasa Pembangunan JPS Negeri Terengganu dan Unit Pengesahan Dan Penilaian. Manakala di peringkat daerah akan melibatkan pemeriksaan kerja di tapak projek bagi memastikan kerja mengikut spesifikasi dan tempoh yang ditetapkan.

a) Peringkat Ibu Pejabat JPS Negeri

Pemantauan di peringkat Ibu Pejabat adalah melalui Jawatankuasa Pembangunan JPS Negeri Terengganu dan Unit Pengesahan Dan Penilaian.

i) Jawatankuasa Pembangunan JPS Negeri Terengganu

Jawatankuasa Pembangunan JPS Negeri akan membincang status kemajuan projek sama ada projek yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan, kedudukan kewangan serta membuat pertimbangan bagi projek baru. Bagi tujuan mesyuarat ini, semua JPS daerah diarahkan untuk menyediakan maklumat mengenai status kemajuan projek dan kewangan untuk dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa tersebut. Jawatankuasa ini akan mengadakan mesyuarat 2 bulan sekali mulai tahun 2005. Bagi tahun 2003 dan 2004, Jawatankuasa ini dijadualkan bermesyuarat 3 bulan sekali.

ii) Unit Pengesahan Dan Penilaian

Penubuhan Unit Pengesahan Dan Penilaian ini adalah bagi membantu pihak pengurusan Jabatan dalam penyediaan belanjawan tahunan. Selain itu, Unit ini juga akan bertanggungjawab mengumpul maklumat mengenai kemajuan kerja dan perbelanjaan bagi JPS daerah untuk dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan JPS Negeri Terengganu. Unit ini juga akan bertindak sebagai Unit Perhubungan Awam Jabatan.

b) Peringkat Daerah

Jurutera Daerah bertanggungjawab menjalankan pemantauan terhadap kerja yang dijalankan bagi memastikan kerja dilaksanakan mengikut spesifikasi dan disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Selain itu, JPS daerah juga dikehendaki mengemukakan maklumat mengenai status projek dan kedudukan kewangan untuk dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan JPS Negeri Terengganu setiap 2 bulan.

Pada pandangan Audit, perancangan Jabatan terhadap program pengairan dan saliran adalah baik. Rancangan penyenggaraan pengairan dan saliran telah dibuat secara menyeluruh meliputi semua skim pengairan dan saliran. Jabatan juga telah menyediakan prosedur bagi perolehan kerja secara tender, sebut harga dan lantikan terus sebagai panduan.

5.2 PELAKSANAAN

Program pengairan dan saliran yang dirancang hendaklah dilaksanakan dengan cekap bagi mencapai matlamat yang ditetapkan iaitu membangunkan infrastruktur dan pengurusan air bagi kemajuan sektor pertanian dan mengatasi ancaman banjir. Pelaksanaan program juga hendaklah selaras dengan dasar Kerajaan Negeri dan peraturan kewangan yang ditetapkan. Semakan Audit terhadap pelaksanaan program pengairan dan saliran mendapati perkara seperti berikut:

5.2.1 Dasar Kerajaan Negeri

Dasar Pertanian Negara Ketiga (1998 – 2010) yang digubal oleh Kerajaan Persekutuan juga menjadi dasar kepada Kerajaan Negeri dalam usaha memajukan sektor pertanian negeri. Dasar Pertanian Negara tersebut menetapkan 5 objektif untuk dicapai seperti berikut:

- a)** Meningkatkan sekuriti makanan.
- b)** Meningkatkan produktiviti dan daya saing sektor pertanian.
- c)** Meningkatkan kerjasama lebih erat dengan sektor lain.
- d)** Mewujudkan sumber baru pertumbuhan sektor pertanian.
- e)** Memulihara dan menggunakan sumber semula jadi secara mapan.

Bagi menyokong dasar Kerajaan Negeri dalam memajukan sektor pertanian, Jabatan telah menetapkan misi iaitu untuk memberi perkhidmatan yang berkualiti, cekap dan berkesan dalam bidang pengairan dan saliran yang dapat menyumbang kepada perkembangan sektor pertanian negeri. Jabatan telah melaksanakan program pengairan dan saliran setiap tahun bagi memastikan sektor pertanian mendapat bekalan air yang mencukupi dan mengikut masa yang ditetapkan. Program pengairan dan saliran yang dilaksanakan adalah seperti penyenggaraan saliran bertujuan melancarkan pengaliran air ke kawasan pertanian, menaik taraf saliran sedia ada serta membina dan menaik taraf jalan ladang bagi kemudahan pengangkutan hasil pertanian. Selain melaksanakan program pengairan dan saliran, Jabatan juga bertanggungjawab menguruskan program kejuruteraan sungai dan pantai. Program ini antara lain bertujuan mencegah kejadian banjir yang merosakkan hasil pertanian.

Pada pendapat Audit, program yang dilaksanakan oleh Jabatan adalah selaras dengan dasar Kerajaan Negeri untuk memajukan sektor pertanian.

5.2.2 Garis Panduan Dan Prosedur

Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia telah mengeluarkan dan menggunakan Manual Saliran Mesra Alam Malaysia (*Urban Stormwater Management Manual For Malaysia*) mulai tahun 2002. Saliran mesra alam mempunyai beberapa objektif antaranya bagi memastikan keselamatan orang awam, melindungi harta tanah, mengoptimalkan kegunaan tanah untuk pembangunan dan mengawal kejadian banjir. Semakan Audit mendapati Jabatan telah melantik perunding swasta untuk menjalankan kajian dan menyediakan pelan induk bagi perparitan atau saliran bandar. Ia bertujuan untuk memastikan pembinaan sistem perparitan yang lebih sistematik dan berkesan. Pelan induk yang telah disediakan adalah seperti berikut:

- a) Pelan Induk Perparitan Besut.
- b) Pelan Induk Perparitan Setiu.
- c) Pelan Induk Dan Kajian Perparitan Kuala Terengganu.
- d) Kajian Pelan Induk Sistem Perparitan Marang.
- e) Pelan Induk Perparitan Dan Tebatan Banjir Ajil – Kuala Berang.
- f) Pelan Induk Perparitan Dungun.
- g) Kajian Pelan Induk Perparitan Pekan Paka Kerteh.
- h) Pelan Induk Sistem Perparitan Kerteh Kemasik.
- i) Reka Bentuk Terperinci Perparitan Dan Tebatan Banjir Cukai Kemaman.

Selain pelan induk perparitan sebagai panduan bagi sistem perparitan atau saliran bandar, Jabatan tidak mempunyai garis panduan yang khusus bagi program pengairan dan saliran untuk pertanian. Kerja penyenggaraan bagi skim pengairan dan saliran untuk pertanian dijalankan berdasarkan kepada Manual Parit Dan Tali Air dan Manual Prosedur Kerja. Hasil semakan Audit mendapati, JPS Negeri Kelantan ada menyediakan beberapa garis panduan pelaksanaan kerja bagi pengairan dan saliran seperti Garis Panduan Pengendalian Sistem Pengairan Di Rancangan Pengairan,

Garis Panduan Penyenggaraan Kemudahan Infrastruktur Di Rancangan Pengairan dan Garis Panduan Pengendalian Dan Penyenggaraan Di Kawasan Saliran Pertanian.

Pada pendapat Audit, Jabatan tidak mempunyai garis panduan khusus bagi kerja penyenggaraan pengairan dan saliran pertanian berbanding saliran bandar yang mempunyai Pelan Induk Perparitan yang lengkap.

5.2.3 Sasaran Program

Pelaksanaan program pengairan dan saliran perlu menepati sasaran program yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati pelaksanaan program adalah seperti berikut:

a) Program Skim Pengairan Baru

Pembinaan skim pengairan baru adalah berdasarkan kepada permohonan daripada Jabatan/Agensi Kerajaan, wakil rakyat mahupun petani. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005, tidak ada permohonan diterima bagi membina skim pengairan baru.

b) Program Saliran Baru

Pada tahun 2005 sebanyak 2 projek pembinaan sistem saliran bandar telah dilaksanakan. Semakan Audit terhadap Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Terengganu tahun 2005 mendapati projek tersebut tidak ada dalam perancangan Jabatan.

c) Program Pembangunan Dan Penyenggaraan

Pelaksanaan kerja pengairan dan saliran perlu menepati sasaran program yang telah ditetapkan. Sehubungan dengan itu, Jabatan telah menyenaraikan projek pembangunan yang akan dilaksanakan pada setiap tahun. Berdasarkan kepada status projek pembangunan yang dilaporkan pada mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan JPS Negeri, bagi tempoh 2003 hingga 2005 sebanyak 28 projek yang dirancang telah berjaya disiapkan seperti di **Jadual 5**.

Jadual 5
Status Pelaksanaan Projek Pembangunan
Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga 2005

Butiran Projek	Tahun 2003	Tahun 2004	Tahun 2005	Jumlah
Bilangan Projek Yang Dirancang	9	14	16	39
Bilangan Projek Yang Dilaksanakan	4	8	16	28
Peratus Pelaksanaan Projek (%)	44.4	57.1	100	71.8

Sumber : Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Terengganu

Berdasarkan kepada Jadual di atas, semua projek yang dirancang pada tahun 2005 telah berjaya dilaksanakan. Bagaimanapun, hanya 4 daripada 9 projek yang dirancang pada tahun 2003 dan 8 daripada 14 projek bagi tahun 2004 telah

dilaksanakan. Manakala sebanyak 11 projek yang dirancang masing-masing 5 projek pada tahun 2003 dan 6 projek bagi tahun 2004 tidak dilaksanakan. Senarai projek yang tidak dapat dilaksanakan dan anggaran kos adalah seperti di **Jadual 6**.

Jadual 6
Senarai Projek Yang Tidak Dilaksanakan
Bagi Tempoh 2003 Hingga 2005

Tahun	Nama Projek	Peruntukan (RM)
2003	1. Menyenggara Dan Menaik Taraf Jambatan Dalam Skim Pengairan	200,000
	2. Membaik Pulih Jalan Ladang	200,000
	3. Menaik Taraf Rancangan Pengairan Lembah Marang I	150,000
	4. Pemulihan Rancangan Tali Air, Air Puteh, Kemaman	100,000
	5. Rancangan Pengairan Guntong Dalam Setiu Fasa II	10
2004	1. Menaik Taraf Rancangan Pengairan Lembah Marang I	200,000
	2. Pelan Induk Saliran Bandar Kuala Berang/Ajil	150,000
	3. Menaik Taraf Rancangan Pengairan Lembah Marang II	139,419
	4. Rancangan Pengairan Guntong Dalam Setiu Fasa II	10
	5. Rancangan Menaik Taraf Sistem Pengairan Kuala Akob, Hulu Terengganu	10
	6. Naik Taraf Sistem Pengairan Nerus Blok 3	10

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2003,2004 Dan 2005

Mengikut maklum balas daripada Jabatan, faktor utama yang menyebabkan kegagalan pelaksanaan projek yang telah dirancang adalah kerana tidak mendapat kelulusan berbelanja daripada Perbendaharaan Negeri disebabkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri yang tidak kukuh pada tahun tersebut. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan projek dibuat mengikut keutamaan dan kepentingan sesuatu projek.

d) Golongan Sasaran

Bagi memastikan program pengairan dan saliran memberi manfaat kepada golongan sasaran, maklumat mengenai bilangan petani, jenis tanaman dan keluasan kawasan tanaman mengikut jenis tanaman yang terlibat dalam skim pengairan perlu dikumpulkan dan dikemas kini dari semasa ke semasa. Maklumat ini penting bagi membuat perancangan dan penilaian pencapaian program. Daripada maklumat yang disediakan menunjukkan pada akhir tahun 2005, bilangan petani yang terlibat dalam skim pengairan di bawah penyenggaraan Jabatan adalah seramai 11,196 orang. Jenis tanaman yang terlibat secara keseluruhannya adalah tanaman padi di samping tembakau dan tanaman kontan. Manakala bilangan petani yang terlibat dalam skim saliran adalah seramai 1,244 orang. Jenis tanaman yang terlibat adalah seperti tanaman padi, tembakau, limau madu dan kelapa pandan.

Pada pendapat Audit, pencapaian pelaksanaan projek adalah baik walaupun terdapat projek yang tidak dapat dilaksanakan pada tahun 2003 dan 2004. Kegagalan pelaksanaan projek tersebut adalah disebabkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri yang kurang stabil pada tahun tersebut.

5.2.4 Pematuhan Prosedur Perolehan

Bagi tempoh 2003 hingga 2005, semua projek pembangunan dan penyenggaraan pengairan dan saliran dilaksanakan oleh pihak kontraktor yang dilantik. Bagi nilai perolehan kerja melebihi RM200,000 dibuat secara tender yang diuruskan oleh Ibu Pejabat JPS Negeri. Perolehan kerja yang bernilai kurang daripada RM20,000 hingga RM200,000 diurus di peringkat JPS daerah melalui sebut harga atau lantikan terus.

a) Perolehan Kerja Secara Tender

Bagi tempoh 2003 hingga 2005, terdapat 2 projek saliran bandar yang dibiayai melalui peruntukan Kerajaan Negeri dilaksanakan secara tender. Semakan Audit mendapati projek ini tidak tersenarai dalam rancangan tahunan Jabatan. Maklumat projek adalah seperti di **Jadual 7**.

Jadual 7
Projek Saliran Secara Tender Bagi Tempoh
Tahun 2003 Hingga 2005

Bil.	Projek	No. Kontrak	Kontraktor	Harga Kontrak (RM Juta)	Tarikh Patut Siap
1.	Membina dan menyiapkan sistem saliran dan kerja-kerja yang berkaitan di Kampung Cacar, Paka, Dungun.	JPS/N/TG/S/3/05	Pastura Sdn. Bhd. Dungun, Terengganu	1.20	12.3.2006
2.	Membina dan menyiapkan sistem saliran utama Fasa II serta kerja-kerja berkaitan di Pekan Kijal, Kemaman, Terengganu.	JPS/N/TG/S/4/05	Umiza Indah Sdn. Bhd. Cukai, Kemaman, Terengganu	1.29	12.3.2006

Sumber : Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Terengganu

Semakan Audit terhadap fail projek mendapati proses perolehan secara tender telah mematuhi prosedur yang ditetapkan antaranya seperti berikut:

- i) Tender telah diiklankan dalam akhbar tempatan berbahasa Melayu.
- ii) Penilaian dan pemilihan penender telah dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Lembaga Perolehan Negeri.
- iii) Kontraktor yang dipilih adalah berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia.
- iv) Dokumen kontrak telah ditandatangani oleh Kerajaan Negeri dan kontraktor.

b) Perolehan Kerja Secara Sebut Harga

Proses perolehan kerja secara sebut harga adalah melalui 2 peringkat iaitu Ibu Pejabat JPS Negeri dan JPS Daerah. Di peringkat JPS Daerah ia melibatkan proses menyemak, menilai dan membuat pengesyoran kontraktor oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga. Manakala di peringkat JPS Negeri ia melibatkan proses memilih kontraktor oleh Jawatankuasa Sebut Harga. Semakan Audit terhadap 70 sebut harga yang dikeluarkan bagi tempoh 2003 hingga 2005 mendapati proses perolehan telah mematuhi prosedur yang ditetapkan antaranya seperti berikut:

- i) Kaedah pelaksanaan kerja adalah mengikut Arahan Perbendaharaan 180.2 dan Surat pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2001.
- ii) Pihak Jabatan telah menawarkan kerja secara sebut harga bagi kerja yang bernilai melebihi RM20,000 hingga RM200,000.
- iii) Notis pemberitahuan tawaran sebut harga telah dipaparkan di papan kenyataan pejabat JPS daerah masing-masing yang mengandungi perkara seperti tajuk sebut harga, syarat kelayakan, bidang/kelas/kepala pendaftaran serta tempat, tarikh dan waktu sebut harga diterima dan ditutup.
- iv) Sebut harga projek telah dipelawa kepada kontraktor Bumiputera Kelas F yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia di bawah tajuk kepala dan sub-kepala yang berkaitan.
- v) Pelawaan projek sebut harga di sesuatu daerah telah dihadkan kepada kontraktor yang berdaftar bagi kawasan pentadbiran daerah yang ianya didaftarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor.
- vi) Kontraktor yang membuat tawaran sebut harga telah dibawa ke tapak projek oleh pegawai JPS Daerah masing-masing.

c) Perolehan Kerja Secara Lantikan Terus

Bagi perolehan kerja secara lantikan terus bagi kerja yang kosnya kurang daripada RM20,000, tanggungjawab telah diberikan kepada Jurutera Daerah untuk mengeluar dan meluluskan pesanan/inden kerja. Jurutera Daerah juga bertanggungjawab menjalankan pemantauan terhadap pelaksanaan kerja bagi memastikan spesifikasi dan tempoh siap kerja telah dipatuhi sebelum pembayaran dibuat. Pemeriksaan Audit mendapati JPS Kuala Terengganu/Marang dan Besut telah membuat pemilihan kontraktor melalui sistem undian selain lantikan terus. Pemilihan secara undian dibuat bagi memberi peluang kepada lebih ramai kontraktor menyertai projek Jabatan dan juga bagi mengelak daripada unsur pilih kasih.

Pada pendapat Audit, proses perolehan kerja telah diuruskan dengan baik mengikut peraturan dan prosedur yang ditetapkan. Sistem undian yang

diamalkan dapat memberi peluang kepada lebih ramai kontraktor menyertai projek yang ditawarkan.

5.2.5 Prestasi Pelaksanaan Program

Bagi menilai pelaksanaan program, semakan Audit telah dijalankan terhadap beberapa fail projek yang berkaitan dan melakukan lawatan ke beberapa tapak projek. Hasil semakan dan lawatan tersebut adalah seperti berikut:

a) Prestasi Pelaksanaan Kerja Secara Tender

Pada tahun 2005, terdapat 2 projek saliran bandar yang dilaksanakan secara tender iaitu di daerah Dungun dan Kemaman dengan kos projek masing-masing berjumlah RM1.20 juta dan RM1.29 juta. Kedua-dua projek tersebut diberi tempoh selama 24 minggu untuk disiapkan iaitu pada 12 Mac 2006. Status pelaksanaan projek adalah seperti berikut:

i) Membina Dan Menyiapkan Sistem Saliran Dan Kerja Berkaitan Di Kampung Cacar, Paka, Dungun, Terengganu

- No. Kontrak JPS/N/TG/S/3/05

Projek ini telah ditawarkan kepada Syarikat Pastura Sdn. Bhd. dengan kos kontrak berjumlah RM1.20 juta. Mengikut perjanjian kontrak, tarikh milik tapak adalah pada 25 September 2005 dan perlu disiapkan pada 12 Mac 2006 iaitu selama 24 minggu. Bagaimanapun kontraktor tidak dapat menyiapkan projek ini dalam tempoh yang ditetapkan kerana musim tengkujuh yang bermula dari bulan Oktober hingga Disember 2005 menyebabkan kerja tanah tidak dapat dijalankan. Pihak Kontraktor telah memohon lanjutan masa dan diluluskan sehingga 7 Mei 2006 iaitu selama 8 minggu. Selepas lanjutan masa, pihak kontraktor masih gagal menyiapkan projek dan telah memohon lanjutan masa kali kedua. Permohonan lanjutan masa kali kedua disebabkan masalah pengalihan tiang elektrik, tiang telefon dan utiliti di bawah tanah yang hanya disedari semasa kerja pembinaan dijalankan. Lanjutan masa kali kedua telah diluluskan sehingga 21 Oktober 2006 atau 24 minggu. Sehingga akhir bulan Disember 2006, kemajuan projek adalah 96%. Antara kerja yang telah disiapkan adalah seperti di **Foto 1** dan **2**.

Foto 1
Sistem Saliran Tertutup Yang Telah Siap



*Sumber : Fail Foto Jabatan Pengairan Dan Saliran Dungun
Tarikh : 21 November 2006
Lokasi : Kampung Cacar, Dungun*

Foto 2
Sistem Saliran U-Drain Konkrit Siap Dilaksanakan



*Sumber : Fail Foto Jabatan Pengairan Dan Saliran Dungun
Tarikh : 21 November 2006
Lokasi : Kampung Cacar, Dungun*

**ii) Membina Dan Menyiapkan Sistem Saliran Utama Fasa II Serta
Kerja Berkaitan Di Pekan Kijal, Kemaman, Terengganu**

- **No. Kontrak JPS/N/TG/S/4/05**

Projek ini telah ditawarkan kepada Syarikat Umiza Indah Sdn. Bhd. dengan kos kontrak berjumlah RM1.29 juta. Mengikut perjanjian kontrak, tarikh milik tapak

adalah pada 25 September 2005 dan perlu disiapkan pada 12 Mac 2006 iaitu selama 24 minggu. Mengikut minit mesyuarat tapak yang diadakan pada 23 Ogos 2006, kemajuan kerja mengikut jadual asal sepatutnya adalah pada tahap 99% tetapi kemajuan kerja sebenar hanya 42%. Kontraktor telah memohon lanjutan masa tetapi belum diluluskan kerana Pegawai Kewangan Negeri tidak berpuas hati dengan alasan kelewatan tersebut disebabkan oleh hujan yang diakui hanya 5 minggu. Kemajuan projek sehingga akhir bulan Disember 2006 adalah sebanyak 60% seperti di **Foto 3** dan **4**.

Foto 3
Parit Belum Dipasang U-Drain



Sumber : Fail Foto Jabatan Pengairan Dan Saliran Kemaman

Tarikh : 21 November 2006

Lokasi : Pekan Kijal, Kemaman

Foto 4
Kerja Pemasangan U-Drain Sedang Dijalankan



Sumber : Fail Foto Jabatan Pengairan Dan Saliran Kemaman

Tarikh : 21 November 2006

Lokasi : Pekan Kijal, Kemaman

Pihak Audit berpendapat kemajuan projek adalah kurang memuaskan kerana kerja tidak disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan.

b) Prestasi Pelaksanaan Kerja Secara Sebut Harga Dan Lantikan Terus

Prestasi pelaksanaan kerja telah dipertanggungjawabkan kepada Jurutera Daerah di daerah masing-masing. Pelaksanaan kerja secara sebut harga dan lantikan terus adalah seperti kerja menggali cuci dan membersihkan tali air termasuk menebas, meracun dan membuang mendapan. Pelaksanaan kerja dilakukan oleh kontraktor yang dilantik mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Jabatan. Bagi tempoh 2003 hingga 2005, sebanyak 70 sebut harga dan 397 lantikan terus telah dikeluarkan untuk kerja penyenggaraan skim pengairan dan saliran bagi daerah Kuala Terengganu/Marang, Hulu Terengganu dan Besut seperti di **Jadual 8**.

Jadual 8
Bilangan Sebut Harga Dan Lantikan Terus Yang Dikeluarkan
Bagi Tempoh 2003 Hingga 2005

Daerah	Sebut Harga			Lantikan Terus		
	Tahun 2003	Tahun 2004	Tahun 2005	Tahun 2003	Tahun 2004	Tahun 2005
Kuala Terengganu/Marang	3	4	10	1	15	130
Hulu Terengganu	1	9	4	15	10	11
Besut	4	1	34	30	16	169
Jumlah	8	14	48	46	41	310

Sumber : Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Terengganu

Semakan Audit mendapati prosedur kerja yang ditetapkan bagi perolehan kerja secara sebut harga dan lantikan terus telah dipatuhi. Surat tawaran telah dikeluarkan kepada kontraktor yang berjaya dengan menyatakan tarikh kerja perlu disiapkan. Inden kerja telah dikeluarkan dan disahkan oleh Juruteknik dan Jurutera Daerah setelah memastikan kerja terbabit telah dilaksanakan dengan sempurna dan mematuhi spesifikasi yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati prestasi pelaksanaan kerja di daerah Besut dan Kuala Terengganu/Marang adalah baik di mana kerja dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Bagi daerah Hulu Terengganu daripada 31 sampel Audit, sebanyak 26 kerja telah lewat disiapkan antara 25 hingga 84 hari daripada tarikh yang ditetapkan dan tidak ada surat permohonan lanjutan masa dikemukakan oleh kontraktor untuk kelulusan Jurutera Daerah. Contoh kerja yang lewat disiapkan daripada tarikh yang ditetapkan adalah seperti di **Jadual 9**.

Jadual 9
Contoh Kerja Yang Lewat Disiapkan Dari Jadual Asal

Bil.	No. Inden	Jenis Kerja	Tarikh Patut Siap	Tarikh Sebenar Siap	Kelewatan (Hari)
1.	Inden JPS.H.TR(S) 3/2003	Membina dan menyiapkan dua buah antena serta kerja berkaitan di Rancangan Pengairan padang Zipoh, Mukim Kuala Berang.	13.04.2003	08.05.2003	25
2.	Inden JPS.H.TR(S) 11/2003	Kerja membaiki jalan ladang serta kerja berkaitan di Skim Pengairan Matang, Mukim Hulu Terengganu.	26.04.2003	09.06.2003	44
3.	Inden JPS.H.TR(S) 7/2003	Kerja membaiki jalan ladang serta kerja berkaitan di Skim Pengairan Padang Ipoh, Mukim Kuala Berang.	26.04.2003	28.05.2005	32
4.	Inden JPS.H.TR(S) 4/2003	Membina dan menyiapkan sebuah jambatan konkrit 2.2m x 7 m di Rancangan Pengairan Kuala Akob, Mukim Tanggol.	13.04.2003	20.05.2003	37
5.	Inden JPS.H.TR(S) 9/2003	Kerja membaik pulih sistem pengairan Matang, Mukim Hulu Telemong.	30.04.2003	26.05.2003	26
6.	Inden JPS.H.TR(S) 12/2003	Kerja menebang pokok besar tepi tali air serta kerja berkaitan di Skim Pengairan Langgar, Mukim Kuala Berang.	29.03.2003	28.05.2003	60
7.	Inden JPS.H.TR(S) 14/2003	Kerja membaiki jalan ladang serta kerja berkaitan di Skim Pengairan Paya Rapat.	11.10.2003	14.12.2003	64
8.	Inden JPS.H.TR(S) 15/2003	Kerja menggali cuci dan membersihkan tali air serta kerja berkaitan di Rancangan Pengairan Matang dan Gaung, Hulu Terengganu	21.09.2003	14.12.2003	84

Sumber : Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Terengganu

Lawatan Audit pada bulan Ogos 2006 telah dilakukan ke beberapa tapak projek penyenggaraan pengairan dan saliran di daerah Kuala Terengganu/Marang, Besut dan Hulu Terengganu. Antara tapak projek yang dilawati adalah seperti berikut:

- i) Kerja membersih dan mencuci tali air A3 kawasan Tali Air Nerus, Kuala Terengganu sepanjang 3.9 km.
- ii) Menyenggara dan menaik taraf jalan ladang Skim Pengairan Matang, Hulu Terengganu.
- iii) Menebas, mencuci, membuang mendapan dan meracun tali air konkrit slab dan 'U' blok di Skim Pengairan Pelagat, Besut.

Hasil lawatan Audit mendapati kerja penyenggaraan telah disiapkan mengikut spesifikasi dan dalam tempoh yang ditetapkan. Keadaan tali air dan jalan ladang yang telah disenggarakan adalah seperti di **Foto 5** dan **6**.

Foto 5
Tali Air Yang Telah Siap Diselenggarakan



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 21 Ogos 2006

Lokasi : Kawasan Tali Air Nerus, Kuala Terengganu

Foto 6
Menaik Taraf Jalan Ladang Yang Telah Siap Dibina



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 29 Ogos 2006
Lokasi : Skim Pengairan Matang, Hulu Terengganu

Pada pendapat Audit, pelaksanaan kerja pengairan dan saliran melalui sebut harga dan lantikan terus telah dilaksanakan dengan baik. Pelaksanaan kerja telah mengikut spesifikasi dan disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan.

c) Parit Dan Tali Air Tidak Disenggarakan

Parit dan tali air hendaklah disenggarakan secara tetap dan berkala mengikut Manual Parit Dan Tali Air. Semakan Audit mendapati penyenggaraan parti dan tali air adalah tidak menyeluruh. Lawatan Audit ke beberapa kawasan pertanian di Skim Pengairan Pelagat, Besut mendapati ada parit dan tali air tidak disenggarakan dengan memuaskan seperti di **Foto 7** dan **8**. Tali air cetek dan dipenuhi rumput.

Foto 7
Parit Dan Tali Air Tidak Disenggarakan



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 18 Ogos 2006
Lokasi : Skim Pengairan Pelagat, Besut

Foto 8
Parit Dan Tali Air Tidak Disenggarakan



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 18 Ogos 2006
Lokasi : Skim Pengairan Pelagat, Besut

Mengikut penjelasan pihak JPS Daerah Besut, peruntukan untuk kerja penyenggaraan parit dan tali air tidak mencukupi menyebabkan pengagihan peruntukan perlu dilakukan mengikut keutamaan dan kekerapan penyenggaraan parit dan tali air dikurangkan.

Pada pendapat Audit, peruntukan untuk kerja penyenggaraan tali air dan parit tidak mencukupi menyebabkan kerja penyenggaraan tidak dapat dijalankan secara menyeluruh.

d) Rumah Pam Tidak Disenggarakan

Rumah Pam merupakan salah satu komponen dalam program pengairan dan saliran. Rumah Pam menempatkan pam air yang digunakan untuk mengepam air daripada punca air seperti sungai ke tali air untuk dialirkan ke kawasan tanaman. Ia perlu disenggarakan dengan baik bagi memastikan keperluan air ke kawasan pertanian tidak tergendala. Lawatan Audit telah dilakukan ke beberapa Rumah Pam bagi melihat keadaan Rumah Pam sama ada ia berfungsi dan disenggara dengan memuaskan. Hasil lawatan Audit mendapati terdapat antara Rumah Pam tidak disenggarakan dengan baik dan tidak digunakan seperti berikut:

i) Rumah Pam Kuala Akob

Rumah Pam ini membekalkan air bagi kawasan pertanian Kuala Akob. Bagaimanapun ia telah tidak digunakan lagi sejak tahun 1998 kerana mengalami kerosakan. Kerosakan rumah pam ini menyebabkan kawasan pertanian di kawasan ini tidak dapat dimajukan. Pemerhatian Audit mendapati keadaan persekitaran Rumah Pam adalah tidak terurus dan dipenuhi semak samun. Pihak Audit dimaklumkan Rumah Pam ini akan dibaiki semula bagi membekalkan air ke kawasan pertanian Kuala Akob dan Binjai Kertas. Keadaan Rumah Pam Kuala Akob dan keadaan kawasan pertanian Kuala Akob yang tidak dibangunkan adalah seperti di **Foto 9** dan **10**.

Foto 9
Rumah Pam Tidak Disenggarakan



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 29 Ogos 2006

Lokasi : Rumah Pam Kuala Akop, Hulu Terengganu

Foto 10
Kawasan Pertanian Tidak Dimajukan
Akibat Kerosakan Rumah Pam



*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 29 Ogos 2006
Lokasi : Kawasan Pertanian Kuala Akop, Hulu Terengganu*

ii) Rumah Pam Tapah

Projek pemodenan Rumah Pam Tapah telah dilaksanakan pada tahun 2004 dengan perbelanjaan berjumlah RM0.15 juta. Bagaimanapun, Rumah Pam ini tidak digunakan sejak ia dibaiki kerana tidak ada permintaan daripada petani di kawasan sekitarnya. Akibat tidak digunakan, keadaan Rumah Pam tidak terurus dan dilaporkan telah berlaku beberapa kes kecurian. Keadaan Rumah Pam Tapah adalah seperti di **Foto 11** dan **12**.

Foto 11
Keadaan Rumah Pam Tapah Terbiar



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 29 Ogos 2006
Lokasi : Rumah Pam Tapah, Hulu Terengganu

Foto 12
Keadaan Rumah Pam Tapah Terbiar



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 29 Ogos 2006
Lokasi : Rumah Pam Tapah, Hulu Terengganu

Pada pendapat Audit, Rumah Pam yang tidak disenggarakan dengan teratur menyebabkan aktiviti pertanian tidak dapat diusahakan. Selain itu, penyenggaraan Rumah Pam yang tidak digunakan merupakan satu pembaziran yang boleh dielakkan jika perancangan awal diadakan.

e) Pengurusan Aduan

Setiap aduan yang diterima telah difailkan mengikut skim pengairan untuk perhatian dan tindakan lanjut. Semakan Audit mendapati aduan diterima daripada pelbagai pihak seperti Pertubuhan Peladang Kawasan, Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung atau wakil rakyat. Antara aduan yang diterima adalah seperti permohonan bagi mencuci parit dan membina jalan ladang. Pihak JPS daerah telah menjalankan siasatan terhadap setiap aduan yang diterima bagi mengenal pasti tahap keperluan permohonan tersebut. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati pelaksanaan kerja yang dimohon tidak diambil tindakan segera disebabkan peruntukan kewangan tahunan Jabatan yang terhad. Contoh aduan adalah seperti yang diterima daripada Pengerusi Jawatankuasa Projek Padi Kelompok, Unit Peladang Kampung Air Terjun memohon beberapa kemudahan antaranya mencuci parit besar sepanjang 0.5 km dan menaik taraf jalan ladang dari Pohon Sentol ke Tok Pak Soh sepanjang 2 km. Permohonan tersebut disertakan dengan Foto seperti di **Foto 13** dan **14**.

Foto 13
Keadaan Parit Besar Yang Perlu Dicuci



Sumber : Fail Foto Jabatan Pengairan Dan Saliran Besut

Tarikh: 29 Ogos 2006

Lokasi : Kawasan Tanaman Padi Kelompok, Kampung Air Terjun, Besut

Foto 14
Jalan Sedia Ada Di Kawasan Tanaman Padi



Sumber : Fail Foto Jabatan Pengairan Dan Saliran Besut

Tarikh: 29 Ogos 2006

Lokasi : Kawasan Tanaman Padi Kelompok, Kampung Air Terjun, Besut

Pada pendapat Audit, pengurusan aduan telah dijalankan dengan baik. Siasatan telah dilakukan terhadap setiap aduan yang diterima. Bagaimanapun disebabkan peruntukan yang tidak mencukupi menyebabkan tindakan segera tidak dapat dilaksanakan.

f) Manfaat Program

Program pengairan dan saliran merupakan salah satu penyumbang kepada perkembangan sektor pertanian. Program yang dijalankan telah membantu petani menjalankan aktiviti pertanian dengan lancar dan secara langsung berjaya menjana pendapatan para petani. Mengikut maklumat yang diperoleh daripada Jabatan Pertanian Negeri Terengganu, jumlah pengeluaran padi dari skim pengairan JPS Negeri bagi tempoh 2003 hingga 2005 adalah sebanyak 46,928 metrik tan seperti di **Jadual 10**.

Jadual 10
**Jumlah Pengeluaran Padi Negeri Terengganu Di Bawah Skim
 Pengairan JPS Bagi Tempoh 2003 Hingga 2005**

Bil.	Daerah	Jumlah Pengeluaran Padi (Metrik Tan)			Keluasan Tanaman Padi (Hektar)		
		Tahun 2003	Tahun 2004	Tahun 2005	Tahun 2003	Tahun 2004	Tahun 2005
1.	Besut	4,264	13,291	9,881	2,356	3,007	2,823
2.	Dungun	163	27	21	90	6	6
3.	Kemaman	503	1,450	1,184	278	328	338
4.	Kuala Terengganu	1,037	2,302	1,635	573	521	517
5.	Hulu Terengganu	532	1,437	1,498	294	314	428
6.	Marang	300	668	788	166	151	225
7.	Setiu	2,241	3,006	700	1,238	680	200
Jumlah		9,040	22,181	15,707	4,995	5,007	4,537

Sumber : Rekod Jabatan Pertanian Negeri Terengganu

Berdasarkan **Jadual di atas**, secara keseluruhannya jumlah pengeluaran padi meningkat 145.4% pada tahun 2004 berbanding tahun 2003 tetapi menurun 29.2% pada tahun 2005. Penurunan produktiviti adalah disebabkan keluasan tanaman padi telah berkurangan 9.4% pada tahun 2005 berbanding tahun 2004. Daerah Besut merupakan pengeluar padi terbesar di Negeri Terengganu iaitu sebanyak 27,436 metrik tan bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005. Jumlah ini merupakan 58.5% daripada jumlah keseluruhan pengeluaran padi di Negeri Terengganu. Lawatan Audit ke kawasan tanaman padi di kawasan pertanian Pelagat dan Paya Rapat mendapati aktiviti menanam padi adalah aktif seperti yang dapat dilihat di **Foto 15 dan 16**.

Foto 15
Pandangan Sawah Yang Menghijau Dengan Pokok Padi



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 18 & 30 Ogos 2006

Lokasi : Kawasan Tanaman Padi Pelagat dan Paya Rapat

Pada pendapat Audit, program pengairan dan saliran telah menyumbang kepada perkembangan sektor pertanian negeri dan secara langsung berjaya menjana pendapatan para petani.

5.2.6 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

Pengurusan guna tenaga yang cekap dan latihan yang mencukupi dapat membantu melancarkan pelaksanaan sesuatu program yang dirancang.

a) Guna Tenaga

Pengurusan program pengairan dan saliran adalah terletak di bawah tanggungjawab Bahagian Pengairan Dan Saliran. Bahagian ini diketuai oleh seorang Penolong Pengarah Gred J48. Di peringkat daerah, program pengairan dan saliran juga diletakkan di bawah Bahagian Pengairan Dan Saliran yang diketuai oleh pegawai daripada pelbagai gred. Bagi JPS Kuala Terengganu/Marang diketuai oleh Jurutera Gred J41 manakala JPS Besut dan Hulu Terengganu diketuai oleh Pembantu Teknik Gred J29. Bilangan perjawatan yang diluluskan pada tahun 2006 ialah sebanyak 491 jawatan iaitu 19 jawatan daripada Kumpulan Pengurusan Dan Profesional dan 472 jawatan daripada Kumpulan Sokongan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 400 jawatan telah diisi manakala 91 jawatan masih belum diisi iaitu satu daripada Kumpulan Pengurusan Dan Profesional dan 90 jawatan lagi terdiri daripada Kumpulan Sokongan. Kedudukan pengisian perjawatan di Bahagian/Unit Pengairan Dan Saliran di JPS Negeri dan JPS Kuala Terengganu/Marang, Besut dan Hulu Terengganu adalah seperti di **Jadual 11**.

Jadual 11
Kedudukan Perjawatan Di Bahagian Pengairan Dan Saliran
Di Ibu Pejabat Dan Daerah

Bil.	JPS Negeri & Daerah	Jawatan & Gred	Lulus	Isi	Kosong
1.	Ibu Pejabat	Jurutera (J48)	1	1	0
		Jurutera (J41)	1	1	0
		Pembantu Teknik (J36)	1	1	0
		Pembantu Teknik (J29)	1	1	0
		Pelukis Pelan (J17)	1	1	0
		Juruteknik (J22/J17)	5	4	1
		Lain-lain	11	10	1
Jumlah			21	19	2
2.	Kuala Terengganu/ Marang	Jurutera (J41)	1	1	0
		Pembantu Teknik (J29)	1	1	0
		Juruteknik (J22/J17)	5	5	0
		Lain-lain	51	32	19
Jumlah			58	39	19
3.	Besut	Pembantu Teknik (J29)	1	0	1
		Juruteknik (J17)	6	6	0
		Lain-lain	56	43	13
Jumlah			63	49	14
4.	Hulu Terengganu	Pembantu Teknik (J29)	1	1	0
		Juruteknik (J17)	3	3	0
		Lain-lain	13	11	2
Jumlah			17	15	2

Sumber : Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Terengganu

Berdasarkan **Jadual di atas**, kekosongan jawatan banyak berlaku di peringkat bawahan seperti Merinyu Tali Air, Operator Loji dan Pekerja Rendah Awam. Kekosongan jawatan berlaku disebabkan oleh kakitangan yang telah bersara daripada perkhidmatan dan tidak diganti. Keadaan ini menyebabkan JPS Kuala Terengganu/Marang dan Hulu Terengganu telah mengambil pekerja sambilan yang dibayar gaji melalui inden untuk menguruskan Rumah Pam dan pintu air. Kekosongan jawatan ini telah dimaklumkan oleh JPS daerah kepada Ibu Pejabat JPS Negeri dari masa ke semasa. Pihak Jabatan telah mengambil tindakan mengemukakan permohonan pengisian jawatan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri tetapi belum mendapat maklum balas.

b) Latihan

Bahagian Latihan Dan Kemajuan Kerjaya, JPS Malaysia adalah bertanggungjawab menyelaras semua kursus dan latihan bagi kakitangan JPS di seluruh negara. Setiap tahun Bahagian Latihan telah mengedarkan program latihan kepada JPS Negeri untuk mencalonkan pegawai bagi menghadiri program latihan yang dianjurkan. Semakan Audit mendapati Jabatan telah menubuhkan Jawatankuasa Penyelaras Latihan bagi mengurus dan memantau kursus dan latihan kakitangan.

Jawatankuasa ini memantau program latihan kakitangan dan menyediakan laporan latihan untuk dikemukakan kepada Bahagian Latihan Dan Kemajuan Kerjaya. Laporan yang disediakan adalah seperti Laporan Program Latihan Bagi Setiap Suku Tahun dan Laporan Pemantauan Latihan 7 Hari Dalam Setahun. Setiap tahun, Bahagian Latihan mengeluarkan Laporan Program Latihan Tahunan yang memberikan gambaran terperinci pencapaian dan kemajuan keseluruhan pelaksanaan latihan secara amnya dan secara khususnya kursus berjadual yang diadakan di 3 Institut Pembangunan Kompetensi JPS Malaysia iaitu Institut Pembangunan Kompetensi di Kuala Lumpur, Institut Pengurusan Air Negara dan Institut Pembangunan Kompetensi di Ipoh.

Semakan Audit mendapati pihak JPS Negeri telah berusaha menghantar pegawai dan kakitangan menghadiri berbagai jenis program latihan seperti Kursus Asas Manual Saliran Mesra Alam, Kursus Asas Pemeliharaan Dan Pemulihan Sungai, Kursus Kejuruteraan Pantai, Kursus Asas Kerja Ukur dan sebagainya.

Pada pendapat Audit, kekosongan jawatan yang berlaku di peringkat daerah telah menjaskan operasi program pengairan dan saliran terutama yang melibatkan penyenggaraan Rumah Pam dan pintu air.

5.2.7 Prestasi Perbelanjaan Program

Bagi menjayakan program pembangunan dan penyenggaraan pengairan dan saliran bagi seluruh Negeri Terengganu, Jabatan telah memohon peruntukan berjumlah RM23.69 juta bagi tempoh 2003 hingga 2005. Daripada sejumlah RM23.69 juta yang dimohon, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan bagi perbelanjaan pembangunan berjumlah RM10.80 juta atau 87% daripada permohonan yang berjumlah RM12.30 juta. Manakala sejumlah RM13.23 juta telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri bagi perbelanjaan penyenggaraan berbanding peruntukan yang dimohon sejumlah RM13.47 juta atau 98.2%. Daripada sejumlah RM10.80 juta yang diluluskan bagi perbelanjaan pembangunan, sebanyak 70.6% atau RM7.63 juta telah dibelanjakan. Manakala sejumlah RM12.67 juta atau 95.8% telah dibelanjakan bagi program penyenggaraan daripada sejumlah RM13.23 juta yang diluluskan bagi tempoh 2003 hingga 2005 seperti di **Jadual 12**.

Jadual 12
Jumlah Peruntukan Dan Perbelanjaan Pembangunan Dan
Penyenggaraan Bagi Tempoh 2003 Hingga 2005

Tahun	Pembangunan			Penyenggaraan		
	Lulus (RM Juta)	Belanja (RM Juta)	Peratus (%)	Lulus (RM Juta)	Belanja (RM Juta)	Peratus (%)
2003	2.30	1.29	56.1	2.83	2.71	95.8
2004	2.35	1.46	62.1	4.90	4.77	97.3
2005	6.15	4.88	79.3	5.50	5.19	94.4
Jumlah	10.80	7.63	70.6	13.23	12.67	95.8

Sumber : Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Terengganu

Peruntukan bagi projek pembangunan adalah diuruskan dan dikawal oleh Ibu Pejabat JPS Negeri dan peruntukan bagi penyenggaraan diuruskan oleh JPS daerah masing-masing. Berdasarkan peratus perbelanjaan pembangunan bagi tempoh 2003 hingga 2005, perbelanjaan tahun 2003 hanya mencapai 56.1% atau RM1.29 juta daripada RM2.30 juta peruntukan yang diluluskan. Manakala bagi tahun 2004, sejumlah RM1.46 juta atau 62.1% daripada RM2.35 juta telah dibelanjakan. Keadaan ini disebabkan kawalan yang dikenakan oleh Perbendaharaan Negeri kerana kedudukan kewangan Kerajaan Negeri yang tidak stabil pada tahun tersebut. Prestasi perbelanjaan pembangunan pada tahun 2005 adalah sejumlah RM4.88 juta atau 79.4% berbanding peruntukan yang diluluskan sejumlah RM6.15 juta disebabkan terdapat projek yang belum siap hingga akhir tahun 2005 dan belum dibuat pembayaran.

Prestasi perbelanjaan mengurus di bawah aktiviti penyenggaraan bagi keseluruhan Negeri Terengganu bagi tempoh 2003 hingga 2005 menunjukkan sejumlah RM12.67 juta telah dibelanjakan daripada RM13.23 juta atau 95.8% berbanding peruntukan yang diluluskan. Peruntukan bagi aktiviti penyenggaraan didapati hampir keseluruhannya dibelanjakan pada setiap tahun kerana kerja penyenggaraan adalah kerja yang mesti dilakukan secara berkala bagi memastikan sistem pengairan dan saliran berfungsi dengan lancar terutama pada musim menanam padi. Peruntukan dan perbelanjaan mengurus bagi aktiviti penyenggaraan di JPS Kuala Terengganu/Marang, Besut dan Hulu Terengganu adalah seperti di **Jadual 13**.

Jadual 13
Peruntukan Dan Perbelanjaan Mengurus Bagi Aktiviti Penyenggaraan
Pengairan Dan Saliran Bagi Tempoh 2003 Hingga 2005

Tahun	Peruntukan Penyenggaraan								
	Kuala Terengganu/ Marang			Besut			Hulu Terengganu		
	Lulus (RM Juta)	Belanja (RM Juta)	Peratus (%)	Lulus (RM Juta)	Belanja (RM Juta)	Peratus (%)	Lulus (RM Juta)	Belanja (RM Juta)	Peratus (%)
2003	0.44	0.44	100	0.70	0.70	100	0.27	0.27	100
2004	0.82	0.82	100	1.20	1.19	100	0.45	0.44	97
2005	0.90	0.90	100	1.40	1.40	100	0.50	0.49	98

Sumber : Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Terengganu

Berdasarkan Jadual di atas, JPS daerah telah membelanjakan hampir keseluruhan peruntukan penyenggaraan yang diterima pada setiap tahun. Pihak Audit dimaklumkan bahawa kekerapan penyenggaraan terhadap pengairan dan saliran hanya dilakukan secara minimum mengikut keperluan dan peruntukan yang diluluskan dan tidak mengikut ketetapan seperti dalam Manual Parit Dan Tali Air.

Mengikut peraturan kewangan, Pegawai Pengawal atau pegawai yang diberi kuasa adalah bertanggungjawab untuk membuat pembayaran dengan betul bagi projek yang telah siap disempurnakan. Semakan Audit mendapati tuntutan bayaran yang dikemukakan oleh kontraktor telah disahkan oleh Juruteknik dan disertakan dengan dokumen sokongan yang lengkap seperti berikut:

- a) Inden kerja yang telah disempurnakan.
- b) Lesen kontraktor dengan Pusat Khidmat Kontraktor.
- c) Lesen pendaftaran dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia.
- d) Salinan penyata bank.
- e) Surat tawaran.
- f) Surat dari kontraktor memaklumkan kerja telah siap.

Pada pendapat Audit, pengurusan perbelanjaan dan pembayaran adalah baik dalam pelaksanaan program pengairan dan saliran.

Pada pendapat Audit, keseluruhan pelaksanaan program pengairan dan saliran adalah baik. Bagaimanapun ianya boleh diperingkatkan sekiranya diberi peruntukan yang mencukupi.

5.3 PEMANTAUAN

Pemantauan merupakan salah satu aspek penting yang perlu diberi perhatian bagi memastikan setiap program yang dirancang dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi mencapai objektif atau matlamat yang ditetapkan. Pemantauan terhadap program pengairan dan saliran dilakukan pada 2 peringkat iaitu peringkat Ibu Pejabat JPS Negeri dan JPS Daerah.

5.3.1 Peringkat Ibu Pejabat JPS Negeri

Pemantauan di peringkat Ibu Pejabat JPS Negeri melibatkan Jawatankuasa Pembangunan JPS Negeri Terengganu dan Unit Pengesahan Dan Penilaian.

a) Jawatankuasa Pembangunan JPS Negeri Terengganu

Pemantauan di peringkat Ibu Pejabat JPS Negeri adalah melalui Jawatankuasa Pembangunan JPS Negeri Terengganu. Pemantauan dilakukan terhadap kemajuan dan perbelanjaan projek. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pengarah JPS Negeri dan dianggotai oleh semua Penolong Pengarah, Jurutera Daerah dan Juruukur Bahan. Semakan Audit terhadap fail Jawatankuasa mendapati Jawatankuasa ini telah mengadakan mesyuarat 2 bulan sekali mulai tahun 2005 seperti yang ditetapkan. Antara agenda mesyuarat Jawatankuasa ini ialah membincang kedudukan kemajuan dan perbelanjaan projek yang dibiayai melalui peruntukan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

b) Unit Pengesahan Dan Penilaian

Semakan Audit mendapati Unit ini telah memainkan peranan membantu pihak pengurusan JPS Negeri dalam menyediakan laporan yang berkaitan dengan kemajuan fizikal dan perbelanjaan projek. Unit ini juga telah bertindak sebagai Unit Perkhidmatan Pelanggan Jabatan dengan pelanggan.

5.3.2 Peringkat JPS Daerah

Jurutera Daerah bertanggungjawab menjalankan pemantauan bagi memastikan projek dilaksanakan dengan baik daripada projek bermula sehingga siap. Semakan Audit mendapati Jurutera Daerah telah menjalankan pemantauan terhadap setiap projek yang dilaksanakan. Bagaimanapun tidak ada keseragaman dari segi merekodkan lawatan yang dilakukan ke tapak projek. Lawatan Audit ke JPS Besut mendapati aktiviti pemantauan yang dijalankan telah direkodkan dalam Buku Harian Tapak Bina oleh seorang Jurutera yang bertanggungjawab. Bagaimanapun, tidak ada rekod khas disediakan bagi merekodkan lawatan yang dilakukan ke tapak projek di JPS Kuala Terengganu/Marang dan Hulu Terengganu. Pengesahan kesempurnaan kerja dibuat hanya apabila pihak kontraktor mengemukakan tuntutan bayaran siap kerja.

Pada pendapat Audit, mekanisme pemantauan yang wujud di peringkat Ibu pejabat JPS Negeri dan JPS daerah bagi memantau kemajuan pelaksanaan kerja adalah memuaskan.

6. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya program pengairan dan saliran telah dilaksanakan dengan baik. Projek yang dirancang pada tahun 2005 telah dapat dilaksanakan sepenuhnya. Proses perolehan kerja sama ada secara tender, sebut harga dan lantikan terus telah mematuhi prosedur kewangan yang ditetapkan. Kerja penyenggaraan pengairan dan saliran telah dapat disiapkan mengikut spesifikasi dan tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun beberapa kelemahan yang dibangkitkan perlu diambil tindakan bagi memastikan pelaksanaan program dapat dipertingkatkan dan mencapai objektif program. Antara perkara yang perlu diberikan perhatian untuk tindakan adalah seperti berikut:

- a) Menyediakan garis panduan dan prosedur kerja yang lebih lengkap dalam melaksanakan program dengan lebih berkualiti dan sebagai panduan kepada Jurutera. Memandangkan pihak Jabatan tidak mempunyai garis panduan khusus mengenai pengairan untuk pertanian, pihak Jabatan boleh menggunakan garis panduan yang telah disediakan oleh JPS Negeri Kelantan. Antara garis panduan tersebut ialah Garis Panduan Pengendalian Sistem Pengairan Di Rancangan Pengairan dan Garis Panduan Penyenggaraan Kemudahan Infrastruktur Di Rancangan Pengairan.
- b) Memohon peruntukan yang mencukupi bagi melaksanakan program penyenggaraan pengairan dan saliran yang lebih menyeluruh meliputi skim pengairan yang sedia ada.
- c) Jabatan boleh mengambil inisiatif bagi menggunakan Rumah Pam Tapah dengan mengadakan perbincangan bersama Jabatan Pertanian bagi memajukan kawasan sekitar dengan projek pertanian.
- d) Pemantauan ke atas projek tender perlu dipertingkatkan bagi memastikan projek berjalan lancar dan disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.
- e) Pengisian jawatan yang kosong perlu diberikan perhatian walaupun pelaksanaan projek diserahkan kepada pihak kontraktor. Kekosongan jawatan seperti Operator Loji yang memerlukan kemahiran teknikal bagi mengurus Rumah Pam perlu diisi atau memberi latihan kepada kakitangan sedia ada.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN, JABATAN KERJA RAYA
DAN JABATAN HAL EHWAL AGAMA TERENGGANU**

PENGURUSAN PEMBINAAN MASJID

7. LATAR BELAKANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu (Pejabat) merupakan agensi bertanggungjawab dalam menguruskan perbelanjaan pembinaan masjid di seluruh Negeri Terengganu. Jabatan Kerja Raya Negeri Terengganu (JKR) selaku Jabatan teknikal bertindak sebagai agensi pelaksana pembinaan masjid. Tujuan utama pembinaan masjid adalah untuk mengembangkan syiar Islam dan memberi kemudahan serta keselesaan beribadah kepada rakyat di seluruh negeri. Kerajaan Negeri telah menggunakan 2 sumber kewangan bagi membiayai pembinaan masjid iaitu peruntukan Kerajaan Negeri dan sumbangan orang ramai (Dana Masjid). Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2006 Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM80 juta bagi membina masjid-masjid di seluruh Negeri Terengganu. Manakala jumlah Dana Masjid yang terkumpul sehingga bulan Disember 2006 adalah berjumlah RM2.13 juta.

8. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan pembinaan masjid di Negeri Terengganu telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

9. SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN

Pemilihan tajuk ini dibuat berdasarkan kepada pelaksanaan program ini diberi keutamaan oleh Kerajaan Negeri bagi membina dan membangunkan sebuah masjid bagi setiap Dewan Undangan Negeri (DUN) pada setiap tahun. Skop pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan pembinaan masjid di Negeri Terengganu bagi tahun 2005 dan 2006. Pengauditan telah dijalankan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu, Jabatan Kerja Raya Negeri Terengganu dan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT). Pihak Audit telah memilih 2 projek pembinaan masjid untuk dikaji secara terperinci iaitu projek pembinaan Masjid Kampung Sungai Ular, Hulu Terengganu dan Masjid Kampung Penarik, Setiu. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak dan memeriksa rekod, fail, laporan, minit mesyuarat pengurusan, Dokumen Kontrak, Laporan Kemajuan Tapak, Minit Mesyuarat Tapak, Buku Harian Tapak dan dokumen lain yang berkaitan. Lawatan tapak ke projek pembinaan Masjid Kampung Sungai Ular, Hulu Terengganu dan Masjid Kampung Penarik, Setiu bersama pegawai JKR juga dijalankan. Selain itu, temu bual dengan pegawai Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, pegawai di Jabatan Kerja Raya Negeri dan pegawai di Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri dilakukan bagi mendapatkan maklumat lanjut.

10. PENEMUAN AUDIT

10.1 PERANCANGAN

Perancangan merupakan aspek penting yang perlu diberi perhatian bagi menentukan pencapaian objektif program. Perancangan yang baik dan bersistematik membolehkan aktiviti pengurusan pembinaan dilaksanakan dengan teratur dan terancang. Semakan Audit terhadap aspek perancangan mendapati perkara berikut:

10.1.1 Dasar Kerajaan Negeri

Pada tahun 2005 Kerajaan Negeri telah memperkenalkan konsep membina satu masjid bagi setiap Dewan Undangan Negeri Terengganu pada setiap tahun tidak termasuk Masjid Hadhari di Jerteh dan Masjid Kristal di Kuala Terengganu. Pejabat telah diberi tanggungjawab untuk mengurus peruntukan bagi mencapai hasrat murni Kerajaan Negeri. Selain itu, JKR negeri pula diberi tanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan projek pembinaan masjid di seluruh Negeri Terengganu. JHEAT bertanggungjawab memastikan semua masjid yang dibina dapat diimarahkan bersesuaian dengan objektif pembinaan masjid. Sebelum daripada itu, bermula dari tahun 2001 Kerajaan Negeri Terengganu melaksanakan pembinaan masjid berkonseptan satu masjid satu daerah melalui pembiayaan sumbangan daripada orang ramai (Dana Masjid).

10.1.2 Undang-Undang Dan Peraturan

Kerajaan Negeri Terengganu akan mengurus pembinaan masjid mengikut undang-undang dan peraturan berkaitan yang ditetapkan. Ini termasuklah urusan perolehan/kewangan yang berkaitan dengan pembinaan serta pengurusan masjid. Manakala JHEAT adalah pihak yang bertanggungjawab dalam memberi kelulusan terhadap pembinaan sesebuah masjid di Negeri Terengganu. Selain itu, JKR Negeri Terengganu juga melaksanakan tugas berpandukan Manual JKR MS ISO 9001:2000 bagi membolehkan semua pegawai dan kakitangan serta pelanggan JKR memahami semua proses kerja ini secara mudah dan sistematik.

10.1.3 Sasaran Pembinaan Masjid

Bagi pelaksanaan pembinaan masjid melalui Dana Masjid sejumlah 7 buah masjid baru dirancang untuk dibina di 7 daerah dalam Negeri Terengganu bermula pada tahun 2001. Kerajaan Negeri Terengganu juga merancang membina sebuah masjid bagi setiap DUN pada setiap tahun bermula pada tahun 2005. Dengan cadangan tersebut adalah dijangkakan dalam tempoh 5 tahun sebanyak 100 hingga 150 buah masjid baru akan dapat dibina bersandarkan kepada bilangan 32 DUN di Negeri Terengganu. Tujuan pembinaan masjid baru adalah untuk menggantikan masjid sedia ada yang usang, menampung pertambahan penduduk dan penempatan baru.

Pada asasnya Jawatankuasa Pembinaan Masjid Negeri Terengganu yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Infrastruktur, Kemudahan Awam Dan Komunikasi Negeri Terengganu membuat keputusan iaitu kapasiti masjid yang akan dibina adalah bagi keperluan antara 500 hingga 750 dan 1,500 jemaah dengan siling peruntukan tidak melebihi RM2.50 juta.

10.1.4 Pemilihan Tapak Dan Lokasi

Pemilihan tapak dan lokasi merupakan faktor yang perlu diberi perhatian sebelum sesuatu projek pembinaan masjid dilaksanakan. Kajian kesesuaian tapak dan lokasi perlu dijalankan bagi memastikan masjid yang dibina dapat dimanfaatkan sebaik mungkin seperti keadaan fizikal tanah/tapak, bilangan penduduk yang beragama Islam dan kemudahan infrastruktur yang disediakan. Di samping itu, faktor kapasiti jemaah akan diberi perhatian dalam menentukan keluasan sesebuah masjid yang hendak dibina.

10.1.5 Jawatankuasa Yang Dibentuk

Bagi melancarkan dan memantapkan lagi pengurusan pembinaan masjid di Negeri Terengganu, beberapa jawatankuasa yang berkaitan akan dibentuk di peringkat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu, Jabatan Kerja Raya Terengganu dan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu.

10.1.6 Kaedah Pelaksanaan

Bagi memastikan program pembinaan masjid dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta memenuhi spesifikasi yang ditetapkan, Kerajaan Negeri merancang untuk melaksanakan program pembinaan masjid melalui kaedah di mana semua perolehan akan dibuat mengikut peraturan kewangan dan tatacara perolehan yang telah ditetapkan sama ada melalui lantikan terus, sebut harga atau tender. Projek pembinaan masjid akan dilaksanakan melalui tender terbuka, manakala kerja-kerja di bawah Wang Peruntukan Sementara seperti kerja-kerja elektrik, siar raya dan landskap yang kurang daripada RM200,000 akan dilaksanakan secara sebut harga. Sementara itu, bagi pembinaan masjid melalui pembiayaan Dana Masjid akan dilaksanakan secara berperingkat melalui sebut harga yang dikeluarkan dari semasa ke semasa bergantung kepada jumlah kewangan yang ada. Di samping itu, terdapat juga pembinaan yang dilaksanakan secara gotong royong apabila orang ramai memberikan sumbangan berbentuk bahan binaan.

a) Prosedur Tender

Bagi memastikan proses tender dilakukan dengan teratur dan sempurna, beberapa prosedur tender seperti di bawah akan disemak.

i) Iklan Dan Tempoh Tender

Sesuatu tender yang hendak dikeluarkan akan diiklankan untuk hebahan kepada kontraktor yang berminat melalui sekurang-kurangnya satu akhbar tempatan berbahasa Melayu. Iklan tersebut antara lain mesti mengandungi

jenis kerja yang hendak dilaksanakan, kelas pusat khidmat kontraktor yang diperlukan dan pecahan kepalanya, taraf bumiputera, tarikh lawatan tapak (jika berkaitan) dan tarikh tutup iklan. Tempoh tawaran yang ditetapkan ialah 30 hari daripada tarikh iklan dikeluarkan.

ii) Lawatan Tapak

Tarikh lawatan tapak ke atas sesuatu projek yang diiklankan dinyatakan dalam iklan yang disiarkan. Lawatan tapak adalah bertujuan memberi gambaran yang jelas kepada kontraktor bagi mengetahui secara langsung mengenai projek yang akan dilaksanakan. Seterusnya ianya akan membantu kontraktor membuat anggaran yang lebih tepat dan munasabah.

iii) Surat Setuju Terima

Pengarah JKR Negeri akan menghantar surat setuju terima kepada kontraktor bersama surat tawaran berjaya dalam tempoh sah laku tawaran. Tempoh sah laku tawaran adalah 3 bulan daripada tarikh tawaran ditutup.

b) Pemilihan Kontraktor

Kerajaan Negeri merancang untuk memilih kontraktor melalui kaedah tender terbuka oleh Lembaga Tender Negeri berdasarkan kepada garis panduan yang ditetapkan. Pemilihan kontraktor adalah berdasarkan kepada beberapa kriteria seperti harga dan tempoh siap kerja yang ditawarkan, kedudukan kewangan, pengalaman serta prestasi kontraktor.

c) Perjanjian Kontrak

Dokumen kontrak perlu dimeterai antara Kerajaan Negeri dengan kontraktor bagi menjamin kepentingan kedua-dua pihak. Dokumen kontrak memperjelaskan secara terperinci tanggungjawab Kerajaan Negeri dan kontraktor yang terlibat. Mengikut Surat Pekeling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1995, perjanjian kontrak hendaklah ditandatangani dalam tempoh 4 bulan dari tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan.

d) Syarat Kontrak

Dokumen kontrak menggariskan had obligasi dan hak kedua-dua pihak iaitu Kerajaan Negeri dan kontraktor bagi projek yang akan dilaksanakan. Dokumen kontrak yang disediakan hendaklah mengandungi syarat am kontrak dan syarat khas yang dipersetujui oleh pihak yang berkaitan. Klausu berikut diberi perhatian semasa menjalankan pengauditan.

i) Bon Pelaksanaan

Kontraktor perlu mengemukakan Bon Pelaksanaan bersamaan 5% daripada harga kontrak dalam bentuk sama ada Jaminan Bank atau Wang Jaminan Pelaksanaan. Sekiranya kontraktor memilih Wang Jaminan Pelaksanaan, potongan sebanyak 10% akan dibuat daripada setiap bayaran interim sehingga

mencapai jumlah 5% harga kontrak. Wang Jaminan Pelaksanaan ini boleh dilepaskan sebanyak 50% apabila Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.

ii) Bayaran Pendahuluan

Bagi kerja kontrak, jumlah pembayaran pendahuluan adalah berdasarkan peruntukan khas dalam syarat kontrak. Syarat berikut hendaklah dipatuhi sebelum bayaran pendahuluan boleh dibuat kepada kontraktor:

- Surat Setuju Terima telah ditandatangani dan dikembalikan oleh kontraktor.
- Bon Pelaksanaan telah dikemukakan.
- Polisi Insurans seperti yang ditetapkan dalam syarat kontrak dan perakuan pendaftaran PERKESO telah dikemukakan.

iii) Bayaran Kemajuan

Bayaran kemajuan kerja hendaklah diurus berpandukan kepada syarat kontrak yang ditetapkan. Bayaran dibuat oleh pihak kerajaan berdasarkan penilaian bulanan oleh Pegawai Pengguna Projek terhadap kemajuan kerja yang dilaksanakan.

iv) Tempoh Siap Kerja

Sesuatu projek perlu disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan.

v) Arah Perubahan Kerja

Perubahan kontrak kerja adalah penyimpangan daripada persetujuan kontrak asal berkaitan dengan pelan, senarai kuantiti bahan sama ada dipindah, ditambah atau dikurangkan. Perubahan ini tidak boleh mengubah skop kerja asal. Pelaksanaannya hendaklah dibuat di tapak asal sahaja. Selain itu, ianya perlu dibuat mengikut tempoh kontrak.

vi) Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa

Mengikut perjanjian kontrak semua kerja pembinaan perlu disiapkan mengikut jadual. Sekiranya kerja tidak dapat disiapkan, Pegawai Pengguna boleh memberi lanjutan masa atas sebab yang munasabah. Pegawai Pengguna akan mengeluarkan Sijil Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa sekiranya projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan setelah berpuas hati dengan sebab yang diberikan. Perkara ini perlu dimohon oleh kontraktor.

vii) Perakuan Siap Kerja

Pegawai Pengguna akan mengeluarkan Perakuan Siap Kerja setelah kontraktor menyiapkan kerja. Wakil Pegawai Pengguna (Jurutera Daerah) dikehendaki menyediakan kertas perakuan tersebut untuk kelulusan Pegawai Pengguna.

viii) Bayaran Denda Lewat

Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap akan dikeluarkan setelah Pegawai Pengusa berpendapat Sijil Lanjutan Masa tidak boleh dikeluarkan lagi kerana kerja sepatutnya telah disiapkan. Dengan pengeluaran sijil ini bayaran denda lewat akan dikenakan terhadap kontraktor tersebut. Kadar ganti rugi yang perlu dibayar oleh kontraktor kepada Kerajaan adalah bergantung kepada syarat-syarat yang ditetapkan dalam dokumen kontrak.

ix) Penamatkan Kontrak

Pegawai Pengusa akan menamatkan kontrak pada bila-bila masa apabila didapati kontraktor gagal memenuhi obligasi kontrak. Sebelum menamatkan kontrak, peluang yang munasabah akan diberikan kepada kontraktor. Ini termasuk memberi peringatan, amaran yang cukup dan mengeluarkan surat tunjuk sebab.

x) Tempoh Tanggungan Kecacatan

Tempoh Tanggungan Kecacatan merupakan tempoh di mana kontraktor bertanggungjawab memperbaiki sebarang kecacatan terhadap kerja yang telah disiapkan. Tempoh tersebut akan dikira selepas penyiapan praktikal sesuatu projek. Tempoh tanggungan kecacatan bagi pembinaan masjid hendaklah sekurang-kurangnya 12 bulan dari tarikh kerja diperakukan siap.

xi) Kira-Kira Akhir/Akaun Muktamad

Bayaran akhir/muktamad akan dibayar kepada kontraktor dalam tempoh 6 bulan selepas Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.

xii) Sijil Perakuan Tamat Tempoh Kecacatan

Sijil Perakuan Tamat Tempoh Kecacatan akan dikeluarkan setelah tamat tempoh tanggungan kecacatan yang ditetapkan dan segala kerja telah disempurnakan. Dengan pengeluaran sijil ini, Wang Jaminan Pelaksanaan bolehlah dilepaskan dan dibayar kepada kontraktor.

10.1.7 Kualiti Kerja Pembinaan

Bagi menjamin kualiti kerja pembinaan, kerja hendaklah dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Kerajaan Negeri akan memastikan projek dapat disiapkan dengan sempurna dan tanpa kecacatan.

10.1.8 Keperluan Kewangan

Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan kewangan yang mencukupi dalam bajet tahunan bagi memenuhi perancangan bersesuaian dengan dasar membina sebuah masjid bagi setiap DUN setahun di Negeri Terengganu. Di samping itu, terdapat juga sumber kewangan daripada Dana Masjid bagi tujuan tersebut. Pada tahun 2005 dan 2006, pihak Setiausaha Kerajaan Negeri selaku Pegawai Pengawal

telah memohon peruntukan sejumlah RM20 juta dan RM60 juta daripada Kerajaan Negeri bagi membiayai kos pembinaan masjid di seluruh Negeri Terengganu.

10.1.9 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

Perancangan keperluan guna tenaga dan latihan merupakan elemen penting bagi agensi yang terlibat dengan pengurusan pembinaan masjid agar ianya berjalan lancar dan sempurna.

a) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Gred JUSA C (Pengarah UPEN) adalah bertanggungjawab secara langsung dalam merancang dan mengurus projek pembinaan masjid di Negeri Terengganu. Beliau dibantu oleh Penolong Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Komunikasi Negeri) Gred N41, seorang Ketua Pembantu Tadbir N22 dan 2 orang Pembantu Tadbir Gred N17. **Carta 5** di bawah menunjukkan kedudukan pegawai dan kakitangan Pejabat yang bertanggungjawab dalam pengurusan pembinaan masjid.

Carta 5
Carta Organisasi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu
(Pengurusan Pembinaan Masjid)




Sumber: Rekod Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu

b) **Jabatan Kerja Raya Negeri Terengganu**

JKR Negeri Terengganu diketuai oleh Pengarah Kerja Raya Negeri Gred JUSA C dan dibantu oleh Timbalan Pengarah Kerja Raya Negeri (Pembangunan) Gred J54, Ketua Penolong Pengarah Gred J48, seorang Penolong Pengarah Gred N41, seorang Pembantu Teknik Gred J29, dua orang Juruteknik Gred J17 di Bahagian Bangunan. Selain itu, di peringkat daerah pula ianya diketuai oleh Jurutera Daerah Gred J48, Jurutera Bangunan Gred J41 dan kakitangan sokongan lain seperti seorang Pembantu Teknik Gred J29 dan Juruteknik Gred J17. **Carta 6** di bawah menunjukkan kedudukan pegawai dan kakitangan yang bertanggungjawab dalam pengurusan pembinaan masjid.

Carta 6
Carta Organisasi Jabatan Kerja Raya Negeri Terengganu
(Pengurusan Pembinaan Masjid)




Sumber: Rekod Jabatan Kerja Raya Negeri Terengganu

c) **Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu**

Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu diketuai oleh seorang Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Gred S54, seorang Ketua Penolong Pesuruhjaya (Pengurusan Masjid) Gred S48, seorang Penolong Pesuruhjaya Gred S41, Imam Besar Gred S41 dan kakitangan sokongan lain seperti seorang Ketua Pembantu Hal Ehwal Agama Gred S22, Ketua Pembantu Tadbir Gred N22, dua orang Pembantu Hal Ehwal Agama Gred S17 dan 2 orang Pembantu Tadbir Gred N17. Manakala di peringkat daerah ianya diketuai oleh Pegawai Agama Daerah Gred S41. **Carta 7** di bawah menunjukkan kedudukan pegawai dan kakitangan yang bertanggungjawab dalam pengurusan masjid.

Carta 7
**Carta Organisasi Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu
(Pengurusan Masjid)**



Sumber: Rekod Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu

Jabatan/Pejabat Negeri yang terlibat di atas juga akan menyediakan program latihan yang sesuai bagi mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran kakitangan dalam bidang berkenaan.

10.1.10 Struktur Pengurusan Projek

Kerajaan Negeri Terengganu merancang pembinaan masjid dilaksanakan melalui konsep satu DUN satu masjid bagi setiap tahun. Pengurusan pembinaannya melibatkan 3 Jabatan iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu sebagai pemegang peruntukan, Jabatan Kerja Raya Negeri sebagai Pegawai Penguin dan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu sebagai jabatan pelanggan. Tanggungjawab setiap Jabatan adalah seperti berikut:

a) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu adalah bertanggungjawab untuk mengurus peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri bagi maksud membina masjid di Negeri Terengganu. Setiap tahun, Jabatan Kerja Raya Negeri akan mengemukakan unjuran keperluan kewangan untuk projek pembinaan masjid. Berdasarkan unjuran tersebut, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri akan mengemukakan permohonan peruntukan kepada Perbadanan Negeri untuk kelulusan.

b) Jabatan Kerja Raya Negeri Terengganu

Jabatan Kerja Raya merupakan jabatan teknikal yang diberi tanggungjawab melaksanakan pembinaan masjid di Negeri Terengganu. Pengarah JKR merupakan Pegawai Penguin terhadap pembinaan masjid di seluruh Negeri Terengganu. Tanggungjawab Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri mengenai projek pembinaan masjid ini adalah seperti berikut:

- i) Melantik wakil penguasa projek untuk memastikan pelaksanaan kerja berjalan dengan lancar dan sempurna.
- ii) Menguruskan proses perolehan kerja.
- iii) Menyediakan urusan lukisan pelan masjid.
- iv) Menguruskan proses pemberian dan penyiapan kerja kontrak.
- v) Menyediakan urusan bayaran kepada kontraktor.
- vi) Menyediakan unjuran keperluan kewangan tahunan untuk dikemukakan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

c) Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu

Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah bertanggungjawab untuk meluluskan pembinaan sesebuah masjid sebagaimana enakmen serta peraturan yang ditetapkan. Jabatan turut terlibat dalam semua mesyuarat yang melibatkan pembinaan masjid. Selain itu, Jabatan juga bertanggungjawab memastikan masjid diimarahkan apabila sesebuah masjid yang siap dibina diserahkan kepadanya.

10.1.11 Kaedah Pemantauan

Satu kaedah pemantauan akan diwujudkan oleh pegawai pengawal dan agensi pelaksana bagi memastikan pembinaan masjid dapat dilaksanakan dengan cekap, mematuhi syarat-syarat perjanjian kontrak dan selaras dengan jadual pelaksanaannya. Pemantauan projek akan mengambil kira pelbagai aspek seperti kualiti pembinaan, kemajuan kerja, koordinasi antara kontraktor utama, sub-kontraktor dan juru perunding. Pemantauan akan dilakukan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, JKR dan JHEAT seperti berikut:

a) Peringkat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

Selaku Penyelaras dan Pegawai Pengawal, pejabat akan menjalankan pemantauan terhadap keseluruhan projek pembinaan masjid melalui mekanisme berikut:

i) Laporan Kemajuan

JKR akan menghantarkan laporan kemajuan berkaitan projek pembangunan di bawah kod perbelanjaan pembangunan secara bulanan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri.

ii) Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Negeri

Mesyuarat ini akan diadakan pada setiap bulan. Jabatan Pembangunan Negeri adalah bertindak sebagai urus setia dan semua Ketua Jabatan teknikal adalah ahli dalam mesyuarat tersebut.

b) Peringkat Jabatan Kerja Raya Negeri Terengganu

Selaku agensi pelaksana, JKR Negeri berperanan untuk memantau pelaksanaan projek supaya berjalan dengan lancar dan teratur. Pemantauan projek akan dilaksanakan melalui cara berikut:

i) Mesyuarat Tapak

Mesyuarat tapak akan dijalankan dengan kontraktor serta agensi lain yang terlibat dari semasa ke semasa mengikut keperluan.

ii) Buku Harian Tapak

Pegawai Penyelia Tapak dikehendaki menyelenggarakan Buku Harian Tapak bagi merekodkan aktiviti yang dijalankan dan peralatan yang diterima serta bilangan pekerja di tapak.

iii) Jawatankuasa Perubahan Kerja

Jawatankuasa ini terdiri daripada 3 orang pegawai iaitu Timbalan Pengarah JKR (Bahagian Pembangunan) selaku pengerusi, Pengarah Ukur Bahan dan Pengarah Bangunan Bahagian Pendidikan sebagai ahli.

iv) Laporan Kemajuan Projek

Kontraktor dikehendaki mengemukakan laporan kemajuan kerja untuk dibincangkan semasa mesyuarat di tapak projek.

c) Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT)

Sebagai pemilik, projek yang telah siap dibina akan diserahkan kepadanya untuk diimarahkan. Pemantauan akan dilaksanakan seperti berikut:

i) Mesyuarat Tapak

JHEAT dikehendaki hadir ke mesyuarat tapak setiap kali ianya diadakan.

ii) Lawatan Tapak

JHEAT juga hendaklah mengadakan lawatan ke tapak projek semasa masjid dalam pembinaan.

iii) Laporan Kemajuan Kerja Dipantau

Laporan Kemajuan Kerja yang dikemukakan hendaklah dipantau bagi memastikan projek pembinaan masjid disiapkan mengikut jadual pelaksanaan.

Pada pandangan Audit, pengurusan pembinaan masjid di Negeri Terengganu telah dirancang dengan baik. Bagaimanapun ia masih boleh dipertingkatkan lagi dengan mengambil kira keutamaan masjid yang hendak dibina seperti keperluan dan permintaan masyarakat setempat.

10.2 PELAKSANAAN

Pelaksanaan pengurusan pembinaan masjid di seluruh Negeri Terengganu adalah sebagaimana berikut:

10.2.1 Dasar Kerajaan Negeri

Kerajaan Negeri telah dan sedang melaksanakan dasar dan matlamat membina masjid di Negeri Terengganu bertujuan menyediakan kemudahan tempat beribadah dan sebagai pusat sumber ilmu bagi umat Islam di Negeri Terengganu khasnya dan daripada luar Negeri Terengganu amnya. Semakan Audit terhadap rekod pembinaan masjid di JKR mendapati Kerajaan Negeri telah melaksanakan pembinaan sebuah masjid di setiap Dewan Undangan Negeri (DUN) pada setiap tahun bermula pada tahun 2005. Kerajaan Negeri Terengganu juga sebelum ini telah menubuhkan akaun Amanah Dana Masjid pada tahun 1996 sebagaimana keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bilangan 17/1996 bertarikh 22 Mei 1996 bertujuan mengumpul sumbangan orang ramai untuk membina masjid baru, membaiki atau membuat pengubahsuaian masjid, kerja penyenggaraan dan pengimaran masjid. Pelaksanaan membina masjid baru menggunakan dana ini bermula pada tahun 2001.

Pada pendapat Audit, pembinaan masjid adalah baik kerana ia selaras dengan dasar Kerajaan Negeri Terengganu.

10.2.2 Undang-Undang Dan Peraturan

Semakan Audit mendapati Kerajaan Negeri telah melaksanakan pembinaan masjid di seluruh Negeri Terengganu mengikut undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan. Undang-undang dan peraturan yang diguna pakai adalah seperti Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001M, Peraturan-Peraturan Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Jawatankuasa Masjid) 2004 dan peraturan kewangan seperti Arahan Perbendaharaan, Pekeliling Perbendaharaan dan Pekeliling Jabatan berkaitan dengan perolehan.

Pada pendapat Audit, Jabatan/Pejabat yang terlibat dengan pengurusan pembinaan masjid telah mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.

10.2.3 Sasaran Pembinaan Masjid

Semakan Audit terhadap fail dan dokumen pembinaan masjid mendapati sebanyak 7 buah masjid sedang dibina di 7 daerah di Negeri Terengganu melalui Dana Masjid iaitu sebuah masjid bagi setiap daerah sebagaimana yang dirancang. Manakala Kerajaan Negeri melalui peruntukan negeri telah membina sebanyak 28 buah daripada 32 buah atau 87.5% masjid yang dirancang di seluruh Negeri Terengganu dengan kos sejumlah RM68.85 juta. Sebanyak 4 buah masjid atau 12.5% belum dilaksanakan atau ditangguhkan disebabkan oleh masalah tapak dan menaik taraf masjid sedia ada.

Pada pendapat Audit, pembinaan masjid di Negeri Terengganu adalah baik kerana sebahagian besar yang dirancang telah berjaya dibina.

10.2.4 Pemilihan Tapak Dan Lokasi Projek

Satu kajian awal perlu dibuat bagi memastikan kesesuaian tapak dan lokasi projek yang dipilih untuk membina masjid. Semakan Audit terhadap fail projek mendapati kajian tersebut tidak dibuat kerana kebanyakan masjid yang dibina adalah di tapak masjid lama. Lawatan Audit ke tapak projek pembinaan Masjid Kampung Sungai Ular, Hulu Terengganu dan Masjid Kampung Penarik, Setiu pada bulan September 2006, mendapati lokasi yang dipilih adalah terletak di atas tapak masjid sedia ada. Pembinaan masjid ini adalah bagi menggantikan masjid lama.

Pada pendapat Audit, pembinaan masjid di atas tapak masjid sedia ada merupakan satu keputusan yang baik kerana ia membantu mempercepatkan pembinaan masjid baru.

10.2.5 Jawatankuasa Yang Dibentuk

Semakan Audit mendapati Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Infrastruktur, Kemudahan Awam Dan Komunikasi Negeri Terengganu bertanggungjawab dalam urusan pembinaan masjid di seluruh negeri. Selain itu terdapat jawatankuasa lain yang dibentuk bagi melicinkan pengurusan pembinaan masjid seperti berikut:

a) Jawatankuasa Pembinaan Masjid Negeri Terengganu

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Infrastruktur, Kemudahan Awam Dan Komunikasi Negeri Terengganu. Ia berfungsi untuk menentukan perancangan dan pembinaan masjid dan surau yang akan dibina pada setiap tahun. Pada tahun 2005, Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak 2 kali iaitu pada 26 April 2005 dan 14 Jun 2005. Manakala pada tahun 2006, Jawatankuasa ini hanya bermesyuarat sekali sahaja iaitu pada 3 April 2006.

b) Jawatankuasa Induk Dana Masjid Negeri Terengganu

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Timbalan Pengerusi I Jawatankuasa Pembangunan Islam Hadhari Negeri Terengganu. Ia berfungsi mengawasi Akaun Amanah Dana Masjid, merancang program dana, menentukan kaedah perolehan dana, menimbang dan memperakarkan untuk mendapatkan peruntukan di bawah akaun dana, menentukan kaedah pengurusan dana dan menyediakan laporan berkaitan kepada Kerajaan Negeri. Pada tahun 2005, Jawatankuasa ini hanya bermesyuarat sekali sahaja iaitu pada 26 Mei 2005 manakala mesyuarat tidak diadakan pada tahun 2006.

c) Jawatankuasa Pembinaan Dan Penyenggaraan Dana Masjid

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Islam Negeri Terengganu. Ia berfungsi menentukan garis panduan permohonan dan kelulusan peruntukan dan perbelanjaan, membuat syor ke atas permohonan, mengenal pasti jenis kerosakan, pembinaan, menyedia kos peruntukan pembinaan, mengawasi dan menyelia kerja pembinaan, menyediakan pelan bangunan dan memilih atau memutuskan dan syor kelulusan kontraktor dalam tender. Pada tahun 2005 dan 2006, Jawatankuasa ini bermesyuarat 2 kali sahaja masing-masing pada 29 Mei 2005 dan 21 Mac 2006.

d) Jawatankuasa Pelarasan Pembinaan Masjid

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Terengganu. Ia berfungsi menyelaraskan kerja pembinaan masjid seperti hal-hal berkaitan tender, peruntukan yang diberikan dan memantau pembinaan masjid sehingga siap. Pada tahun 2005, mesyuarat Jawatankuasa ini telah diadakan sebanyak 4 kali iaitu pada 24 April 2005, 10 Mei 2005, 14 Jun 2005 dan 22 Jun 2005. Manakala bagi tahun 2006, Jawatankuasa ini hanya bermesyuarat sebanyak 2 kali sahaja iaitu pada 3 April 2006 dan 23 Julai 2006. Secara keseluruhannya

pembentukan Jawatankuasa ini telah berjaya menyelesaikan proses pembinaan masjid dari awal hingga akhir dengan cepat dan sempurna.

Pada pendapat Audit, pembentukan jawatankuasa ini adalah baik kerana dapat membantu melicinkan pengurusan pembinaan masjid. Bagaimanapun kekerapan bermesyuarat adalah tidak memuaskan.

10.2.6 Kaedah Pelaksanaan

Jabatan Kerja Raya Negeri Terengganu sebagai agensi pelaksana telah berjaya melaksanakan proses perolehan pembinaan masjid di seluruh Negeri Terengganu. Semakan Audit mendapati perolehan pembinaan 28 buah masjid di seluruh Negeri Terengganu telah dilaksanakan secara tender terbuka. Manakala kerja kepakaran seperti elektrik, air, landskap dan siar raya dilaksanakan secara sebut harga daripada Wang Peruntukan Sementara yang telah dinyatakan dalam harga tender. Semakan Audit terhadap kaedah pelaksanaan seterusnya mendapati seperti berikut:

a) Prosedur Tender

Pihak Audit mendapati semua pembinaan masjid dibuat secara tender terbuka. Tawaran tender dikeluarkan secara berperingkat mulai bulan Mei 2005. Manakala tarikh terawal milik tapak adalah pada bulan Ogos 2005. Semakan Audit terhadap 26 fail tender yang telah dikeluarkan pada tahun 2005 yang bernilai RM63.79 juta mendapati prosedur telah dipatuhi seperti berikut:

- i) Tender yang dikeluarkan telah diiklankan melalui sekurang-kurangnya dalam satu akhbar tempatan berbahasa Melayu.
- ii) Semua penender yang menyertai tender telah menghadiri lawatan tapak.
- iii) Surat setuju terima telah dikeluarkan kepada kontraktor yang berjaya dalam tempoh sah laku tawaran.

Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan secara tender adalah baik mengikut peraturan dan prosedur yang ditetapkan.

b) Pemilihan Kontraktor

Semakan Audit terhadap 26 fail tender pembinaan masjid mendapati sebanyak 8 kelulusan tender yang diberikan kepada kontraktor oleh Lembaga Tender Negeri adalah menepati perakuan JKR sebagaimana di **Jadual 14**. Sebanyak 13 kelulusan tender yang diputuskan oleh Lembaga Tender Negeri tidak menepati perakuan oleh JKR sebagaimana di **Jadual 15**. Manakala 5 tawaran tender pembinaan masjid diberi kepada 5 kontraktor yang telah gagal pada peringkat penilaian JKR dengan alasan modal minima tidak mencukupi dan rekod kemajuan kerja semasa kontraktor tidak memuaskan. Kedudukan terperinci maklumat adalah seperti di **Jadual 16**. Pemilihan 18 kontraktor oleh Lembaga Tender Negeri dibuat berdasarkan harga yang ditawarkan adalah munasabah, kompetitif dan berpatutan.

Jadual 14
**Penender Yang Dipilih Oleh Lembaga Tender Negeri Mengikut
Perakuan Daripada JKR**

Bil.	Nama Projek (Masjid)	Kontraktor Ditawarkan	Tarikh Milik Tapak	Tarikh Siap Kerja /Tempoh Siap (Minggu)	Harga Disyorkan oleh JKR (RM Juta)	Harga Dipersetujui oleh Lembaga Tender Negeri (Kos Projek) (RM Juta)	Prestasi Kemajuan Kerja Sehingga Disember 2006 (%)
						(RM Juta)	(%)
1.	Kampung Manir, Kuala Terengganu	Wirawan Sesma Sdn. Bhd.	15.8.2005	13.8.2006/ 52	2.01	2.01	100 (13.8.2006)
2.	Kampung Sungai Lerek, Setiu	Accomstar Sdn. Bhd.	01.8.2005	23.4.2006/ 38	2.00	2.00	95.3
3.	Kampung Tok Gebok, Hulu Terengganu	Ariffin Enterprise Sdn. Bhd.	01.8.2005	12.3.2006/ 32	2.15	2.15	100 (08.6.2006)
4.	Kampung Padang Bual, Besut	Ramlah Abdul Rahman Sdn. Bhd.	01.8.2005	28.1.2007/ 78	2.39	2.39	100 (30.8.2006)
5.	Kampung Kubu, Marang	Pembinaan Kubang Palas Sdn. Bhd.	01.8.2005	05.11.2006/ 66	2.66	2.66	100 (15.8.2006)
6.	Kampung Paya Berenjut, Kemaman	Exxec Intergrated (M) Sdn. Bhd.	15.8.2005	03.12.2006/ 68	2.79	2.79	99.5
7.	Kampung Labohan, Kemaman	Rsc Construction Sdn. Bhd.	15.8.2005	11.2.2007/ 78	2.84	2.84	99.1
8.	Kampung Penarik, Setiu	Ufi Enterprise Sdn. Bhd.	14.11.2005	09.7.2006/ 31 <i>Projek Dana Yang Diambil Alih</i>	1.64	1.64	94.5
Jumlah					18.48	18.48	

Sumber: Rekod Jabatan Kerja Raya Negeri Terengganu

Analisis Audit terhadap **Jadual di atas** mendapati sebanyak 2 buah masjid iaitu Masjid Kampung Padang Bual di Besut dan Masjid Kampung Kubu di Marang telah disiapkan lebih awal daripada tempoh masa yang ditetapkan, Masjid Kampung Manir, Kuala Terengganu siap mengikut tempoh yang ditetapkan manakala Masjid Kampung Tok Gebok, Hulu Terengganu siap dalam tempoh lanjutan masa yang dibenarkan. Sebanyak 4 buah masjid lagi masih dalam pembinaan iaitu Masjid Kampung Sungai Lerek di Setiu, Masjid Kampung Paya Berenjut dan Masjid Kampung Labohan di Kemaman serta Masjid Kampung Penarik di Setiu. Antara alasan lanjutan masa adalah kerana kelewatan pengalihan masjid asal, kerja tambahan yang perlu dilakukan seperti menebang pokok dan menambun tanah serta disebabkan masalah cuaca (musim tengkujuh). Alasan diberikan adalah munasabah dan telah diluluskan oleh JKR.

Jadual 15

Penender Yang Dipilih Lembaga Tender Negeri Tidak Mengikut Perakuan Daripada JKR

Bil	Nama Projek (Masjid)	Kontraktor Ditawarkan / (Kontraktor Disyorkan)	Tarikh Milik Tapak	Tarikh Siap Kerja/ Tempoh Siap (Minggu)	Harga Disyorkan oleh JKR (RM Juta)	Harga Dipersetujui Oleh Lembaga Tender Negeri (Kos Projek) (RM Juta)	Perbezaan Harga (RM Juta)	Prestasi Kemajuan Kerja Sehingga Disember 2006 (%/Tarikh Siap)
1.	Kampung Bintang, Setiu	Pembinaan Haji Othman Awang Bintang Sdn. Bhd. <i>(Mohamad Bin Salleh Sdn. Bhd.)</i>	01.8.2005	09.4.2006/ 36	1.81	1.83	0.02	100/ (09.10.2006)
2.	Kampung Kuala Ping, Hulu Terengganu	Fajar Harmoni Sdn. Bhd. <i>(Othman Bin Abdullah)</i>	01.8.2005	12.3.2006/ 32	1.96	2.07	0.11	100/ (10.6.2006)
3.	Kampung Sungai Ular, Hulu Terengganu	Mohamad Bin Salleh Sdn. Bhd. <i>(AMH REALITY Sdn. Bhd.)</i>	01.8.2005	12.3.2006 32	1.89	1.96	0.07	100/ (28.5.2006)
4.	Kampung Wa, Dungun	Ad Mega Construction Sdn. Bhd. <i>(Pembinaan Rizzi Sdn. Bhd.)</i>	15.8.2005	17.6.2007/ 96	2.53	2.32	(0.21)	90.20
5.	Kampung Batu 7, Dungun	Pembinaan Amin Muda Sdn. Bhd. <i>(Pembinaan Shahari Muda Sdn. Bhd.)</i>	15.8.2005	31.12.2006/ 72	3.39	3.32	(0.07)	100/ (Tiada maklumat)
6.	Kampung Tebing Tembah, Dungun	Ana Salju Sdn. Bhd. <i>(Mechtric Sdn. Bhd.)</i>	15.8.2005	12.6.2007/ 96	3.18	3.12	(0.06)	58.90
7.	Kampung Rantau Abang, Dungun	Abni Jaya Sdn. Bhd. <i>(Kenangan Trading Sdn. Bhd.)</i>	15.8.2005	6.5.2007/ 90	3.03	3.04	0.01	61.40
8.	Kampung Bukit Cempaka, Kuala Terengganu	Tj Hikamari Enterprise Sdn. Bhd. <i>(Alwi Development Sdn. Bhd.)</i>	01.2.2006	30. 1.2007/ 52	1.88	1.95	0.07	92.50
9.	Kampung Dadong, Kemaman	Mf Teknik Sdn. Bhd. <i>(Haku Jaya Logistics Sdn. Bhd)</i>	15.8.2005	11.2.2007/ 78	2.59	2.70	0.11	25.10
10.	Kampung Ibok, Kemaman	Sarismo Construction Sdn. Bhd. <i>(Invesys Corporation Sdn. Bhd.)</i>	15.5.2005	08.10.2006/ 60	2.83	2.82	(0.01)	98
11.	Kampung Tanah Merah, Besut	Nse Property Sdn. Bhd. <i>(Kowibawa Sdn. Bhd.)</i>	01.8.2005	28.1.2007/ 78	2.33	2.40	0.07	99.50
12.	Kampung Gong Kepas, Besut	Dejed Malindo (M) Sdn. Bhd. <i>(Rsc Contruction Sdn. Bhd)</i>	01.8.2005	28.1.2007/ 78	2.99	3.26	0.27	100/ (20.12.2006)
13.	Kampung Surau Haji Mat Zin, Marang	Sinar Mulia Sdn. Bhd. <i>(Shk Enterprise Sdn. Bhd.)</i>	01.8.2005	22.10.2006/ 64	2.86	2.86	0.00	100/ (15.8.2006)
Jumlah					33.27	33.65	0.38	

Sumber: Rekod Jabatan Kerja Raya Negeri Terengganu

Analisis Audit terhadap **Jadual di atas** mendapati sebanyak 3 buah masjid telah disiapkan lebih awal daripada tempoh masa yang ditetapkan iaitu Masjid Kampung Batu 7 di Dungun, Masjid Kampung Gong Kepas di Besut dan Masjid Kampung

Surau Haji Mat Zin di Marang. Manakala 3 buah masjid siap dalam tempoh lanjutan masa yang dibenarkan iaitu Masjid Kampung Bintang di Setiu, Masjid Kampung Kuala Ping serta Masjid Kampung Sungai Ular kedua-duanya di Hulu Terengganu. Sebanyak 7 buah masjid lagi masih dalam pembinaan iaitu Masjid Kampung Wa, Masjid Kampung Tebing Tembah dan Masjid Kampung Rantau Abang di daerah Dungun, Masjid Kampung Bukit Cempaka di Kuala Terengganu, Masjid Kampung Dadong dan Masjid Kampung Ibok kedua-duanya di daerah Kemaman dan Masjid Kampung Tanah Merah di Besut.

Jadual 16
Penender Yang Gagal Pada Penapisan Pertama Dipilih Oleh Lembaga Tender Negeri

Bil.	Nama Projek (Masjid)	Kontraktor Ditawarkan / (Kontraktor Disyorkan)	Tarikh Milik Tapak	Tarikh Siap Kerja/ Tempoh Siap	Harga Disyorkan Oleh JKR (Minggu)	Harga Dipersetujui Oleh Lembaga Tender Negeri (Kos Projek) (RM Juta)	Perbezaan Harga (RM Juta)	Prestasi Kemajuan Kerja Sehingga Disember 2006
								(%/Tarikh Siap)
1.	Kampung Baru, Kuala Besut	Sutuh Timur Sdn. Bhd. <i>(Pucuk Rebung Construction Sdn. Bhd.)</i>	01.08.2005	17.12.2006/ 72	2.85	2.86	0.01	100/ (17.12.2006)
2.	Kampung Gerai, Besut	Hamparan Mewah Sdn. Bhd. <i>(E3 Engineering Sdn. Bhd.)</i>	01.08.2005	03.12.2006/ 70	2.78	2.75	(0.03)	100/ (03.12.2006)
3.	Kampung Pusu Tiga, Marang	Perabut Cendering Sdn. Bhd. <i>(KOWIBAWA Sdn. Bhd.)</i>	03.04.2006	27.05.2007/ 60	2.58	2.57	(0.01)	40.7
4.	Kampung Gong Pak Jin, Kuala Terengganu	Cahaya Bina & Kejuruteraan <i>(Othman bin Abdullah)</i>	07.11.2005	17.12.2006/ 58	1.67	1.82	0.15	95
5.	Kampung Tok Jamal, Kuala Terengganu	MHD Construction Sdn. Bhd. <i>(ZI Kontrak Sdn. Bhd.)</i>	15.08.2005	31.12.2006/ 72	1.61	1.66	0.05	52.2
Jumlah					11.49	11.66	0.17	

Sumber: Rekod Jabatan Kerja Raya Negeri Terengganu

Analisis Audit terhadap **Jadual di atas** mendapat sebanyak 2 buah Masjid iaitu Masjid Kampung Baru dan Masjid Kampung Gerai di Besut siap mengikut tempoh yang ditetapkan manakala 3 buah masjid lagi masih dalam pembinaan iaitu Masjid Kampung Pusu Tiga di Marang serta Masjid Kampung Gong Pak Jin dan Masjid Kampung Tok Jamal di daerah Kuala Terengganu.

Berdasarkan **Jadual 14, 15 dan 16** di atas, analisis Audit mendapat prestasi pembinaan masjid adalah seperti di **Jadual 17**.

Jadual 17
Prestasi Pembinaan Masjid
Berdasarkan Pemberian Tender Oleh Lembaga Tender Negeri Terengganu

Bil.	Pemberian Tender Oleh Lembaga Tender Negeri	Bilangan Kedudukan Pembinaan Masjid				Jumlah
		Siap Awal	Siap Dalam Tempoh	Siap Dengan Lanjutan Masa	Dalam Pembinaan	
1.	Pemberian tender mengikut perakuan JKR	2	1	1	4	8
2.	Pemberian tender tidak mengikut perakuan JKR	3	0	3	7	13
3.	Pemberian tender kepada yang telah gagal pada penapisan pertama	0	2	0	3	5
Jumlah		5	3	4	14	26

Sumber: Rekod Jabatan Kerja Raya Negeri Terengganu

Analisis Audit terhadap **Jadual di atas** menunjukkan prestasi sebenar pembinaan masjid oleh kontraktor adalah tidak bergantung kepada keputusan pemilihan kontraktor sama ada ada yang diperakui oleh JKR ataupun Lembaga Tender Negeri. Sebanyak 3 projek yang dilaksanakan oleh kontraktor yang tidak mengikut perakuan JKR dapat disiapkan lebih awal daripada tempoh yang ditetapkan. Manakala satu projek yang dilaksanakan oleh kontraktor yang diperakui oleh JKR disiapkan dengan lanjutan masa.

Pada pendapat Audit, urusan pemilihan kontraktor adalah baik kerana ia mengikut prosedur tender yang ditetapkan.

c) Perjanjian Kontrak

Dokumen kontrak adalah penting dan perlu ditandatangani antara Kerajaan Negeri dan kontraktor bagi menjaga kepentingan kedua-dua pihak. Dokumen kontrak memperjelaskan secara terperinci tanggungjawab Kerajaan Negeri dan kontraktor yang terlibat. Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1995, kontrak hendaklah ditandatangani dalam tempoh 4 bulan daripada tarikh surat setuju terima dikeluarkan. Pemeriksaan Audit mendapati dokumen kontrak projek pembinaan Masjid Kampung Sungai Ular, Hulu Terengganu telah ditandatangani pada 15 November 2005 dan Masjid Kampung Penarik, Setiu telah ditandatangani pada 10 April 2006. Ini bermakna kedua-dua perjanjian lewat ditandatangani berbanding tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan masing-masing pada 11 Julai 2005 dan 30 Oktober 2005.

Pada pendapat Audit, urusan perjanjian kontrak adalah kurang memuaskan kerana tidak ditandatangani dalam tempoh masa yang ditetapkan.

d) Tempoh Masa

Semakan Audit mendapati tempoh masa siap kerja yang diberikan kepada kontraktor adalah berbeza-beza antara satu projek dengan projek yang lain di semua daerah seperti di **Jadual 18**.

Jadual 18
Perbandingan Kos Dan Tempoh Kontrak

Bil.	Nama Masjid	Kos (RM Juta)	Tempoh Kontrak (Minggu)
1.	Kampung Tok Jamal, Kuala Terengganu	1.66	50
2.	Kampung Ibok, Kemaman	2.82	60
3.	Kampung Wa, Dungun	2.32	96
4.	Kampung Batu 7, Dungun	3.32	72
5.	Kampung Bukit Cempaka, Kuala Terengganu	1.95	52
6.	Kampung Tebing Tembah Dungun	3.12	96

Sumber: Rekod Jabatan Kerja Raya Negeri Terengganu

Analisis Audit terhadap **Jadual di atas**, mendapati tidak ada penyeragaman terhadap tempoh penyiapan berbanding dengan kos pembinaan masjid. Sebagai contoh, pembinaan Masjid Kampung Wa diberi tempoh selama 96 minggu berbanding 72 minggu bagi Masjid Kampung Batu 7 Dungun sedangkan kos bagi Masjid Kampung Wa berjumlah RM2.32 juta lebih rendah berbanding kos Masjid Kampung Batu 7 berjumlah RM3.32 juta. Sementara itu, kos pembinaan masjid di Daerah Hulu Terengganu bernilai lebih kurang RM2 juta sebuah dan dapat disiapkan dalam tempoh 46 minggu.

Pada pendapat Audit, penetapan kriteria utama dalam pemilihan kontraktor adalah bergantung kepada harga yang ditawarkan adalah baik. Bagaimanapun, terdapat perbezaan yang ketara dari segi tempoh masa yang ditawarkan sungguhpun kos pembinaan hampir sama.

e) Pematuhan Syarat-syarat Kontrak

Mengikut peraturan, apabila surat setuju terima tawaran dikeluarkan, pihak kontraktor dikehendaki menandatangani kontrak yang disediakan oleh JKR Negeri. Perjanjian ini perlu ditandatangani antara Kerajaan Negeri dengan kontraktor bagi menjaga kepentingan kedua-dua pihak. Semakan Audit mendapati kontrak kerja bagi tender yang dikeluarkan telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak dan tanggungjawab kontraktor juga telah diperjelaskan. Semakan Audit terhadap syarat kontrak adalah seperti berikut:

i) Surat Setuju Terima

Semakan Audit terhadap 28 fail tender mendapati surat setuju terima telah dikeluarkan kepada semua penender yang berjaya untuk melaksanakan projek

pembinaan masjid. Semua surat setuju terima telah dikembalikan dan dijadikan sebahagian daripada dokumen kontrak.

ii) Bon Pelaksanaan

Semakan Audit terhadap dokumen/fail tender pembinaan masjid mendapati kebanyakan kontraktor telah memilih Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) sebagai Bon Pelaksanaan. Wang Jaminan Pelaksanaan akan dipotong melalui bayaran interim kepada kontraktor sebanyak 10% daripada jumlah bayaran sehingga mencapai jumlah 5% daripada harga kontrak. Pemeriksaan Audit terhadap fail projek pembinaan Masjid Kampung Sungai Ular, Hulu Terengganu dan Masjid Kampung Penarik, Setiu mendapati kontraktor telah menggunakan kaedah WJP sebagai Bon Pelaksanaan yang masing-masing bernilai RM98,287 dan RM81,976. Pihak Audit mendapati Jabatan telah melaksanakan potongan Wang Jaminan Pelaksanaan terhadap kedua-dua kontraktor tersebut setiap kali bayaran interim dibuat dan telah mencapai jumlah tersebut.

iii) Bayaran Pendahuluan

Bayaran pendahuluan merupakan bayaran yang dikeluarkan bagi membantu kontraktor menjalankan kerja permulaan pembinaan. Pemeriksaan Audit mendapati kedua-dua kontraktor projek pembinaan Masjid Kampung Sungai Ular, Hulu Terengganu dan Masjid Kampung Penarik, Setiu tidak memohon bayaran pendahuluan untuk melaksanakan projek ini.

iv) Bayaran Kemajuan

Mengikut syarat kontrak di perenggan 47(a), Pegawai Pengguna hendaklah membuat penilaian dan memperakurkan kerja yang dilaksanakan dan bahan binaan yang dihantar ke tempat pembinaan untuk tujuan bayaran kemajuan. Syarat kontrak juga menetapkan bayaran kemajuan hendaklah dibuat dalam tempoh 30 hari daripada tarikh penilaian. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2002 juga menghendaki bil dibayar dengan segera iaitu dalam tempoh satu bulan daripada tarikh bil diterima atau seimbang dengan syarat kontrak mengikut mana berkenaan. Mengikut arahan ini, bil atau tuntutan adalah termasuk juga invois, borang perakuan bayaran dan inden kerja. Semakan Audit mendapati bayaran kemajuan terhadap 2 buah masjid yang disemak adalah baik. Pihak JKR telah membuat penilaian terhadap kemajuan projek setiap bulan dan baucar bayaran telah disediakan dalam tempoh 30 hari kecuali bagi 3 bayaran di mana berlaku kelewatan seperti di **Jadual 19**. Bayaran kemajuan telah disokong dengan dokumen sokongan dan diuruskan dengan teratur dan sempurna.

Jadual 19
Bayaran Kemajuan

Bil.	Masjid Kampung Sungai Ular				Masjid Kampung Penarik				
	Tarikh Penilaian	Tarikh Baukar Bayaran Diluluskan	Kelewatan (Hari)	Jumlah (RM)	Tarikh Bayaran	Tarikh Baukar	Kelewatan (Hari)	Jumlah (RM)	
1.	28.08.2005	01.10.2005	6	73,100	16.02.2006	25.02.2006	-	422,900	
2.	28.09.2005	06.10.2005	-	86,300	21.03.2006	02.04.2006	-	238,700	
3.	28.10.2005	15.11.2005	-	110,800	26.04.2006	03.05.2006	-	53,400	
4.	28.11.2005	14.12.2005	-	104,100	23.05.2006	05.06.2006	-	32,800	
5.	27.12.2005	03.01.2006	-	104,290	28.06.2006	09.07.2006	-	200,300	
6.	25.01.2006	09.03.2006	13	118,800	25.07.2006	14.08.2006	-	45,900	
7.	20.02.2006	01.03.2006	-	109,500	21.08.2006	05.09.2006	-	215,600	
8.	06.03.2006	12.03.2006	-	102,800	24.09.2006	03.10.2006	-	36,800	
9.	20.03.2006	28.03.2006	-	6,000	17.10.2006	14.11.2006	-	57,300	
10.	28.04.2006	23.05.2006	-	60,000					
11.	10.05.2006	04.06.2006	-	42,800					
12.	28.05.2006	06.06.2006	-	114,100					
13.	30.05.2006	19.07.2006	20	100,200					
Jumlah				1,132,790	Jumlah				1,303,700

Sumber: Rekod Jabatan Kerja Raya Negeri Terengganu

v) Tempoh Siap Kerja

Berdasarkan kepada syarat-syarat kontrak, kontraktor dikehendaki menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan. Semakan Audit terhadap tempoh siap kerja bagi Masjid Kampung Sungai Ular dan Masjid Kampung Penarik mendapati kelemahan seperti berikut:

• Masjid Kampung Sungai Ular, Hulu Terengganu

Pembinaan Masjid Kampung Sungai Ular telah diberikan kepada Mohamed bin Salleh dengan harga kontrak berjumlah RM1.97 juta. Tarikh milik tapak bagi Masjid Kampung Sungai Ular ialah pada 1 Ogos 2005 dan tarikh siap kerja ialah pada 12 Mac 2006. Pembinaan masjid ini tidak dapat disiapkan sebagaimana tempoh perjanjian dan telah diberikan lanjutan masa selama 77 hari berakhir pada 28 Mei 2006. Kontraktor telah berjaya menyiapkan pembinaan masjid tersebut pada 28 Mei 2006 dan diserah milik kepada JKR pada 28 Mei 2006 sebagaimana Sijil Perakuan Siap Kerja JKRHT.BB/123/0667/SJ5 bertarikh 6 Jun 2006. Tempoh Tanggungan Kecacatan Untuk Kerja-kerja bermula pada 28 Mei 2006 hingga 27 Mei 2007.

- **Masjid Kampung Penarik, Setiu**

Pada asalnya masjid ini dibiayai melalui Dana Masjid. Bagaimanapun, selepas masjid ini terbengkalai akibat sumber kewangan yang tidak mencukupi Kerajaan Negeri bersetuju mengambil alih bagi membiayai pembinaannya dengan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri. Pembinaan Masjid Kampung Penarik, Setiu telah diberikan kepada syarikat UFI Enterprise dengan harga kontrak berjumlah RM1.64 juta. Tarikh milik tapak Masjid Kampung Penarik, Setiu adalah pada 14 November 2005 dan tarikh siap pada 9 Julai 2006. Pembinaan masjid ini tidak dapat disiapkan sebagaimana tempoh perjanjian dan telah diberikan lanjutan masa selama 114 hari dan berakhir pada 31 Oktober 2006. Mengikut Laporan Kemajuan Kerja JKR, sehingga 31 Disember 2006 projek ini masih belum disiapkan dan kemajuan kerjanya adalah 94.5%.

vi) Arahan Perubahan Kerja

Arahan Perubahan Kerja boleh dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa yang berkaitan dengan pelan, spesifikasi atau senarai kuantiti sama ada dipindah, ditambah atau dikurangkan. Setiap Arahan Perubahan Kerja yang dikeluarkan perlu dilaksanakan dalam tempoh kontrak dan nilai perubahan tidak boleh melebihi 20% daripada nilai asal kontrak kecuali dengan kelulusan Pegawai Kewangan Negeri. Semakan Audit mendapati sebanyak 3 Arahan Perubahan Kerja terhadap pembinaan Masjid Kampung Sungai Ular, Hulu Terengganu berjumlah RM174,946 atau 8.9 % daripada harga asal kontrak telah dikeluarkan dalam tempoh kontrak. Bagaimanapun, mengikut bayaran interim ke 13 masih terdapat Arahan Perubahan Kerja yang masih belum diambil kira.

vii) Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa

Mengikut perjanjian, Pegawai Penguasa boleh memberi lanjutan masa atas sebab yang munasabah. Mengikut Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kerja Raya Bil. 10 Tahun 1985, lanjutan masa perlu dimohon dan diluluskan sebelum tempoh kontrak tamat. Semakan Audit mendapati tarikh siap sebenar pembinaan Masjid Kampung Sungai Ular dan Masjid Kampung Penarik adalah masing-masing pada 12 Mac 2006 dan 9 Julai 2006. Bagaimanapun, pembinaan kedua-dua masjid tersebut gagal disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Pihak kontraktor telah mengemukakan permohonan lanjutan masa kepada Jurutera Daerah di dalam Mesyuarat Tapak Masjid Kampung Sungai Ular yang diadakan pada 6 Februari 2006 dengan alasan kelewatan pengalihan masjid asal dan kerja tambahan menebang pokok dan menambun tanah. Jurutera JKR Daerah Hulu Terengganu telah mengemukakan permohonan lanjutan masa tersebut kepada Pengarah JKR Negeri pada 19 Mac 2006 bagi mendapatkan kebenaran lanjutan masa selama 77 hari iaitu daripada 12 Mac 2006 sehingga 28 Mei 2006. Manakala Pengarah JKR Negeri telah memohon kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri pada 10 April 2006 dan telah

diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri. Bagaimanapun, tidak ada catatan tarikh pada kelulusan tersebut. Pengarah JKR Negeri pula telah menghantar surat kelulusan lanjutan masa tersebut kepada kontraktor pada 15 Mei 2006.

Bagi Masjid Kampung Penarik, pihak kontraktor telah mengemukakan permohonan lanjutan masa pada 1 Julai 2006 kepada Jurutera JKR Daerah Setiu bagi tempoh 9 Julai 2006 hingga 9 November 2006 (4 bulan). Alasan permohonan lanjutan masa tersebut disebabkan oleh musim tengkujuh dan kelewatan kelulusan kerja merobohkan bangunan masjid lama daripada JHEAT. Jurutera Daerah JKR Setiu telah memanjangkan permohonan tersebut kepada Pengarah JKR Negeri pada 14 Ogos 2006. Bagaimanapun Pengarah JKR Negeri telah meminta pihak JKR Setiu mengemukakan kembali dokumen berkaitan kelewatan pada 25 September 2006. JKR Setiu telah mengemukakan kembali dokumen yang diminta pada 8 November 2006 kepada Pengarah JKR negeri dengan meminda tempoh lanjutan masa daripada 9 Julai 2006 sehingga 31 Oktober 2006 (114 hari). Pengarah JKR negeri telah memohon kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri pada 28 Disember 2006 dan telah diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri. Bagaimanapun tidak ada catatan tarikh pada kelulusan tersebut. Berdasarkan kepada surat kelulusan yang dihantar kepada kontraktor oleh Pengarah JKR Negeri Terengganu bertarikh 4 Februari 2007, kelulusan lanjutan masa diterima adalah pada bulan Januari 2006.

viii) Bayaran Denda Lewat

Sekiranya kontraktor gagal menyiapkan kerja pada tarikh siap yang ditetapkan atau selepas tarikh lanjutan masa yang diberikan dan Penguasa Projek secara bertulis berpendapat kerja tersebut telah sepatutnya siap dan Sijil Mengenai Kerja Yang Tidak Siap dikeluarkan maka kontraktor dikenakan denda lewat mengikut kadar yang ditetapkan sebagaimana dalam dokumen kontrak. Bagi projek Pembinaan Masjid Sungai Ular dan Masjid Kampung Penarik, kadar denda adalah sebanyak RM330 sehari dan RM279 sehari. Semakan Audit mendapati denda belum lagi dikenakan terhadap pembinaan Masjid Kampung Penarik walaupun ianya tidak dapat disiapkan pada tempoh lanjutan masa yang dibenarkan setakat 31 Oktober 2006.

ix) Perakuan Siap Kerja

Semakan Audit mendapati Perakuan Siap Kerja bagi Masjid Kampung Sungai Ular dikeluarkan pada 6 Jun 2006 manakala bagi Masjid Kampung Penarik masih dalam pembinaan.

x) Tempoh Tanggungan Kecacatan

Pihak kontraktor bertanggungjawab untuk memperbaiki sebarang kecacatan terhadap kerja yang telah disiapkan dalam tempoh Tanggungan Kecacatan

seperti yang dipersetujui dalam syarat kontrak. Semakan Audit mendapati tempoh Tanggungan Kecacatan bagi kedua-dua masjid tersebut adalah selama 12 bulan. Bagi Masjid Kampung Sungai Ular tempoh Tanggungan Kecacatannya bermula daripada 28 Mei 2006 hingga 27 Mei 2007 manakala Masjid Kampung Penarik pematuhan terhadap klausa ini tidak dapat ditentukan kerana ianya masih dalam pembinaan.

xi) Kira-Kira Akhir

Mengikut peraturan, Kira-kira Akhir perlu disediakan dalam tempoh 6 bulan selepas projek diakui siap. Semakan Audit mendapati Kira-kira Akhir bagi Masjid Kampung Sungai Ular belum disediakan walaupun ianya telah disiapkan 8 bulan yang lalu iaitu pada 28 Mei 2006. Ini disebabkan Pelarasan Harga Kontrak belum dimuktamadkan.

Pada pendapat Audit, kedua-dua pihak iaitu Jabatan Kerja Raya Negeri dan kontraktor telah mematuhi syarat yang ditetapkan dengan baik kecuali bayaran denda lewat belat dikenakan kepada kontraktor yang gagal menyiapkan kerja selepas lanjutan masa diberikan dan kelewatan menyediakan Kira-kira Akhir.

10.2.7 Prestasi Pembinaan Masjid

Penetapan sasaran adalah penting untuk memastikan pembinaan masjid dapat dilakukan dengan lebih tersusun mengikut tempoh masa dan peruntukan kewangan yang disediakan.

a) Pembinaan Masjid Melalui Peruntukan Kerajaan Negeri

Pada tahun 2005, Kerajaan Negeri telah mengeluarkan tender bagi pembinaan 28 buah masjid berbanding 32 buah masjid seperti yang dirancang. Prestasi pembinaan masjid adalah seperti di **Jadual 20**.

Jadual 20
Prestasi Pembinaan Masjid
Pada Tahun 2005

Bil.	Daerah	2005		Peratus (%)
		Rancang	Laksana	
1.	Kuala Terengganu	8	5	62.5
2.	Marang	4	3	75
3.	Hulu Terengganu	4	4	100
4.	Dungun	4	4	100
5.	Kemaman	4	4	100
6.	Setiu	3	3	100
7.	Besut	5	5	100
Jumlah		32	28	87.5

Sumber: Rekod Jabatan Kerja Raya Negeri Terengganu

Berdasarkan kepada **Jadual 20**, sebanyak 28 buah masjid atau 87.5% daripada masjid yang dirancang telah dilaksanakan manakala 4 buah masjid atau 12.5% belum dilaksanakan atau ditangguhkan. Sebab penangguhan pembinaan antaranya ialah masalah tapak dan menaik taraf masjid sedia ada. Manakala bagi tahun 2006, pembinaan 32 buah masjid yang dirancang masih pada peringkat pengeluaran tender. Prestasi pembinaan masjid sehingga bulan Disember 2006 adalah seperti di **Jadual 21**.

Jadual 21
Prestasi Pembinaan Masjid Mengikut Daerah Sehingga Bulan Disember 2006

Bil.	Daerah/Masjid	Kos Projek (RM Juta)	Tempoh Kontrak		Kemajuan Fizikal (%)	Tarikh Siap Sebenar	Kelewatan Setakat 31.12.2006
			Mula	Siap			
1.	Kuala Terengganu	2.01	15.08.2005	13.08.2006	100	13.08.2006	-
			15.08.2005	13.08.2006	52.2	-	140
			07.11.2005	17.12.2006	95.0	-	14
			01.02.2006	30.01.2007	92.5	-	-
			03.05.2006	31.07.2007	6.3	-	-
2.	Marang	2.66	01.08.2005	05.11.2006	100	15.08.2006	-
			01.08.2005	22.10.2006	100	15.08.2006	-
			03.04.2006	27.05.2007	40.7	-	-
3.	Hulu Terengganu	2.07	01.08.2005	12.03.2006	100	10.06.2006	90
			01.08.2005	12.03.2006	100	08.06.2006	88
			01.08.2005	12.03.2006	100	28.05.06	77
			08.05.2005	10.12.2005	67.1	-	386
4.	Dungun	3.32	15.08.2005	31.12.2006	100	28.12.2006	-
			15.08.2005	15.06.2007	90.2	-	-
			15.08.2005	17.06.2007	58.9	-	-
			15.08.2005	06.05.2007	61.4	-	-
5.	Kemaman	2.84	15.08.2005	11.02.2007	99.1	-	-
			15.08.2005	17.06.2007	99.5	-	-
			15.08.2005	17.06.2007	98	-	-
			15.08.2005	11.02.2007	25.1	-	-
6.	Setiu	2.00	01.08.2005	23.04.2006	95.3	-	252
			01.08.2005	09.04.2006	100	09.10.2006	183
			14.11.2005	09.07.2006	94.5	-	175
7.	Besut	3.26	01.08.2005	28.01.2007	100	20.12.2006	-
			01.08.2005	28.01.2007	100	30.08.2006	-
			01.08.2005	17.12.2006	100	17.12.2006	-
			01.08.2005	28.01.2007	99.5	-	-
			01.08.2005	03.12.2006	100	03.12.2006	-
Jumlah Harga Kontrak		68.85					

Sumber: Rekod Jabatan Kerja Raya Negeri Terengganu

Berdasarkan **Jadual 21**, sebanyak 5 buah masjid telah disiapkan lebih awal daripada tempoh masa yang ditetapkan, 3 buah masjid siap mengikut tempoh yang ditetapkan, 4 buah masjid siap dalam tempoh lanjutan masa yang dibenarkan dan 16 buah masjid atau 57% masih lagi dalam pembinaan. **Foto 17** dan **18** menunjukkan masjid yang dibiayai melalui Peruntukan Kerajaan Negeri yang telah siap dan dalam pembinaan.

Foto 17
Masjid Yang Siap Dibina



Sumber: Foto Jabatan Audit Negeri Terengganu
Tarikh: 05 September 2006
Lokasi: Masjid Kampung Sungai Ular, Hulu Terengganu

Foto 18
Masjid Dalam Pembinaan



Sumber: Foto Jabatan Audit Negeri Terengganu
Tarikh: 05 September 2006
Lokasi: Masjid Kampung Sungai Lerek, Setiu

b) Pembinaan Masjid Melalui Dana Masjid

Semakan Audit mendapati tidak ada tempoh masa khusus yang ditetapkan untuk menyiapkan pembinaan masjid melalui Dana Masjid kerana ia bergantung kepada kemampuan kewangan semasa Dana. Pihak JKR akan mengeluarkan sebut harga apabila dana sumbangan orang ramai untuk sesuatu masjid dapat dikumpulkan dalam lingkungan RM200,000. Dalam tempoh tahun 2001 hingga 2006, sejumlah RM768,345 sumbangan orang ramai telah dibelanjakan bagi membina 7 buah masjid baru di 7 daerah dalam Negeri Terengganu seperti di **Jadual 22**.

Jadual 22
Kedudukan Perbelanjaan Pembinaan Masjid Melalui
Dana Masjid Sehingga Bulan Disember 2006

Bil.	Nama Masjid	Jumlah Perbelanjaan (RM)
1.	Masjid Penarik, Setiu	182,339
2.	Masjid Gemuroh, Tepoh, Kuala Terengganu	133,319
3.	Masjid Balik Bukit, Jerteh, Besut	100,000
4.	Masjid Serdang, Dungun	100,000
5.	Masjid Batu 2½, Cukai, Kemaman	97,725
6.	Masjid Tebakang, Marang	88,862
7.	Masjid Kampung Buloh, Hulu Terengganu	66,100
Jumlah		768,345

Sumber: Akaun Dana Masjid, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu

Kesemua masjid yang dibina masih belum siap dan pembinaan seterusnya bergantung kepada sumbangan orang ramai. Bagi menangani kelewatan penyiapan pembinaan masjid ini, Kerajaan Negeri bersetuju untuk menambahkan wang dana secara 'ringgit ke ringgit' iaitu kerajaan akan menambah setiap ringgit yang disumbangkan oleh orang ramai. Selain itu Kerajaan Negeri juga bersetuju membiayai kos pembinaan 2 buah masjid iaitu Masjid Penarik, Setiu dan Masjid Kampung Buloh, Hulu Terengganu masing-masing berjumlah RM1.64 juta dan RM1.68 juta. **Foto 19** dan **20** menunjukkan masjid yang terbengkalai manakala **Foto 21** menunjukkan masjid yang diteruskan pembinaan dengan menggunakan wang peruntukan Kerajaan Negeri.

Foto 19
Pembinaan Masjid Dana Yang Terbengkalai



Sumber: Foto Jabatan Audit Negeri Terengganu
Tarikh: 29 November 2006
Lokasi: Masjid Kampung Gemuroh Tepoh, Kuala Terengganu.

Foto 20
Pembinaan Masjid Dana Yang Terbengkalai



Sumber: Foto Jabatan Audit Negeri Terengganu
Tarikh: 29 November 2006
Lokasi: Masjid Kampung Tebakang, Marang.

Foto 21
Pembinaan Masjid Dana Yang Diteruskan
Menggunakan Peruntukan Kerajaan Negeri



Sumber: Foto Jabatan Audit Negeri Terengganu

Tarikh: 5 September 2006

Lokasi: Masjid Kampung Penarik, Setiu

Pada pendapat Audit, prestasi pembinaan masjid melalui peruntukan Kerajaan Negeri adalah baik. Bagaimanapun, pembinaan masjid menggunakan Masjid Dana adalah tidak memuaskan kerana terbengkalai dan bergantung kepada sumbangan daripada orang ramai.

10.2.8 Prestasi Kewangan

Pada setiap tahun, peruntukan pembangunan projek pembinaan masjid yang besar telah diberikan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Pada tahun 2006, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM60 juta untuk pembinaan masjid. Sementara itu, baki Dana Masjid pada tahun 2006 adalah berjumlah RM969,621.

a) Peruntukan Kerajaan Negeri

Peruntukan pembinaan masjid di seluruh Negeri Terengganu telah diluluskan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Peruntukan ini diluluskan secara 'Blok Vot' bagi maksud pembinaan/pembentukan masjid dan surau yang dirancang oleh pihak Kerajaan Negeri. Bagi tempoh 2005 hingga 2006, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri berjumlah RM80 juta seperti di **Jadual 23**.

Jadual 23
Peruntukan Dan Perbelanjaan Masjid Bagi Tahun 2005 Dan 2006

Tahun	Peruntukan	Perbelanjaan	Prestasi Perbelanjaan
	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
2005	20.00	13.50	67.5
2006	60.00	50.15	83.6
Jumlah	80.00	63.65	79.6

Sumber: Buku Bajet Negeri Terengganu 2005 dan 2006 dan Rekod JKR Negeri

Pada tahun 2005 dan 2006, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan secara ‘Blok Vot’ masing-masing berjumlah RM20 juta dan RM60 juta untuk pembinaan masjid di seluruh kawasan Dewan Undangan Negeri Terengganu. Pada tahun 2005, sebanyak 28 buah masjid telah dikeluarkan tender dengan kos berjumlah RM68.85 juta. Semakan Audit di Jabatan Kerja Raya Negeri Terengganu mendapati pada tahun 2005 jumlah peruntukan yang dibelanjakan untuk pembinaan masjid tersebut adalah RM13.50 juta atau 67.5%. Manakala pada tahun 2006, jumlah perbelanjaan adalah RM50.15 juta atau 83.6%.

b) Dana Masjid

Dana Masjid telah ditubuhkan pada tahun 1996. Tujuan penubuhannya adalah untuk mengumpul dana membina masjid baru, membaiki atau melakukan pengubahsuaian masjid, kerja-kerja penyenggaraan dan pengimaranan masjid. Sumber kewangan Dana Masjid adalah daripada hasil sumbangan orang ramai sama ada melalui derma secara tunai atau melalui sistem potongan gaji bagi kakitangan kerajaan. Selain itu, terdapat juga sumber lain seperti keuntungan atas pelaburan dan simpanan. Dana ini ditadbir oleh 3 jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Induk, Jawatankuasa Kempen dan Jawatankuasa Pembinaan/Penyenggaraan Masjid Negeri. Pengurusan akaun Dana Masjid adalah di bawah Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). Kedudukan Akaun Dana Masjid sehingga Disember 2006 adalah seperti di **Jadual 24**.

Jadual 24
Pendapatan Dan Perbelanjaan Dana Masjid
Sehingga Disember 2006

Tahun	Pendapatan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Baki (RM)
1999	815,178	145	815,033
2000	137,094	97	136,997
2001	162,817	16,068	146,749
2002	272,093	73,025	199,068
2003	301,273	391,785	(90,512)
2004	175,705	314,586	(138,881)
2005	120,617	303,140	(182,523)
2006	144,829	61,139	83,690
Jumlah	2,129,606	1,159,985	969,621

Sumber: Maklumat Akaun Daripada MAIDAM

Nota:

- i) **Pendapatan** terdiri daripada sumbangan orang ramai dan potongan gaji, keuntungan akaun semasa, keuntungan akaun pelaburan, pindahan daripada JHEAT dan pendapatan lain.
- ii) **Perbelanjaan** terdiri daripada pembinaan masjid, pembaikan masjid, derma khas dan cukai pegangan.

Pada pendapat Audit, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi membina sebuah masjid di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri. Bagaimanapun kedudukan kewangan Dana Masjid yang terhad menyebabkan pembinaan masjid terbengkalai.

10.2.9 Kualiti Kerja Pembinaan

Mengikut kontrak, semua kerja kontrak pembinaan perlu berkualiti tinggi dan mematuhi spesifikasi dan lukisan pembinaan. Pemeriksaan Audit pada akhir bulan November 2006 dan lawatan Audit bersama Pasukan Penasihat Teknikal Jabatan Audit Negara (Jurutera) daripada Ibu Pejabat Jabatan Audit Negara pada 12 April 2007, mendapati pada keseluruhannya kerja-kerja kemasan bagi Masjid Kampung Sg. Ular, Hulu Terengganu adalah baik manakala Masjid di Kampung Penarik, Setiu adalah memuaskan. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

a) Komponen Peralatan Berkarat

Pemeriksaan Audit bersama Pasukan Penasihat Teknikal Jabatan Audit Negara mendapati ada beberapa peralatan di Masjid Kampung Penarik, Setiu telah berkarat walaupun bangunan baru sahaja diambil alih. Peralatan tersebut adalah seperti penutup pembesar suara, penutup lampu kalimantang dan tingkap ram boleh laras seperti di **Foto 22, 23 dan 24**. Masjid Kampung Penarik, Setiu terletak kira-kira 150 meter daripada laut, pihak JKR sepatutnya telah mengambil kira kesesuaian peralatan yang akan digunakan adalah daripada bahan yang tahan karat. Keadaan ini boleh menyebabkan Kerajaan Negeri perlu menanggung kos

tambahan bagi kerja penyenggaraan dan penggantian peralatan baru apabila bangunan telah diambil alih.

Foto 22
Penutup Pembesar Suara Berkarat



*Sumber: Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 12 April 2007
Lokasi: Masjid Kampung Penarik, Setiu.*

Foto 23
Penutup Lampu Kalimantan Berkarat



*Sumber: Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh: 12 April 2007
Lokasi: Masjid Kampung Penarik, Setiu.*

Foto 24
Tingkap Ram Boleh Laras Berkarat



Sumber: Foto Jabatan Audit Negeri Terengganu


Tarikh: 12 April 2007

Lokasi: Masjid Kampung Penarik, Setiu.

b) Longkang Pecah

Pemeriksaan Audit bersama Pasukan Penasihat Teknikal Jabatan Audit Negara mendapati ada sebahagian longkang di Masjid Kampung Penarik, Setiu telah pecah di bahagian dasarnya dan perlu dibaiki seperti di **Foto 25**. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat memastikan pemeriksaan telah dijalankan dengan rapi semasa pihak JKR mengambil alih bangunan tersebut.

Foto 25
Bahagian Dasar Longkang Pecah



Sumber: Foto Jabatan Audit Negeri Terengganu

Tarikh: 12 April 2007

Lokasi: Masjid Kampung Penarik, Setiu.

c) **Lubang Pada Bebendul Konkrit**

Lubang pada bebendul konkrit dibina adalah bertujuan untuk mengalirkan air dari permukaan tempat letak kereta ke dalam longkang yang berdekatan. Pemeriksaan Audit bersama pasukan Penasihat Teknikal Jabatan Audit Negara mendapati lubang pada bebendul konkrit yang dibina tidak mengikut lukisan pembinaan atau dibina pada lokasi yang tidak sesuai.

- i) Mengikut lukisan pembinaan, lubang pada bebendul konkrit hendaklah berbentuk empat segi tepat dengan ukuran 300mm x 100mm dan berjarak 3 meter setiap lubang. Walau bagaimanapun terdapat beberapa lubang bebendul konkrit di Masjid Kampung Penarik, Setiu berbentuk bulat. Lubang tersebut juga dibina lebih tinggi daripada aras permukaan tempat letak kereta dan pada lokasi yang tidak betul iaitu bersebelahan dengan kawasan berumput seperti **Foto 26**.

Foto 26
Lubang Bebendul Konkrit Berbentuk Bulat



Sumber: Foto Jabatan Audit Negeri Terengganu

Tarikh: 12 April 2007

Lokasi: Masjid Kampung Penarik, Setiu.

- ii) Bebendul konkrit telah dibina di sepanjang longkang bangunan. Hasil daripada pemeriksaan Audit mendapati bebendul konkrit yang dibina tidak mempunyai lubang saliran seperti mana lukisan pembinaan. Akibatnya air di permukaan tempat letak kereta tidak boleh mengalir terus ke dalam longkang apabila hari hujan.
- iii) Lubang bebendul konkrit telah dibina bersebelahan dengan kawasan tanaman rumput yang lebih tinggi daripada aras tempat letak kereta. Apabila hujan air akan mengalir dari kawasan rumput ke permukaan tempat letak kereta dan boleh menyebabkan air bertakung di kawasan tersebut. Perkara ini berlaku di Masjid Kampung Penarik, Setiu dan di Masjid Kampung Sungai Ular, Hulu Terengganu seperti di **Foto 27**.

Foto 27
Lubang Bebendul Konkrit Dibina Bersebelahan
Kawasan Tanaman Rumput



*Sumber: Foto Jabatan Audit Negeri Terengganu
Tarikh: 12 April 2007
Lokasi: Masjid Kampung Sungai Ular, Hulu Terengganu.*

d) Tanaman Rumput

Sebagaimana perbincangan di tapak bina, Jurutera Bangunan JKR Setiu memaklumkan kontraktor hendaklah menanam rumput secara rapat-rapat di sekitar bangunan. Sebelum kerja-kerja penanaman rumput dijalankan, tapak tersebut perlu dilapis dengan tanah hitam yang subur setebal 25mm. Setiap keping rumput yang ditanam mestilah berukuran 200mm persegi dengan mempunyai tanah asas yang purata tebalnya 50mm. Mengikut spesifikasi, kontraktor hendaklah menjaga dan memelihara rumput dari rosak dan binasa dengan menyiram air, membaja dan menggemburkan tanah sehingga akhir Tempoh Tanggungan Kecacatan. Pemeriksaan Audit bersama Penasihat Teknikal Jabatan Audit Negara mendapati rumput yang ditanam di kawasan persekitaran Masjid Kampung Penarik, Setiu tidak ditanam secara rapat-rapat dan ada yang mati serta kering seperti di **Foto 28** dan **29**. Keadaan ini disebabkan tindakan lapisan tanah hitam dan ketebalan tanah asas bagi kepingan rumput tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan seperti di **Foto 30**. Selain itu, masih terdapat kawasan yang belum ditanam rumput.

Foto 28
Rumput Tidak Ditanam Secara Rapat-rapat



Sumber: Foto Jabatan Audit Negeri Terengganu

Tarikh: 12 April 2007

Lokasi: Masjid Kampung Penarik, Setiu.

Foto 29
Rumput Yang Ditanam Kering
Akibat Tiada Lapisan Tanah Hitam



Sumber: Foto Jabatan Audit Negeri Terengganu

Tarikh: 12 April 2007

Lokasi: Masjid Kampung Penarik, Setiu.

Foto 30
Tebal Tanah Asas Rumput
Yang Ditanam Tidak Mengikut Spesifikasi Setebal 50mm



Sumber: Foto Jabatan Audit Negeri Terengganu

Tarikh: 12 April 2007

Lokasi: Masjid Kampung Penarik, Setiu.

e) Kebersihan Persekutaran

Mengikut kontrak, kerja-kerja pembersihan tapak perlu dijalankan sebelum bangunan tersebut diserahkan oleh kontraktor kepada pihak JKR. Lawatan bersama Penasihat Teknikal Jabatan Audit Negara di Masjid Kampung Penarik, Setiu mendapati sisa bahan binaan berselerak dan masih belum dibersihkan di sekitar bangunan masjid seperti di **Foto 31**. Ini jelas menunjukkan yang kontraktor tidak mematuhi spesifikasi kontrak. Mengikut spesifikasi kontrak, kontraktor dikehendaki mengumpul dan membuang semua sampah sarap yang terkumpul sepanjang masa kerja pembinaan dijalankan dan meninggalkan tapak bina dalam keadaan yang bersih dan kemas apabila kerja siap.

Foto 31
Sisa Bahan Binaan
Tidak Dibersihkan Di sekitar Bangunan Masjid



Sumber: Foto Jabatan Audit Negeri Terengganu

Tarikh: 12 April 2007

Lokasi: Masjid Kampung Penarik, Setiu.

f) Telaga Lama Terletak Di Laluan Masuk

Lawatan bersama Pasukan Penasihat Teknikal Jabatan Audit Negara di Masjid Kampung Sungai Ular, Hulu Terengganu mendapati sebuah telaga lama terletak di laluan masuk ke kawasan masjid. Kedudukan telaga ini mengganggu laluan kenderaan dan berbahaya kepada pengguna masjid dan kanak-kanak kerana tidak ditutup. Kedudukan telaga seperti di **Foto 32** dan **Foto 33**.

Pihak Audit berpendapat telaga tersebut tidak perlu dikekalkan dan wajar dikambus.

Foto 32
Kedudukan Telaga Lama Menghalang Laluan Dan Merbahaya



Sumber: Foto Jabatan Audit Negeri Terengganu
Tarikh: 12 April 2007
Lokasi: Masjid Kampung Sungai Ular, Hulu Terengganu.

Pada pendapat Audit, kerja-kerja di sekitar bangunan bagi Masjid Kampung Sungai Ular, Hulu Terengganu adalah baik. Walau bagaimanapun, bagi Masjid Kampung Penarik, Setiu, kerja-kerja sekitar bangunannya perlu diperbaiki lagi. Pengawasan yang lebih teliti dan peka kepada kehendak lukisan pembinaan dan spesifikasi di dalam kontrak mestilah menjadi amalan pihak JKR yang mengawasi projek ini. Begitu juga dengan beberapa peralatan masjid yang dipasang telah berkarat, pihak JKR seharusnya lebih awal lagi peka kepada lokasi masjid yang berhampiran dengan laut dengan menggunakan peralatan daripada bahan yang tidak berkarat.

10.2.10 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

Semakan Audit mendapati tidak ada struktur organisasi khusus dibuat terhadap perjawatan untuk mengendalikan pengurusan dan pembinaan masjid. Tenaga kerja dalam pengurusan pembinaan masjid adalah terdiri daripada pegawai dan kakitangan yang sedia ada di semua Jabatan/Pejabat yang terlibat.

a) Guna Tenaga

Kajian Audit mendapati pengurusan pembinaan masjid melibatkan 3 Jabatan/Pejabat iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu.

i) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu telah melantik Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri atau Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Gred JUSA C bagi mengetuai dan bertanggungjawab secara langsung dalam merancang dan mengurus projek pembinaan masjid di seluruh Negeri Terengganu. Beliau

dibantu oleh Penolong Setiausaha Kerajaan (Pembangunan Infrastruktur, Kemudahan Awam dan komunikasi Negeri) Gred N41, seorang Ketua Pembantu Tadbir Gred N22 dan 2 orang Pembantu Tadbir Gred N17.

ii) Jabatan Kerja Raya Negeri Terengganu

Pengarah Kerja Raya Negeri Gred JUSA C adalah bertanggungjawab secara keseluruhan dalam pengurusan dan pembangunan projek pembinaan masjid. Beliau dibantu oleh seorang Timbalan Pengarah (Pembangunan) Gred J54, Ketua Penolong Pengarah Gred J48, Penolong Pengarah Gred J41, Pembantu Teknik Gred J29 dan 2 orang Juruteknik Gred J17. Selain itu, di peringkat daerah pula ianya diketuai oleh Jurutera Daerah Gred J48, Jurutera Bangunan Gred J41, Pembantu Teknik Gred J29 dan Juruteknik Gred J17.

iii) Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu

Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Islam Negeri Gred S54 adalah bertanggungjawab secara keseluruhannya dalam memastikan pembinaan masjid dilaksanakan mengikut perancangan yang ditetapkan. Beliau dibantu oleh seorang Ketua Penolong Pesuruhjaya (Pengurusan Masjid) Gred S48, Penolong Pesuruhjaya Gred S41, Imam Besar Gred S41, Ketua Pembantu Tadbir Gred N22, Ketua Pembantu Hal Ehwal Agama Gred S22, dua orang Pembantu Tadbir Gred N17 dan dua orang Pembantu Hal Ehwal Agama Gred S17. Di peringkat daerah pula ianya diketuai oleh Pegawai Agama Daerah Gred S41.

b) Latihan

Kursus dan latihan kepada kakitangan sentiasa diberi keutamaan bagi melancarkan lagi aktiviti pengurusan pembinaan masjid. Semakan Audit mendapati ketiga-tiga Jabatan terlibat di atas telah memberi latihan kepada kakitangannya dari semasa ke semasa mengikut keperluan. Kursus tersebut adalah seperti Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS) dan kursus pengurusan kewangan untuk kakitangan unit kewangan dan pentadbiran. Selain itu, kursus teknikal iaitu Kursus Penyelaras Projek, Kursus Pegawai-pegawai Teknikal dan Kursus Pematuhan Projek telah diberikan kepada kakitangan bahagian teknikal. Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri juga ada menganjurkan kursus pengurusan dan pengimaranan masjid kepada Jawatankuasa Masjid, Imam dan Bilal.

Pada pendapat Audit, guna tenaga yang ada dan latihan yang diberikan adalah baik kerana ia merupakan input yang penting dalam memastikan pengurusan pembinaan masjid dapat dilaksanakan dengan sempurna.

10.2.11 Struktur Pengurusan Projek

Semakan Audit mendapati terdapat 3 Jabatan Kerajaan iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu yang bertindak sebagai pemegang peruntukan, Jabatan

Kerja Raya Negeri sebagai Pegawai Penguasa dan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu sebagai pelanggan dalam pengurusan pembinaan masjid. Peranan Jabatan/Pejabat tersebut adalah seperti mana berikut:

a) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu

Semakan Audit mendapati Pejabat Setiausaha Kerajaan terlibat dalam mengeluarkan waran peruntukan pembinaan masjid kepada Pejabat Pengarah JKR Negeri Terengganu. Pejabat juga mengemukakan permohonan peruntukan kepada Perbendaharaan Negeri setelah diminta oleh pihak JKR.

b) Jabatan Kerja Raya Negeri Terengganu

Semakan Audit mendapati Jabatan Kerja Raya telah melaksanakan tanggungjawab seperti berikut:

- i) Melantik Jurutera Daerah sebagai wakil Pegawai Penguasa bagi memastikan pelaksanaan kerja berjalan dengan lancar dan sempurna.
- ii) Menguruskan perolehan secara tender seperti mengeluarkan iklan tender, menyediakan anggaran kos pembinaan, memproses tender, menilai dan seterusnya menyediakan laporan penilaian serta pengesyoran kepada Lembaga Tender Negeri.
- iii) Menyediakan urusan lukisan pelan standard bagi pembinaan masjid yang berkapasiti 500 orang, 750 orang dan 1,000 orang jemaah.
- iv) Mengeluarkan surat tawaran dan surat setuju terima tender kepada kontraktor yang berjaya. Selain itu, JKR juga menguruskan dokumen kontrak serta mengeluarkan sijil siap kerja.
- v) Menyediakan urusan bayaran kepada kontraktor mengikut kemajuan kerja.
- vi) Menyediakan unjuran keperluan kewangan tahunan untuk dikemukakan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

c) Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu

Semakan Audit mendapati tanggungjawab Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah seperti menyelesaikan perkara yang berkaitan dengan hak milik tanah/tapak masjid, menentu arah kiblat dan mengimarahkan masjid. Selain itu, JHEAT juga bertanggungjawab merujuk kepada Majlis Fatwa bagi memastikan pembinaan masjid tidak bercanggah dengan peraturan hukum Islam.

Pada pendapat Audit, struktur pengurusan projek yang dibentuk bagi mengendalikan projek pembinaan masjid adalah baik kerana dapat membantu kelancaran perjalanan projek.

Pada pendapat Audit, keseluruhan pelaksanaan pembinaan masjid adalah baik kerana peraturan yang ditetapkan dipatuhi dan sasarannya ditepati. Bagaimanapun pencapaian ini boleh dipertingkatkan sekiranya pembinaan masjid di bawah Dana

Masjid juga diberi perhatian yang sewajarnya dan tidak dibiarkan terbiar seperti masjid Kampung Gemuruh.

10.3 PEMANTAUAN

Pemantauan merupakan elemen pengurusan yang penting dan perlu dilaksanakan secara berkesan. Pemantauan pengurusan pembinaan masjid di seluruh Negeri Terengganu terbahagi kepada beberapa peringkat iaitu peringkat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu (Pegawai Pengawal), peringkat Jabatan Kerja Raya Negeri dan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

10.3.1 Peringkat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri menjalankan pemantauan terhadap peruntukan kewangan secara keseluruhan. Semua Jabatan terlibat dikehendaki mengemukakan laporan dalam mesyuarat jawatankuasa yang dibentuk berhubung dengan projek pembinaan masjid. Laporan tersebut mengandungi maklumat seperti berikut:

a) Status Kemajuan Kerja

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri telah menerima laporan status kemajuan kerja sama ada kerja telah dilaksanakan, sedang dilaksanakan, di peringkat proses perolehan ataupun belum diambil tindakan secara bulanan.

b) Status Perbelanjaan

JKR juga telah menghantar status perbelanjaan seperti jumlah peruntukan yang diterima, perbelanjaan sebenar dan peruntukan yang masih belum dibelanjakan juga secara bulanan.

c) Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Negeri

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri telah diadakan sebulan sekali. Semua projek pembangunan negeri dibentangkan dan dibincangkan dalam Mesyuarat ini.

10.3.2 Peringkat Jabatan Kerja Raya Negeri

Pemantauan dan penyeliaan projek adalah menjadi tanggungjawab Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Terengganu selaku Pegawai Penguasa yang dilantik. Ianya bertanggungjawab memantau pelaksanaan keseluruhan projek pembinaan masjid dan memastikan projek berjalan dengan teratur mengikut spesifikasi dan jadual yang ditetapkan. Untuk tujuan itu, Pengarah JKR Negeri telah melantik wakilnya untuk menjalankan pemantauan terhadap projek iaitu Ketua Penolong Pengarah (Bangunan) dan Jurutera Daerah. Antara tanggungjawabnya ialah:

a) Mengadakan Dan Menghadiri Mesyuarat Tapak

Mengikut ISO 9000 JKR Terengganu, mesyuarat tapak perlu dijalankan dari semasa ke semasa mengikut keperluan. Semakan Audit mendapati sebanyak 4 mesyuarat tapak telah diadakan bagi projek pembinaan Masjid Kampung Sungai Ular dan 6 kali mesyuarat tapak bagi pembinaan Masjid Kampung Penarik. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat tersebut ialah berkaitan dengan kemajuan kerja, masalah kontraktor, kualiti dan spesifikasi kerja serta perkara lain berkaitan pembinaan masjid tersebut.

b) Mengadakan Lawatan Tapak

Pegawai Penguasa atau wakil telah mengadakan lawatan tapak dari semasa ke semasa dan membuat teguran terhadap sebarang kecacatan dan masalah pembinaan masjid kepada kontraktor berkenaan. Semakan Audit terhadap Buku Harian Tapak mendapati ada lawatan daripada Pegawai Penguasa atau wakil dan pelawat direkodkan dalam buku tersebut. Lawatan terakhir wakil penguasa yang direkodkan dalam Buku Harian Tapak bagi Masjid Sungai Ular ialah pada 21 Ogos 2006. Manakala bagi Masjid Penarik ialah pada 29 Oktober 2006.

c) Merekodkan Dan Memeriksa Buku Harian Tapak

Arahan Ketua Pengarah Kerja Raya Bil. 4 Tahun 1998 telah menetapkan Buku Harian Tapak perlu dilengkapkan setiap kali kerja pembinaan dilakukan. Buku Harian Tapak adalah dokumen penting yang perlu diselenggarakan dan direkodkan setiap hari. Antara perkara yang perlu ada dalam Buku Harian Tapak adalah Arahan Pegawai Penguasa atau wakilnya, bilangan pekerja yang bekerja ditapak, kuantiti bahan yang diterima dan butiran kerja harian yang dilakukan. Lawatan Audit ke tapak projek pembinaan Masjid Kampung Sungai Ular pada bulan September 2006 mendapati buku tersebut ada diselenggarakan seperti yang dikehendaki serta telah ditandatangani oleh kontraktor dan Juruteknik Tapak sebagai Wakil Pegawai Penguasa. Bagaimanapun bagi Masjid Kampung Penarik, Buku Harian Tapak ada disediakan tetapi ianya tidak kemas kini.

d) Mesyuarat Jawatankuasa Perubahan Kerja

Semakan Audit mendapati mesyuarat ini diadakan apabila ada perubahan kerja yang dikehendaki oleh pihak JKR.

e) Menilai Kemajuan Kerja Dan Menyediakan Laporan

Jurutera Daerah menilai dan menyediakan laporan mengenai kemajuan kerja dan dikemukakan kepada Pegawai Penguasa sebelum sesuatu pembayaran dibuat.

10.3.3 Peringkat Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu

Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu telah menjalankan pemantauan terhadap pembinaan masjid yang berkaitan dengan hak milik tanah/tapak masjid, menentukan

arah kiblat dan menyusun program untuk mengimarahkan masjid. Selain itu, JHEAT telah membuat pemantauan seperti berikut:

a) Mesyuarat Tapak

JHEAT juga terlibat sebagai jawatankuasa dalam pembinaan masjid di seluruh Negeri Terengganu. Semakan Audit mendapati JHEAT telah menghantar wakilnya pada setiap kali mesyuarat tapak pembinaan sesebuah masjid yang diadakan. Sebanyak 4 mesyuarat tapak telah diadakan bagi projek pembinaan Masjid Kampung Sungai Ular dan 6 kali mesyuarat tapak bagi pembinaan Masjid Kampung Penarik.

b) Lawatan Tapak

Semakan Audit mendapati Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama atau wakilnya ada membuat lawatan ke tapak projek pembinaan masjid dari semasa ke semasa bagi memastikan kualiti kerja pembinaan masjid dilaksanakan dengan memuaskan.

c) Laporan Kemajuan Kerja

JHEAT sentiasa memantau laporan projek pembinaan masjid yang diterima dari pihak yang berkaitan bagi menjamin dan memastikan pembinaan adalah mengikut jadual pelaksanaan sebagaimana yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, proses pemantauan ada dijalankan oleh Jabatan/Pejabat yang bertanggungjawab. Bagaimanapun, tindakan berkesan tidak dapat dilaksanakan untuk mengatasi projek masjid yang terbengkalai.

11. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan projek pembinaan masjid telah dilaksanakan dengan memuaskan. Ini adalah kerana perkara yang dirancang telah dilaksanakan dan peraturan yang ditetapkan telah dipatuhi. Bagaimanapun perhatian hendaklah diberikan kepada perkara seperti berikut:

- a)** Projek Masjid Dana yang terbengkalai.
- b)** Perjanjian kontrak lewat ditandatangani berbanding surat setuju terima dikeluarkan.
- c)** Kontraktor yang gagal menyiapkan kerja selepas tempoh lanjutan masa denda masih belum dikenakan.
- d)** Akaun Kira-kira Akhir lewat disediakan, penggunaan bahan tidak tahan karat dan pengawasan yang kurang memuaskan.
- e)** Kerja pembinaan oleh kontraktor tidak mengikut spesifikasi kontrak.

Adalah disyorkan agar pihak SUK, JKR dan JHEAT mengambil tindakan seperti berikut:

- a) Mengambil alih dan menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi membiayai Masjid Dana yang terhenti atau terbengkalai.
- b) Akaun Kira-Kira Akhir/Muktamad hendaklah disediakan secepat mungkin sebaik sahaja Surat Perakuan Siap Kerja dikeluarkan bagi membantu kontraktor mendapat bayaran akhir yang segera.
- c) Tindakan mengenakan denda lewat terhadap kontraktor yang gagal menyiapkan projek mengikut jadual hendaklah dikenakan.
- d) Tindakan hendaklah diambil terhadap kontraktor kerana gagal melaksanakan kerja-kerja mengikut spesifikasi kontrak.
- e) Pihak JKR seharusnya peka lebih awal kepada lokasi masjid yang berhampiran dengan laut dengan menggunakan peralatan daripada bahan yang tahan karat.
- f) Pengawasan perlu dilakukan dengan lebih teliti dan mengikut kehendak lukisan pembinaan dan spesifikasi seperti yang ditetapkan dalam kontrak.
- g) Pihak JKR perlu memastikan kerja pembersihan kawasan masjid dijalankan oleh kontraktor setelah pembinaan siap.

YAYASAN ISLAM TERENGGANU

PENGURUSAN TAMAN DIDIKAN KANAK-KANAK (TADIKA)

12. LATAR BELAKANG

Tadika Yayasan Islam ditubuhkan di bawah pembiayaan dan pentadbiran Yayasan Islam Terengganu (Yayasan) dengan matlamat untuk menyemai pendidikan berdasarkan nilai Islam kepada kanak-kanak pra-sekolah. Tadika Yayasan mula ditubuhkan di daerah Kemaman pada tahun 1978. Tadika ini kemudiannya ditubuhkan di Kuala Terengganu, Dungun, Hulu Terengganu dan Besut. Pada sesi persekolahan tahun 2006, bilangan kelas Tadika yang beroperasi adalah sebanyak 81 kelas dengan penglibatan murid Tadika seramai 2,272 orang. Bilangan tenaga pengajar yang dilantik dan mengajar di semua Tadika adalah seramai 135 orang. Yayasan telah menguruskan 15 buah Tadika di mana sebanyak 11 beroperasi di bangunan milik Yayasan dan 4 buah Tadika Yayasan menumpang di bangunan lain. Kos perolehan bangunan Tadika adalah berjumlah RM4.17 juta dan belanja mengurus seperti bayaran gaji guru, penyenggaraan bangunan dan perbelanjaan lain yang berkaitan dengan aktiviti Tadika adalah berjumlah RM3.72 juta.

13. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah bagi menentukan sama ada sistem pengurusan Taman Didikan Kanak-kanak Yayasan Islam telah dirancang, dilaksanakan dan diuruskan dengan cekap dan berkesan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

14. SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN

Pemilihan tajuk ini dibuat adalah berdasarkan program Tadika Cemerlang yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Terengganu untuk melihat anak-anak Terengganu diasuh di peringkat awal bagi menguasai mata pelajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris. Skop pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan Tadika Yayasan bagi tempoh 2004 hingga 2006. Pengauditan telah dijalankan di Bahagian Pendidikan, Yayasan Islam Terengganu dan Tadika di daerah yang berkaitan. Kaedah Pengauditan ini lebih tertumpu terhadap semakan ke atas rekod kewangan, minit mesyuarat dan dokumen lain yang berkaitan. Selain itu, lawatan ke lokasi Tadika dan temu bual dengan pegawai terlibat turut diadakan.

15. PENEMUAN AUDIT

15.1 PERANCANGAN

Persediaan kegiatan yang pelbagai dalam pengajaran dan pembelajaran perlu dirancang lebih awal. Perancangan yang baik di semua peringkat meliputi aspek penyediaan peraturan dan undang-undang yang jelas, kajian awal, sasaran program, pengurusan

aktiviti, guna tenaga, latihan, kewangan dan pemantauan. Semakan Audit terhadap aspek perancangan pengurusan Tadika mendapatkan perkara seperti berikut:

15.1.1 Dasar Kerajaan Negeri

Kerajaan Negeri merancang untuk menjadikan pendidikan Tadika sebagai asas yang kukuh dalam diri kanak-kanak untuk memasuki dunia persekolahan dan pendidikan sepanjang hayat. Bagi menjayakan rancangan Kerajaan Negeri tersebut, Yayasan memperkenalkan dasar menubuhkan sebuah Tadika di setiap daerah. Perancangan dasar yang dilakukan kajian akan melibatkan penubuhan Tadika dengan mengambil kira aspek berikut:

- a) Membuat dasar terbuka berdasarkan permintaan dengan mengambil kira faktor berikut:
 - i) Daerah/Pusat Bandar Baru.
 - ii) Di kawasan perumahan baru seperti KETENGAH, Rantau Petronas dan Kawasan Rancangan Tanah FELDA.
- b) Kawasan perumahan yang berjumlah melebihi 200 unit.
- c) Kemampuan pembiayaan Yayasan.
- d) Faktor-faktor lain:
 - i) Tidak merupakan saingan kepada Tadika agensi lain.
 - ii) Tidak akan memberi kesan negatif kepada Tadika sedia ada di kawasan itu (sama ada anjuran swasta/agensi lain).
 - iii) Memastikan ianya dapat berkembang maju dan dapat mempertahankan prestasi dan pembentukannya.

15.1.2 Undang-Undang Dan Peraturan

Operasi Yayasan adalah tertakluk kepada Enakmen Yayasan Islam Terengganu Bil.1 Tahun 1974. Selain itu, ia juga tertakluk kepada peraturan kewangan yang sedia ada seperti Arahan Perbendaharaan, Pekeliling dan Surat Pekeliling Perbendaharaan serta pekeliling yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Negeri dari semasa ke semasa. Bagi pengurusan Tadika, Yayasan perlu mematuhi undang-undang dan peraturan seperti berikut:

a) Akta Pendidikan 1996

Akta Pendidikan 1996 telah menggariskan bagaimana pendidikan prasekolah atau Tadika perlu beroperasi bagi menjamin mutu program pendidikan. Antara perkara yang digariskan dalam Akta tersebut adalah seperti berikut:

- i) Penubuhan Tadika perlu mendapat permit atau mendaftar dengan Jabatan Pelajaran Negeri.
- ii) Melaksanakan kurikulum dan ko-kurikulum yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.
- iii) Guru hendaklah mempunyai permit mengajar.

b) Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Terengganu) 1984

Undang-undang Kecil ini memperuntukkan pelan bangunan hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk kelulusan ke atas ruang kawasan, cahaya dan pengudaraan bangunan, kehendak struktur, kerja sementara berhubungan dengan kerja bangunan, kehendak pembinaan, kehendak menentang kebakaran, penggera kebakaran, pengesan api, pemadam api, akses menentang kebakaran dan sebagainya. Kelulusan ini akan diperoleh setelah Pihak Berkuasa Tempatan berpuas hati dengan perakuan dan sokongan daripada jabatan teknikal seperti Jabatan Bomba Dan Penyelamat dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

15.1.3 Kajian Awal

Kajian awal merupakan penilaian asas bagi menentukan sesuatu aktiviti yang akan dilaksanakan memberi gambaran sebenar mengenai kesesuaian, kecekapan dan keberkesanan. Ianya turut digunakan sebagai asas rujukan kepada pihak pengurusan bagi membuat sesuatu keputusan. Aspek kajian awal yang perlu diberi penekanan dalam program Tadika meliputi perkara berikut:

- a) Kajian Tapak - Mengenal pasti ciri-ciri bangunan dan keadaan persekitaran iaitu dari segi fizikal, perancangan dan perundangan.
- b) Lokasi - Mengenal pasti permintaan dan sambutan daripada orang awam ataupun masyarakat.
- c) Analisis Kos - Menyediakan analisis kos pembangunan dan penyenggaraan sebagai asas rujukan bagi menilai kemampuan dari aspek pembiayaan.
- d) Pengurusan - Menentukan ciri-ciri, pendekatan dan penglibatan tenaga pekerja supaya aktiviti yang dirancang dapat berjalan dengan teratur.

15.1.4 Sasaran Program

Pengukuran bagi mencapai sesuatu program adalah berasaskan penetapan sasaran yang nyata dan jelas. Untuk tujuan ini, Yayasan menetapkan beberapa sasaran iaitu seperti berikut:

- a) Selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan, Kerajaan Negeri memperkenalkan Program Tadika Cemerlang bagi meningkatkan pendidikan pra-sekolah. Yayasan melalui Tadikanya merupakan salah satu agensi yang diberi peluang oleh Kerajaan Negeri melaksanakan program Q-Dees yang memperkenalkan penggunaan komputer bagi mempelajari Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris. Program ini dirancang akan dilaksanakan dalam 2 fasa yang akan melibatkan beberapa Tadika yang terpilih sahaja.
- b) Kerajaan Negeri turut mengorak langkah melalui cetusan idea Menteri Besar Terengganu untuk menyerapkan murid-murid Tadika mewarisi kategori ‘Ulul Albab’ dengan memperkenalkan Program Pintar Al-Quran. Program ini mensasarkan

penglibatan murid-murid Tadika berumur 5 dan 6 tahun akan berjaya khatam Al-Quran dalam tempoh masa 2 tahun dengan kaedah pengajaran Iqra secara ‘Falaqqi Musyatahah’.

- c) Penetapan sasaran program bagi melaksanakan Program Tadika Cemerlang dan Program Pintar Al-Quran akan melibatkan bilangan murid, guru dan kelas tadika seperti di **Jadual 25**.

Jadual 25
Sasaran Program Tadika

Bil.	Nama Program	Bilangan Murid	Bilangan Guru	Bilangan Kelas
1.	Program Tadika Cemerlang	1,383	64	50
2.	Program Pintar Al-Quran	894	82	34

Sumber : Rekod Yayasan Islam Terengganu

15.1.5 Kaedah Pengurusan Tadika

Pengurusan Tadika akan ditadbir dan diurus oleh Unit Pendidikan, Bahagian Pembangunan Insan. Unit ini akan bertanggungjawab dalam mengendalikan urusan pentadbiran Tadika seperti pelantikan tenaga pengajar, menyediakan kurikulum dan ko-kurikulum, menu makanan dan yuran pengajian bagi memastikan Tadika dilaksanakan dengan teratur.

a) Tenaga Pengajar Dan Kakitangan Sokongan

Selain daripada Guru Besar yang berperanan sebagai pentadbir di Tadika, tenaga pengajarnya terdiri daripada guru yang terlatih. Kakitangan sokongan bukan guru pula terdiri daripada Pekerja Am dan Tukang Masak. Tenaga Pengajar yang akan dipilih terdiri daripada kalangan guru wanita dan berjawatan sementara.

b) Kurikulum Dan Ko-kurikulum

Yayasan akan menerima pakai kurikulum dan ko-kurikulum yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia bagi memastikan pembelajaran dan pengajaran mengikut sukanan pelajaran yang diluluskan. Yayasan turut juga menyahut seruan dalam pelbagai program yang akan dilaksanakan Kerajaan Negeri seperti Program Pintar Al-Quran dan Tadika Cemerlang bagi tujuan penambahbaikan pembelajaran di peringkat murid Tadika.

c) Menu Makanan

Yayasan akan memastikan menu dihidangkan tepat pada waktu, mengenyangkan dan berkualiti. Menu akan disediakan dalam pelbagai jenis dan boleh diubah mengikut bekalan bahan mentah. Menu Tadika yang ditetapkan adalah terdiri daripada makanan yang mengenyangkan seperti nasi lemak, mee goreng, nasi goreng dan kuih-muih. Pusingan menu yang akan disediakan seperti di **Jadual 26**.

Jadual 26
Senarai Menu Harian

Hari	Menu	
	Makanan	Minuman
Ahad	Nasi	Oren
Isnin	Roti	Milo/teh
Selasa	Mee	Sirap/teh
Rabu	Cucur/Donat	Milo/Air Sejuk
Khamis	Mee Sup/Nasi air	Milo/Teh

Sumber : Rekod Yayasan Islam Terengganu

d) Yuran

Yayasan akan memastikan kadar yuran yang akan dikenakan kepada murid Tadika adalah bersesuaian dan tidak membebankan ibu bapa yang terlibat. Pada awal penubuhannya, Yayasan mengenakan yuran pendaftaran sebanyak RM25 dan yuran bulanan sebanyak RM10 kepada seorang murid. Pihak pengurusan Yayasan akan membuat kajian semula mengenai kadar yuran mengikut keadaan semasa supaya selari dengan objektif penubuhan Tadika Yayasan.

15.1.6 Keperluan Infrastruktur Dan Peralatan

Perancangan terhadap kemudahan infrastruktur dan peralatan disediakan bagi memastikan pengurusan pendidikan Tadika dapat dilaksanakan secara teratur dan berkesan. Kemudahan infrastruktur yang dirancang meliputi bangunan Tadika, bilik darjah, padang permainan, dewan, surau, makmal komputer, dewan makan dan tandas. Keperluan infrastruktur ini penting bagi memastikan pembelajaran dalam keadaan yang selesa.

15.1.7 Keperluan Tenaga Pengajar Dan Latihan

Keperluan tenaga pengajar yang mencukupi dan perancangan latihan yang teratur perlu diwujudkan bagi memantapkan serta meningkatkan kecekapan terhadap pengurusan Tadika.

a) Tenaga Pengajar

Yayasan merancang untuk membuat pengambilan dan pelantikan tenaga pengajar bagi memenuhi keperluan mengurus dan mengendalikan Tadika. Setiap tahun, Yayasan akan menyediakan anggaran belanjawan mengenai peruntukan Tadika yang melibatkan bilangan guru, skim perkhidmatan dan gaji serta elaun tahunan. Guru Tadika akan dilantik secara sementara. Bayaran gaji guru adalah sejumlah RM770.62 terdiri daripada Gaji Pokok berjumlah RM525.62, Elaun Khidmat Awam berjumlah RM65 dan Elaun Perumahan berjumlah RM180.

b) Perancangan Latihan

Latihan merupakan aktiviti pembelajaran bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran berkaitan dengan tugas yang dipertanggungjawabkan. Yayasan merancang untuk memberi kursus dan latihan kepada semua tenaga pengajar serta kakitangan lain untuk meningkatkan perkhidmatan pendidikan. Pada tahun 2006, Yayasan merancang beberapa kursus dan latihan seperti di **Jadual 27**.

Jadual 27
Senarai Rancangan Kursus Pada Tahun 2006

Bil.	Nama Kursus / Latihan	Penyertaan
1.	Kursus Pintar Al-Quran (teknik pengajaran dan pembelajaran yang berkesan)	Guru Besar dan Guru Tadika
2.	Kursus Tadika Cemerlang	40 orang Guru Tadika.
3.	Kursus Bahasa Inggeris	Guru Besar dan Guru Tadika
4.	Kursus Pentadbiran Dan Pengurusan Berkesan	Semua Guru Besar Tadika.
5.	Kursus Falsafah Pendidikan Negara Dan Kurikulum Pendidikan Awal Kanak-kanak Pra-Sekolah.	Semua Guru Besar dan Guru Tadika
6.	Kursus Kepimpinan Dan Pengurusan Cemerlang	Semua Guru Besar Tadika

Sumber : Rekod Yayasan Islam Terengganu

15.1.8 Promosi

Aktiviti promosi diadakan bagi tujuan untuk memberitahu dan menarik minat ibu bapa untuk menghantar anak mereka ke Tadika Yayasan. Bentuk promosi yang akan digunakan oleh Yayasan adalah dengan membuat hebahan kepada orang awam melalui media, surat makluman atau notis kepada penduduk setempat dan meletak kain rentang di setiap premis Tadika.

15.1.9 Keperluan Kewangan

Keperluan kewangan perlu dirancang dengan sempurna bagi memastikan semua perancangan yang telah diaturkan dapat dilaksanakan. Anggaran peruntukan perbelanjaan yang dimohon untuk menguruskan aktiviti Tadika adalah sejumlah RM8.59 juta bagi tempoh 2004 hingga 2006 seperti di **Jadual 28**.

Jadual 28
Anggaran Peruntukan Perbelanjaan Diluluskan
Bagi Tempoh 2004 Hingga 2006


Anggaran Perbelanjaan	Tahun 2004 (RM Juta)	Tahun 2005 (RM Juta)	Tahun 2006 (RM Juta)
Emolumen	0.30	0.49	0.77
Perkhidmatan Bekalan	1.74	2.22	2.70
Harta Modal	0.09	0.06	0.06
Bantuan Pelancaran	0.05	0.05	0.06
Jumlah	2.18	2.82	3.59

Sumber : Laporan Perbelanjaan Tahunan Yayasan Islam Terengganu

15.1.10 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

Pengurusan Tadika Yayasan dipertanggungjawabkan kepada Bahagian Pembangunan Insan yang diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah (Gred N48). Beliau akan dibantu oleh seorang Penolong Pengarah Pendidikan dan Penyelia Tadika yang bertanggungjawab secara langsung terhadap pentadbiran dalam pengurusan hal ehwal Tadika. Struktur pengurusan Bahagian Pembangunan Insan dan Tadika adalah seperti di **Carta 8**.

Carta 8
Carta Organisasi Bahagian Pembangunan Insan Dan Tadika



Sumber: Rekod Yayasan Islam Terengganu

15.1.11 Kaedah Pemantauan

Bahagian Pembangunan Insan, Yayasan Islam adalah bertanggungjawab membuat pemantauan terhadap aktiviti pembelajaran dan pengajaran di semua Tadika Yayasan. Kaedah pemantauan yang dijalankan oleh Bahagian ini seperti berikut:

- Mengadakan mesyuarat dengan semua Guru Besar Tadika.
- Pihak pentadbiran Tadika dikehendaki mengemukakan laporan berkala.
- Mengadakan lawatan ke Tadika.

Pada pandangan Audit, Yayasan mempunyai perancangan yang baik dalam menguruskan Tadika selaras dengan matlamat Kerajaan Negeri bagi melahirkan kanak-kanak yang cemerlang dalam menguasai ilmu, bermoral (akhlik mulia), bersopan dan bertakwa.

15.2 PELAKSANAAN

Pelaksanaan sesuatu aktiviti perlulah mengikut perancangan yang diatur dan dilaksanakan dengan baik bagi mencapai matlamat yang ditetapkan. Semakan Audit terhadap aspek pelaksanaan pengurusan Tadika mendapatkan perkara seperti berikut:

15.2.1 Dasar Kerajaan Negeri

Dasar awal terhadap program ini ialah membuka sebuah Tadika di setiap daerah atau pusat bandar. Dasar ini telah dibuat kajian semula pada tahun 1986 dan Jawatankuasa Pendidikan yang ditubuhkan oleh Yayasan telah membuat dasar terbuka berdasarkan keadaan semasa dan permintaan orang ramai. Jumlah Tadika yang berjaya ditubuhkan sehingga akhir tahun 2006 adalah sebanyak 15 buah dan setiap daerah mempunyai sekurang-kurangnya sebuah Tadika Yayasan.

Pada pendapat Audit, penubuhan Tadika Yayasan adalah selaras dengan dasar Kerajaan Negeri untuk menjadikan pendidikan Tadika asas kukuh murid untuk memasuki alam persekolahan.

15.2.2 Undang-Undang Dan Peraturan

Penubuhan Tadika Yayasan adalah selaras dengan objektif penubuhan Yayasan Islam Terengganu untuk mengembangkan syariah Islam di bawah Enakmen Yayasan Islam Terengganu Bil. 1 Tahun 74. Semakan Audit terhadap pengurusan Tadika mendapatkan perkara seperti berikut:

a) Akta Pendidikan 1996

Semakan Audit mendapatkan tidak semua peruntukan dalam Akta Pendidikan 1996 dipatuhi oleh Yayasan terhadap pengurusan Tadika.

- i) Kurikulum dan ko-kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia mengenai prasekolah telah dilaksanakan secara menyeluruh di semua Tadika Yayasan.
- ii) Sebanyak 3 daripada 8 buah Tadika yang diperiksa beroperasi tanpa permit atau tidak didaftar dengan Jabatan Pelajaran Negeri.
- iii) Guru yang mengajar di 3 Tadika berkenaan tidak mempunyai permit mengajar daripada Jabatan Pelajaran Negeri.

b) Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Terengganu) 1984

Yayasan perlu mendapat kelulusan Sijil Layak Menduduki Bangunan daripada Pihak Berkuasa Tempatan untuk menggunakan premis bagi menjalankan aktiviti

Tadika. Sijil Layak Menduduki adalah suatu perakuan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan bagi memperakui sesebuah bangunan adalah layak untuk diduduki atau melakukan sesuatu aktiviti dalam bangunan tersebut. Tanpa perakuan ini, keselamatan bangunan yang digunakan adalah diragui untuk tujuan menjalankan sebarang aktiviti. Semakan Audit mendapati 3 daripada 8 buah bangunan Tadika yang dilawati tidak mempunyai Sijil Layak Menduduki. Tadika tersebut adalah seperti di **Jadual 29**.

Jadual 29
Bilangan Tadika Dan Guru Yang Tidak Mempunyai Permit

Bil.	Tadika	Jenis Bangunan	Bilangan Guru Yang Terlibat
1.	Tadika Putrajaya	Bangunan kekal (batu)	4
2.	Tadika Renek	Bangunan sementara (kayu)	1
3.	Tadika Kijal	Bangunan sementara (kayu)	4

Sumber : Rekod Yayasan Islam Terengganu

Dengan ketiadaan Sijil Layak Menduduki daripada Pihak Berkuasa Tempatan menyebabkan Tadika terlibat telah gagal untuk mendapatkan permit pendaftaran di bawah Akta Pendidikan 1996 daripada Jabatan Pelajaran Negeri. Selain itu, guru-guru yang mengajar di Tadika berkenaan turut tidak mempunyai permit mengajar.

Pada pendapat Audit, Yayasan telah melaksanakan sistem pembelajaran selaras dengan Akta Pendidikan Negara. Bagaimanapun, pematuhan terhadap peraturan dan undang-undang dalam aspek penggunaan premis adalah tidak memuaskan kerana perakuan Sijil Layak Menduduki ke atas bangunan Tadika tidak diperoleh terlebih dahulu sebelum menjalankan aktiviti Tadika bagi memastikan keselamatan bangunan dan orang ramai terutama murid dan guru Tadika adalah terjamin.

15.2.3 Kajian Awal

Kajian awal dapat membantu pengurusan Yayasan untuk membuat keputusan bagi melaksanakan aktiviti Tadika yang dirancang. Setiap keputusan yang dibuat menggambarkan pendekatan dan langkah yang perlu diambil tindakan ke arah melaksanakan aktiviti Tadika. Semakan Audit mendapati pengurusan Yayasan tidak menjalankan kajian awal sebelum menubuhkan sesebuah Tadika. Perkara sebegini terbukti jelas dengan penubuhan beberapa Tadika seperti berikut:

a) Tadika Renek

Tadika beroperasi secara menumpang di bangunan Masjid dengan kemudahan infrastruktur yang kurang selesa. Tadika ini beroperasi tanpa mendapat permit daripada Jabatan Pelajaran Negeri.

b) Tadika Kijal

Tadika beroperasi secara menyewa di bangunan Puspanita dengan susunan kelas yang tidak sempurna. Tadika ini turut beroperasi tanpa mendapat permit daripada Jabatan Pelajaran Negeri.

c) Tadika Putrajaya

Tadika ini beroperasi di bangunan milik Yayasan. Bagaimanapun, Tadika masih beroperasi tanpa mendapat permit walaupun bangunan tersebut disediakan kemudahan infrastruktur yang mencukupi.

Pada pendapat Audit, faktor ketiadaan kajian awal merupakan penyebab kepada pemilihan lokasi dan bangunan Tadika yang tidak sesuai dan memuaskan.

15.2.4 Sasaran Program

Pelaksanaan program Tadika perlu menepati sasaran program yang ditetapkan. Semakan Audit terdapat pelaksanaan program adalah seperti berikut:

a) Pelaksanaan Program Tadika Cemerlang

Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kali ke-25 yang bersidang pada 11 Ogos 2004 bersetuju melaksanakan Program Tadika Cemerlang bagi seluruh Negeri Terengganu yang melibatkan Tadika KEMAS, Tadika Perpaduan dan Tadika Yayasan. Mulai Januari 2005, kebanyakan aktiviti telah berubah apabila Yayasan melaksanakan dasar Kerajaan Negeri dalam memperkenalkan Program Tadika Cemerlang melalui kaedah Q-Dees.

Bagi melaksanakan program tersebut, murid Tadika diberi tumpuan kepada aspek menguasai asas Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris. Murid Tadika diberi pendedahan berbentuk pengajaran menggunakan multimedia dalam bentuk kreatif dan menyeronokkan yang disediakan dalam sistem Q-Dees. Program ini telah dilaksanakan secara berperingkat mengikut fasa I dan fasa II yang telah ditetapkan. Setakat ini, program ini telah berjalan dengan lancar dengan penglibatan murid di 15 buah Tadika Yayasan. Pencapaian program Q-Dees ini menampakkan kejayaan di mana murid-murid Tadika telah berani tampil membuat persembahan koir, berpidato, *choral speaking*, bercerita dan menyampaikan ucapan dalam Bahasa Inggeris di majlis penyampaian Sijil Tadika Cemerlang yang telah diadakan di Wisma Darul Iman. Majlis penyampaian sijil adalah seperti di **Foto 34**.

Foto 34
Murid Tadika Menerima Sijil Daripada Menteri Besar



Sumber : Fail Foto Yayasan Islam Terengganu
Tarikh : 5 September 2006
Lokasi : Dewan Besar, Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu.

Pada pendapat Audit, Program Tadika Cemerlang yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri adalah sangat baik dan mempunyai nilai tambah kepada Dasar Pendidikan Negara.

b) Pelaksanaan Program Pintar Al-Quran

Program Pintar Al-Quran yang dirangka untuk kanak-kanak menghayati bacaan Al-Quran telah beroperasi mulai Julai 2005 dengan melibatkan murid seramai 894 orang. Program Pintar Al-Quran ini memberi pendedahan kepada murid Tadika dalam menghayati Al-Quran, mahir membaca dan menghafal Al-Quran. Di bawah program ini, murid Tadika telah diajar dan dibimbing untuk menamatkan 30 juzuk Al-Quran sebelum dikeluarkan sijil khatam Al-Quran. Program Pintar Al-Quran telah menunjukkan kejayaan dalam menarik minat ibu bapa menghantar anak mereka menyertai program ini.

Pada tahun 2006, program ini telah mencipta rekod kejayaan dengan mendapatkan pengiktirafan daripada ***The Malaysian Book Of Records*** di mana seramai 937 murid Tadika Yayasan yang berusia 5 dan 6 tahun telah berjaya mengkhatamkan Al-Quran secara serentak dan menerima sijil khatam Al-Quran. **Foto 35** di bawah menunjukkan sebahagian daripada 937 murid Tadika Yayasan yang mengikuti program Pintar Al-Quran memperdengarkan bacaan Al-Quran di Stadium Negeri, Kuala Terengganu.

Foto 35
Majlis Memperdengarkan Bacaan Al-Quran



Sumber : Fail Foto Yayasan Islam Terengganu
Tarikh : 10 Oktober 2006
Lokasi : Stadium Negeri, Kuala Terengganu

Pada pendapat Audit, pelaksanaan Program Pintar Al-Quran adalah sangat baik kepada murid Tadika kerana selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri mahu melahirkan insan pewaris `Ulul Albab`.

c) Bilangan Murid Dan Kelas Tadika

Sehingga kini sebanyak 15 buah Tadika Yayasan telah berjaya ditubuhkan dengan penglibatan seramai 2,272 murid di seluruh Negeri Terengganu. Tadika yang dikenal pasti baru ditubuhkan adalah Tadika Permint Jaya yang beroperasi pada tahun 2004 dan Tadika Renek yang beroperasi pada tahun 2005. Bilangan murid dan kelas Tadika Yayasan adalah seperti di **Jadual 30**.

Jadual 30
Jumlah Kelas Dan Murid Di Tadika Yayasan Pada Tahun 2006

Nama Tadika	Jumlah Kelas	Jumlah Murid
Daerah Kuala Terengganu		
1. Kuala Terengganu	14	398
2. Padang Hiliran	2	60
3. Permint Jaya	6	200
4. Wakaf Tembesu	9	248
Daerah Marang		
1. Marang	4	123
2. Bukit Payung	4	82
Daerah Dungun		
1. Dungun	6	154
2. AMBS	4	102
Daerah Kemaman		
1. Kemaman	12	356
2. Kijal	3	90
Daerah Hulu Terengganu		
1. Kuala Berang	4	105
Daerah Setiu		
1. Putra Jaya	3	59
2. Permaisuri	4	112
Daerah Besut		
1. Renek	1	30
2. Besut	5	153
Jumlah	81	2,272

Sumber : Rekod Yayasan Islam Terengganu

Analisis Audit terhadap **Jadual di atas** jelas menunjukkan setiap daerah telah mempunyai lebih daripada sebuah Tadika kecuali daerah Hulu Terengganu. Tadika paling banyak ditubuhkan di daerah Kuala Terengganu iaitu sebanyak 4 buah dengan penyertaan seramai 906 murid yang ditempatkan dalam 31 kelas.

Pada pendapat Audit, permintaan untuk mendapat tempat belajar di Tadika Yayasan adalah memuaskan pada setiap tahun. Bagaimanapun, pengambilan murid Tadika yang disediakan adalah terhad.

d) Pengambilan Murid Tadika

Pengambilan murid bagi kemasukan ke Tadika adalah terbuka kepada kanak-kanak yang berumur 5 dan 6 tahun. Jumlah pengambilan hendaklah berdasarkan jumlah yang diluluskan dalam permit yang dikeluarkan oleh Jabatan Pelajaran Negeri. Semakan Audit mendapati kemasukan murid Tadika melebihi daripada

jumlah yang diluluskan dalam permit. Amalan yang dilakukan adalah berdasarkan bilangan kelas atau bilik darjah yang ada. Ini menyebabkan bilangan murid yang didaftarkan telah melebihi permit yang dikeluarkan mengikut Akta Pendidikan 1996. Lawatan Audit ke 5 buah Tadika yang mempunyai permit mendapati pengambilan murid telah melebihi bilangan yang diluluskan. Adalah difahamkan, lebihan ini berlaku kerana kemasukan murid dibuat berasaskan permintaan daripada ibu bapa tanpa mengambil kira jumlah yang diluluskan dalam permit. Semakan Audit terhadap data pengambilan murid di setiap Tadika mendapati bilangan murid Tadika bagi tempoh 2004 hingga 2006 adalah seperti di **Jadual 31**.

Jadual 31
Bilangan Murid Tadika Bagi Tempoh 2004 Hingga 2006

Bil.	Nama Tadika	Tahun		
		2004 (Bil.Murid)	2005 (Bil.Murid)	2006 (Bil.Murid)
1.	Kuala Terengganu	354	342	398
2.	Padang Hiliran	34	47	60
3.	Permint Jaya	134	143	200
4.	Wakaf Tembesu	218	200	248
5.	Marang	107	112	123
6.	Bukit Payung	90	77	82
7.	Dungun	155	148	154
8.	AMBS	94	100	102
9.	Kemaman	233	287	356
10.	Kijal	70	70	90
11.	Kuala Berang	110	107	105
12.	Putra Jaya	46	65	59
13.	Permaisuri	81	90	112
14.	Renek	0	27	30
15.	Besut	98	98	153
Jumlah		1,824	1,913	2,272

Sumber : Rekod Yayasan Islam Terengganu

Analisis audit terhadap **Jadual di atas**, menunjukkan jumlah keseluruhan kemasukan murid Tadika telah meningkat dari tahun 2004 hingga 2006. Tadika yang berada di pusat bandar menunjukkan peningkatan yang menggalakkan seperti Tadika Kuala Terengganu, Permint Jaya, Kemaman dan Besut.

Pada pendapat Audit, bilangan pengambilan murid tidak berdasarkan kelulusan permit memberi suasana pembelajaran dan pengajaran yang tidak selesa.

15.2.5 Pengurusan Tadika

Pendidikan Tadika adalah fasa asas kepada tahap pendidikan bagi seorang anak. Semakan Audit terhadap pengurusan Tadika seperti keperluan tenaga pengajar dan penyediaan kurikulum dan ko-kurikulum adalah seperti berikut:

a) Tenaga Pengajar Dan Kakitangan Sokongan

Yayasan memberi tanggungjawab kepada seorang Guru Besar sebagai pentadbir di setiap Tadika. Kesemua Guru Besar yang dilantik adalah dipilih daripada kalangan guru yang mempunyai pengalaman dan telah lama berkhidmat dengan Yayasan. Selain bertanggungjawab membantu dalam membimbing guru-guru, beliau turut mengganti tempat guru untuk mengajar murid Tadika sekiranya berlaku kekosongan atau kekurangan guru pada sesuatu tempoh tertentu.

Sementara itu, guru Tadika yang mengajar merupakan guru yang telah dilantik melalui proses temu duga yang dikenal pasti mempunyai kelayakan dan berminat dalam bidang pendidikan Tadika. Begitu juga bagi kakitangan bukan guru yang terdiri daripada Pekerja Am dan Tukang Masak yang dilantik bagi membantu melaksanakan tugas-tugas seperti memasak dan membersihkan kawasan Tadika supaya pengurusan Tadika berjalan dengan baik dan teratur.

Pada pendapat Audit, tenaga pengajar dan kakitangan sokongan yang sedia ada adalah memuaskan bagi pengurusan Tadika.

b) Kurikulum Dan Ko-kurikulum

Yayasan mempraktikkan kurikulum dan ko-kurikulum yang diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Murid Tadika diberi pendedahan mengenai aspek pembelajaran yang menuju ke arah penyediaan asas pendidikan formal yang merangkumi bidang komunikasi, interaksi, minat dan bakat. Perkara ini disampaikan kepada murid Tadika melalui berbagai aktiviti yang dijalankan di dalam dan luar bilik darjah. Aktiviti Tadika yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i) Perbualan pagi antara guru dan murid yang membincangkan mengenai hal-hal semasa seperti cuaca, keluarga, kesihatan dan lain-lain.
- ii) Aktiviti dalaman pula adalah seperti menulis, melukis, bermain alat-alat permainan seperti alatan muzik, lego, blok-blok kayu dan lain-lain.
- iii) Aktiviti luar seperti bermain di padang permainan, bersukan dan lain-lain.
- iv) Makan beramai-ramai diadakan dalam dewan makan yang disediakan yang terletak di ruang dapur Tadika.

Pada pendapat Audit, aktiviti yang dilaksanakan adalah baik kerana berlandaskan kepada matlamat bagi melahirkan murid Tadika yang seimbang dari segi rohani dan jasmani.

c) Menu Makanan

Adalah menjadi dasar pengurusan Tadika untuk menyediakan makanan yang berkhasiat dan mengenyangkan kepada murid. Yayasan telah menyediakan menu makanan kepada murid Tadika yang dimasak oleh tukang masak Yayasan. Menu yang disediakan adalah berubah-ubah pada setiap hari supaya tidak menjemu kanak-kanak. Di antara menu makanan yang disediakan ialah nasi lemak, mee goreng, roti berserta jem dan kuih-muih. Manakala minuman adalah terdiri daripada air oren, milo dan susu. Lawatan Audit ke Tadika pada 10 Oktober 2006 mendapati makanan yang disediakan adalah selaras dengan menu dan mengikut waktu ditetapkan.

Pada pendapat Audit, menu makanan yang disediakan adalah baik dan bersesuaian dengan kanak-kanak.

d) Yuran

Yayasan mengenakan 2 jenis yuran persekolahan Tadika iaitu yuran pendaftaran dan yuran bulanan. Setelah semakan semula dibuat, kadar yuran pendaftaran bagi seorang murid Tadika telah dinaikkan kepada RM30 dan yuran bulanan kepada RM15 sebulan. Bayaran pendaftaran yang dikenakan masih tinggi jika dibandingkan dengan Tadika agensi kerajaan yang lain seperti Tadika KEMAS dan Tadika Perpaduan. Manakala yuran bulanan yang dikenakan sama dengan Tadika Perpaduan tetapi lebih tinggi berbanding Tadika KEMAS. Bagaimanapun, kadar yuran tersebut masih rendah berbanding dengan yuran yang dikenakan oleh Tadika swasta. Maklumat perbandingan adalah seperti di **Jadual 32**.

Jadual 32
Perbandingan Kadar Yuran Tadika

Nama Tadika	Jenis Yuran	
	Pendaftaran (RM)	Bulanan (RM)
Tadika Agensi Kerajaan		
1. Tadika Yayasan	30	15
2. Tadika KEMAS	10	10
3. Tadika Perpaduan	10	15
Tadika Swasta		
1. Tadika St. Teresa	100	50
2. Tadika Grammar	150	50

Sumber : Laporan Kadar Yuran Tadika

Pada pendapat Audit, kadar yuran adalah berpatutan dan tidak membebankan ibu bapa berbanding kos pengurusan bagi melaksanakan program atau aktiviti yang telah disediakan oleh Tadika Yayasan.

15.2.6 Kemudahan Infrastruktur Dan Peralatan

Keperluan penyediaan infrastruktur dan peralatan adalah penting bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat mencapai matlamat yang ditetapkan.

a) Premis Tadika

Semakan Audit mendapati sebanyak 11 daripada 15 buah Tadika Yayasan beroperasi di bangunan milik Yayasan. Manakala 4 buah Tadika lagi beroperasi di bangunan lain seperti Tadika Renek telah beroperasi di bangunan yang dimiliki oleh masjid dan Tadika Kijal beroperasi di bangunan Puspanita. Lawatan Audit ke beberapa Tadika mendapati Tadika yang beroperasi di bangunan milik Yayasan telah dilengkapi dengan kemudahan yang mencukupi seperti bilik darjah, dewan makan, perpustakaan dan pejabat pentadbiran berserta dengan kelengkapan seperti perabot dan peralatan bantuan mengajar. Lawatan Audit ke Tadika Renek dan Tadika Kijal mendapati bangunan yang digunakan adalah kurang sesuai dijadikan sebuah Tadika kerana bangunan berkenaan merupakan bangunan sementara yang diubahsuai serta telah lama dibina dan tidak mempunyai kemudahan yang mencukupi. Keadaan ini tidak memberi keselesaan kepada murid dan guru. Keadaan tempat memasak dan ruang makan di Tadika Renek yang diperbuat daripada kayu sudah terlalu uzur dan reput akibat dimakan oleh anai-anai. Manakala kedudukan Tadika Kijal yang berada di tingkat 2 menunjukkan susun atur kelas yang tidak teratur, mempunyai satu laluan keluar dan tangga yang curam. Keadaan ini tidak menunjukkan ciri-ciri keselamatan yang baik sekiranya berlaku kecemasan. **Foto 36, 37, 38 dan 39** menunjukkan keadaan bangunan Tadika yang diklasifikasikan tidak sesuai dijadikan sebagai sebuah Tadika. Adalah dimaklumkan hasil teguran Audit ini, Tadika Renek telah berpindah ke bangunan milik persendirian di Kampung Sungai Renek pada 2 Januari 2007.

Foto 36
Kerangka Kayu Yang Dimakan Anai-anai




*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 14 November 2006
Lokasi : Tadika Renek*

Foto 37
Dinding Kayu Yang Pecah Dan Berlubang



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 14 November 2006
Lokasi : Tadika Renek

Foto 38
Kedudukan 2 Bilik Darjah Yang Diasingkan



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 15 November 2006
Lokasi : Tadika Kijal

Foto 39
Laluan Keluar Masuk Dan Tangga Yang Curam



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 15 November 2006
Lokasi : Tadika Kijal

b) Peralatan

Peralatan yang diperlukan untuk mentadbir Tadika adalah terdiri daripada perabot, kerusi, meja, komputer, alat tulis, rak dan bahan pembelajaran seperti buku dan bahan nota. Pemerhatian Audit mendapati peralatan yang disediakan di Tadika Yayasan adalah mencukupi dan sesuai untuk digunakan oleh kanak-kanak Tadika. Bagaimanapun, peralatan di padang permainan seperti papan gelongsor, buaian dan sebagainya bagi tujuan kemudahan riadah tidak disediakan oleh pengurusan Yayasan.

Pada pendapat Audit, Tadika yang beroperasi di bangunan bukan milik Yayasan adalah tidak memuaskan kerana bangunan tidak sesuai dan tidak mengikut spesifikasi sebagai tempat pembelajaran.

15.2.7 Keperluan Tenaga Pengajar Dan Latihan

Pelantikan atau pengambilan tenaga pengajar dan latihan adalah sesuatu elemen yang penting bagi memastikan kecemerlangan sesebuah Tadika. Semakan Audit terhadap senarai perjawatan guru mendapati Yayasan mempunyai tenaga pengajar seramai 135 orang yang dilantik secara sementara bertempoh dan sementara terus menerus dalam gred jawatan N11 pada tahun 2006. Sementara itu, kelayakan yang dimiliki oleh guru Tadika pada tahun 2004 hingga 2006 adalah terdiri dari pelbagai peringkat kelulusan seperti di **Jadual 33**.

Jadual 33
Kelulusan Akademik Guru Tadika

Bil.	Kelulusan Akademik	Bilangan Tenaga Pengajar	
		Tahun 2005 (orang)	Tahun 2006 (orang)
1.	Ijazah	-	4
2.	Diploma	-	5
3.	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia	-	27
4.	Sijil Pelajaran Malaysia	92	99
	Jumlah	92	135

Sumber : Rekod Yayasan Islam Terengganu

Memandangkan pengambilan tenaga pengajar ini bukan daripada kalangan guru terlatih, pihak pengurusan Yayasan telah menghantar guru Tadika Yayasan menghadiri kursus sama ada yang dianjurkan oleh pihak luar atau Yayasan sendiri bagi meningkatkan kemahiran mereka. Antara kursus yang dianjurkan pada tahun 2006 adalah seperti berikut:

- a) Kursus Pintar Al-Quran (Teknik Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan).
- b) Kursus Tadika Cemerlang Fasa II.
- c) Kursus Pentadbiran dan Pengurusan Berkesan.
- d) Kursus Falsafah Pendidikan dan Kurikulum.
- e) Kursus Bahasa Inggeris.
- f) Kursus Kepimpinan dan Pengurusan Cemerlang.

Pada pendapat Audit, pengambilan tenaga pengajar dan latihan yang dilaksanakan adalah memuaskan.

15.2.8 Aktiviti Promosi

Semakan Audit mendapati pihak Yayasan kurang memberi penekanan kepada aktiviti promosi bagi menarik perhatian ibu bapa untuk menghantar anak mereka ke Tadika Yayasan. Aktiviti promosi yang dijalankan hanya dengan memasang kain rentang dan membuat hebatan melalui siaran radio tempatan. Walaupun aktiviti promosi kurang dijalankan, namun sambutan yang diterima ibu bapa yang menghantar anak mereka ke Tadika Yayasan adalah menggalakkan. Sambutan yang menggalakkan ini menyebabkan pengambilan murid telah melebihi jumlah yang diluluskan dalam permit yang diberikan oleh Jabatan Pelajaran Negeri.

Pada pendapat Audit, aktiviti promosi yang dilaksanakan adalah memuaskan kerana matlamat bagi tujuan untuk diketahui oleh masyarakat setempat tercapai.

15.2.9 Prestasi Kewangan

Sumber kewangan bagi mengurus Tadika dibiayai sepenuhnya oleh Yayasan. Bagi tempoh 2004 hingga 2006, sejumlah RM7.50 juta telah dibelanjakan bagi menguruskan aktiviti Tadika adalah seperti di **Jadual 34**.

Jadual 34
Anggaran Diluluskan Dan Perbelanjaan Sebenar
Bagi Tempoh 2004 Hingga 2006

Tahun	Anggaran Diluluskan (RM Juta)	Perbelanjaan Sebenar (RM Juta)	Peratus Perbelanjaan (%)
2004	2.18	1.73	79.4
2005	2.82	2.30	81.6
2006	3.59	3.47	96.7
Jumlah	8.59	7.50	87.3

Sumber : Laporan Perbelanjaan Tahunan Yayasan

Berdasarkan **Jadual di atas**, prestasi perbelanjaan sebenar bagi tahun 2006 adalah baik. Sejumlah RM3.47 juta telah dibelanjakan pada tahun 2006 berbanding RM3.59 juta peruntukan yang diluluskan. Secara keseluruhannya, perbelanjaan yang dilakukan adalah selaras dengan anggaran yang diluluskan. Bagi tujuan perbelanjaan runcit, setiap Tadika diberi peruntukan panjar wang runcit sebanyak RM100 hingga RM150 berdasarkan bilangan murid di setiap Tadika. Sementara itu, didapati pendapatan daripada yuran pendaftaran dan yuran bulanan yang dipungut oleh setiap Tadika dibankkan terus ke akaun Yayasan. Semakan Audit mendapati pengurusan kewangan di Tadika adalah tidak memuaskan. Penyediaan Buku Tunai adalah tidak teratur dan kemas kini, berlaku kelewatan memasukkan kutipan hasil ke bank antara 3 hingga 10 hari dan penyimpanan wang tunai dalam tangan serta kawalan terhadap resit hasil tidak diurus dengan baik.

Pada pendapat Audit, pendedahan terhadap aspek kawalan dalaman berkaitan pengurusan kewangan kurang diberi perhatian.

15.2.10 Guna Tenaga Dan Latihan

Keperluan guna tenaga yang mencukupi serta mempunyai kelayakan yang bersesuaian dengan bidang tugas yang dipertanggungjawabkan merupakan faktor yang menentukan kecekapan dan keberkesanannya pengurusan Tadika.

a) Guna Tenaga

Selain tenaga pengajar seramai 135 orang yang merupakan kakitangan utama dalam melaksanakan program Tadika, pengurusan Tadika turut dibantu oleh kakitangan sokongan lain seramai 47 orang terdiri daripada Pembantu Tadbir, Tukang Masak dan Pembantu Rendah Awam. Pelantikan semua kakitangan

dilakukan dalam 2 kategori iaitu secara sementara bertempoh atau sementara terus menerus. Maklumat guna tenaga Tadika adalah seperti di **Jadual 35**.

Jadual 35
Kedudukan Guna Tenaga Tadika

Bil.	Daerah	Bilangan (Orang)			
		Guru/Tenaga Pengajar	Pembantu Tadbir	Tukang Masak	Pembantu Rendah Awam
1.	Kuala Terengganu	25	1	5	5
2.	Padang Hiliran	4	-	1	-
3.	Permint Jaya	12	1	3	1
4.	Wakaf Tembesu	16	1	3	1
5.	Marang	7	-	1	1
6.	Bukit Payung	7	-	1	1
7.	Dungun	10	-	2	1
8.	AMBS	5	-	1	1
9.	Kemaman	19	1	1	2
10.	Kijal	4	-	1	1
11.	Kuala Berang	7	-	2	1
12.	Putra Jaya	4	-	1	1
13.	Permaisuri	6	-	1	-
14.	Renek	1	-	1	-
15.	Besut	8	-	2	1
Jumlah		135	4	26	17

Sumber : Rekod Yayasan Islam Terengganu

b) Latihan

Semakan Audit terhadap rekod latihan mendapati latihan hanya diberi kepada tenaga pengajar atau guru. Antara kursus yang diberikan pada tahun 2005 dan 2006 adalah seperti kursus mengenai teknik pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris, pengurusan, falsafah pendidikan dan kepimpinan. Bagaimanapun, latihan kepada kakitangan sokongan lain seperti Pembantu Tadbir dan Tukang Masak tidak diberi penekanan dan tidak ada rekod yang menunjukkan kakitangan yang berkenaan hadir dalam mana-mana kursus dan latihan seperti kursus kewangan, motivasi dan lain-lain.

Pada pendapat Audit, keperluan guna tenaga adalah memuaskan. Latihan dan kursus yang diberikan kepada tenaga pengajar adalah memuaskan berbanding kakitangan yang lain.

Pada pendapat Audit, keseluruhan pelaksanaan pengurusan Taman Didikan Kanak-kanak adalah baik dan mencapai matlamat program. Bagaimanapun ianya boleh

dipertingkatkan lagi terutama dari segi kesesuaian premis Tadika yang uzur dan premis yang tidak mempunyai Sijil Layak Menduduki daripada Pihak Berkuasa Tempatan.

15.3 PEMANTAUAN

Penolong Pengarah dan Penyelia Tadika di Bahagian Pendidikan Yayasan adalah bertanggungjawab memantau pengurusan Tadika seluruh Negeri Terengganu. Pemantauan dibuat bagi memastikan pengurusan Tadika mencapai matlamat serta mematuhi peraturan yang ditetapkan.

15.3.1 Mesyuarat Guru Besar

Mesyuarat ini diadakan setiap bulan bagi membincang serta memantau semua aktiviti Tadika. Perkara yang dibincangkan antaranya adalah pengurusan Tadika, laporan hal ehwal murid dan pelaksanaan ko-kurikulum. Bilangan mesyuarat yang diadakan pada tahun 2005 adalah sebanyak 6 kali manakala pada tahun 2006 sebanyak 12 kali.

15.3.2 Lawatan Penyeliaan

Lawatan diadakan bagi meninjau pelaksanaan aktiviti Tadika. Lawatan dilakukan secara berkala bagi setiap Tadika mengikut tarikh yang ditetapkan. Bagaimanapun, semakan Audit tidak dapat mengesahkan bilangan lawatan yang telah dilakukan kerana pihak pengurusan tidak mempunyai satu rekod khusus bagi mencatatkan lawatan yang dilakukan.

Pada pendapat Audit, pemantauan yang dilakukan melalui Mesyuarat Guru Besar yang diadakan secara bulanan adalah memuaskan.

16. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan Taman Didikan Kanak-kanak (Tadika) oleh Yayasan Negeri Terengganu telah dirancang dan dilaksana dengan baik. Bagaimanapun, Yayasan perlu mengkaji keperluan bagi menujuhkan Tadika berdasarkan kemampuan dari aspek kewangan dan pengurusan bagi mempertingkatkan prestasi Tadika. Selain itu, peluang perlu diberi kepada guru yang berkelayakan untuk melanjutkan pelajaran bagi tujuan kenaikan pangkat atau menambah kemahiran. Syor Audit bagi mengatasi kelemahan dan meningkatkan pengurusan Tadika adalah seperti berikut:

- a) Yayasan perlu menyediakan perancangan strategik merangkumi pembinaan bangunan Tadika. Kesesuaian perancangan dari aspek menyenggara, mengurus dan memiliki tanah dan bangunan perlu juga dititikberatkan.
- b) Yayasan perlu menanam kesedaran terhadap kepentingan pendidikan Tadika dengan mengadakan seminar untuk guru, menawar dan mengiktiraf kursus sepenuh masa, separuh masa atau pendidikan jarak jauh sama ada di peringkat sijil, diploma mahupun

ijazah bagi memartabatkan dan meletakkan bidang Tadika setaraf dengan bidang atau kursus lain.

- c) Yayasan perlulah mewujudkan urus tadbir pendidikan Tadika yang lebih berkesan terutama dalam aspek menaik taraf status tenaga pengajar yang berjawatan sementara kepada perjawatan tetap.
- d) Yayasan perlu memperoleh perakuan Sijil Layak Menduduki bagi memastikan bangunan yang digunakan adalah selamat dan juga permit pendaftaran Tadika dan permit mengajar kepada guru dapat dikeluarkan di bawah Akta Pendidikan 1996.
- e) Yayasan perlu mengambil kira pengambilan murid berdasarkan kelulusan permit kerana bilangan murid yang terlalu ramai memberi suasana pembelajaran yang tidak selesa.
- f) Latihan pengurusan kewangan hendaklah diberi kepada kakitangan yang terlibat dalam urusan kewangan Tadika sama ada Pembantu Tadbir atau Penyelia.
- g) Mewujudkan mekanisme pemantauan terhadap pengurusan kewangan yang berkesan dan dilakukan secara berterusan.

BAHAGIAN II

PERKARA AM

BAHAGIAN II
PERKARA AM

17. PENDAHULUAN

17.1 Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Jabatan dan Agensi berkenaan.

17.2 Bagi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri pula, adalah menjadi tanggungjawab Jawatankuasa ini untuk membincangkan perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara setelah Laporan ini dibentangkan di persidangan Dewan Undangan Negeri. Jawatankuasa juga berhak untuk memanggil Ketua Jabatan/Agensi berkenaan untuk memberi penjelasan mengenai perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara.

18. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2005

Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Dan Kajian Khas Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2005 telah melaporkan 4 kajian khas iaitu:

- a) Pengurusan Tukar Syarat Penggunaan Tanah di Pejabat Tanah Kuala Terengganu.
- b) Pengurusan Dan Penyenggaraan Padang Ragut di Jabatan Perkhidmatan Haiwan.
- c) Pengurusan Bangunan di Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu.
- d) Pengurusan Premis Perniagaan di Majlis Perbandaran Kemaman.

Kedudukan terkini perkara yang dibangkitkan dalam Laporan tersebut adalah seperti di bawah.

18.1 PEJABAT TANAH KUALA TERENGGANU

- PENGURUSAN TUKAR SYARAT PENGGUNAAN TANAH

Pada keseluruhannya, pengurusan tukar syarat penggunaan tanah di Pejabat Tanah Kuala Terengganu adalah memuaskan berdasarkan kepada jumlah permohonan tukar syarat yang diproses berbanding jumlah permohonan yang diterima. Bagaimanapun, terdapat proses penyelesaian permohonan yang mengambil masa antara 4 hingga 8 bulan melebihi tempoh penyelesaian yang ditetapkan iaitu dalam tempoh 4 bulan. Keadaan ini disebabkan pandangan atau ulasan daripada jabatan teknikal yang terlibat seperti Majlis Perbandaran Kuala Terengganu lewat diterima.

Kedudukan Masa Kini

Jawatankuasa Teknikal yang ditubuhkan di Pejabat Tanah Kuala Terengganu bagi memantau pandangan atau ulasan daripada jabatan teknikal telah mengadakan mesyuarat setiap 3 minggu sekali berbanding setiap 2 bulan sebelumnya. Tindakan ini telah mempercepatkan ulasan daripada jabatan teknikal.

18.2 JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN NEGERI

- PENGURUSAN DAN PENYENGGARAAN PADANG RAGUT

Pada tahun 2005, keluasan tanah yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri bagi kawasan padang ragut adalah seluas 4,934 hektar. Semakan Audit mendapati:

- a) Tidak ada perjawatan yang khusus untuk aktiviti padang ragut bagi memastikan aktiviti pembangunan padang ragut dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.
- b) Tindakan pewartaan terhadap padang ragut hendaklah disegerakan bagi mengelak agensi lain mengambil tanah padang ragut untuk tujuan lain.
- c) Program penswastaan terhadap padang ragut hendaklah diberi tumpuan dan galakan kerana ia dapat mengurangkan beban kewangan Kerajaan Negeri dan lebih berdaya saing.
- d) Jabatan perlu menyediakan perjanjian bertulis dengan peserta Padang Ragut Rakyat dan Program Pembiakan Kesihatan Berkelompok seperti mana program penswastaan agar mereka lebih bertanggungjawab bagi menjayakan program padang ragut.

Kedudukan Masa Kini

- a) Perjawatan khusus telah dimasukkan dalam carta organisasi baru Jabatan.
- b) Tindakan pewartaan telah dijalankan dari semasa ke semasa terutamanya kawasan padang ragut yang dibangunkan oleh swasta.
- c) Jabatan kini sedang memberi keutamaan dan tumpuan kepada pihak swasta untuk membangunkan kawasan padang ragut.
- d) Sehingga kini program penswastaan padang ragut sahaja telah dibuat perjanjian.

18.3 LEMBAGA TABUNG AMANAH WARISAN NEGERI TERENGGANU

- PENGURUSAN BANGUNAN

Kajian Audit mendapati perkara berikut:

- a) Perjanjian pelantikan pengurus hartanah bagi 2 kontrak perjanjian perkhidmatan mengurus, menyenggara dan mengutip sewa bangunan/rumah telah tamat tempoh pada tahun 2003 dan belum diperbaharui.
- b) Kadar sewa bangunan/rumah kediaman di Perumahan Sementara Rantau Petronas tidak pernah dibuat semakan semula sejak tahun 1996.
- c) Lembaga tidak mempunyai Daftar Harta Modal bagi merekod harta di Hotel Primula dan Apartmen Awana Kijal.

- d) Bacaan dan kutipan bayaran bil air di Perumahan Sementara Rantau Petronas di urus oleh PTB Land (PTBL) manakala pihak Syarikat Air Terengganu (SATU) hanya membuat bacaan pada meter utama sahaja. Amalan ini merugikan Lembaga kerana caj air yang dikenakan oleh SATU adalah lebih tinggi berbanding caj yang dikenakan oleh PTBL bagi pihak Lembaga.
- e) Perjawatan yang diwujudkan dalam pentadbiran Lembaga tidak memperolehi kelulusan daripada pihak berkaitan. Pentadbiran Lembaga tidak mempunyai pegawai yang mencukupi, berkelayakan dan berjawatan tetap selaras dengan bebanan kerja yang dipertanggungjawabkan bagi mentadbir pengurusan kewangan dan pelaburan secara cekap dan berkesan.
- f) Pengurusan dan penyenggaraan bangunan yang tidak dipantau secara berkesan mengakibatkan bangunan/rumah mengalami kerosakan yang teruk.

Kedudukan Masa Kini

- a) Perjanjian baru masih belum disediakan. Bagaimanapun pengurus harta tanah masih menjalankan perkhidmatan mengurus, menyenggara dan mengutip sewa bangunan/rumah.
- b) Tidak ada tindakan diambil untuk menyemak balik kadar sewa di Perumahan Sementara Rantau Petronas.
- c) Lembaga bercadang melantik pihak swasta bagi menjalankan semakan fizikal dan menyediakan Daftar Harta Modal untuk merekod semua harta termasuk di Hotel Primula dan Apartmen Awana Kijal.
- d) Caj air belum dinaikkan dan Lembaga terpaksa menanggung perbezaan caj bayaran air kepada SATU.
- e) Lembaga masih belum mempunyai perjawatan tetap dan diluluskan oleh pihak berkaitan.
- f) Bangunan/rumah yang mengalami kerosakan masih tidak disenggarakan dan diperbaiki dengan baik termasuk kerosakan yang berlaku akibat pencerobohan. Rumah berkenaan terbiar kosong.

Harta Lembaga seperti Hotel Primula, Apartmen Awana Kijal dan Perumahan Sementara Rantau Petronas telah diserahkan kepada Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. (Terengganu Inc.) iaitu syarikat milik Kerajaan Negeri Terengganu mulai pada 1 Mac 2007.

18.4 MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN

- **PENGURUSAN PREMIS PERNIAGAAN**

Objektif pengauditan adalah bagi menentukan sama ada pengurusan premis perniagaan oleh Majlis Perbandaran Kemaman adalah cekap dan berkesan untuk mencapai matlamat yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati kelemahan seperti berikut:

- a) Sebanyak 79 penyewa tidak menandatangani perjanjian sewa dengan Majlis. Manakala 47 penyewa lewat menandatangani perjanjian sewa antara 2 hingga 6 bulan.
- b) Sebanyak 42 daripada 1,147 unit premis belum disewakan kerana tidak mendapat sambutan berikutan lokasi yang tidak strategik. Sebanyak 23 unit premis kosong atau tidak disewa sejak tahun 1998.
- c) Sehingga akhir tahun 2005, tunggakan sewa premis perniagaan adalah berjumlah RM565,856. Sejumlah RM115,475 adalah tunggakan bagi sewa premis di kawasan Kerteh melibatkan 45 penyewa dan telah tertunggak antara 4 hingga 56 bulan.
- d) Aktiviti promosi tidak dibuat secara berkesan menyebabkan 42 unit premis tidak disewakan.
- e) Bangunan Arked yang mengandungi 100 lot kedai dengan kos RM6.99 juta telah disiapkan pada akhir tahun 2005 dan belum diagihkan.

Kedudukan Masa Kini

- a) Majlis telah menyediakan dokumen perjanjian tetapi penyewa gagal hadir untuk menyempurnakan perjanjian tersebut. Sebagai langkah berjaga-jaga, Majlis telah menyertakan syarat am perjanjian sebagai sebahagian daripada dokumen perjanjian apabila penyewa menyerahkan Surat Setuju Terima Tawaran Sewa.
- b) Premis telah dapat disewakan.
- c) Tunggakan sewa premis di kawasan Kerteh masih belum berubah sebaliknya semakin meningkat.
- d) Aktiviti promosi belum diperhebat bagi mengisi kekosongan premis. Majlis hanya mengeluarkan iklan penyewaan sekiranya berlaku kekosongan.
- e) Lot kedai di bangunan Arked telah dapat disewakan.

19. PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA YANG MASIH BELUM DISELESAIKAN

Semakan juga dibuat terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2005 dan sebelumnya untuk menentukan sama ada tindakan susulan telah diambil terhadap perkara yang dibangkitkan. Secara umumnya, tindakan susulan terhadap perkara berbangkit telah diambil oleh Jabatan/Agensi yang berkenaan.

20. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS JABATAN/AGENSI

Perkara 106 dan 107 Perlumbagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Akaun Awam serta aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen

manakala Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu menitahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Terengganu. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Dan Kajian Khas Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2005 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 4 Disember 2006.

21. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri telah selesai membincangkan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Awam Kerajaan Negeri bagi tahun 2003. Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri bagi tahun 2003 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2004 sedang dibincangkan oleh Jawatankuasa. Sepanjang tahun 2006, Jawatankuasa telah mengadakan 2 kali mesyuarat bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2004 dan mesyuarat pada 22 Mei 2007 telah membincangkan Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2005. Maklumat mesyuarat Jawatankuasa adalah sebagaimana di **Jadual 36**.

Jadual 36
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri
Tahun 2006 Dan Sehingga Mei 2007

Tarikh	Pejabat Yang Dipanggil	Perkara
19 Jun 2006	a) Pejabat Kewangan Negeri b) Bendahari Negeri c) Unit Audit Dalam	Membincangkan dan mengkaji Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2004 yang dibentangkan oleh Pengarah Audit Negeri.
21 Ogos 2006	a) Pejabat Kewangan Negeri b) Bendahari Negeri c) Unit Audit Dalam	Membincangkan tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah terutama berkenaan pengurusan kewangan yang masih berlaku.
22 Mei 2007	a) Pejabat Kewangan Negeri b) Bendahari Negeri c) Unit Audit Dalam	Membincangkan dan mengkaji Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2005 yang dibentangkan oleh Pengarah Audit Negeri.

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

PENUTUP

PENUTUP

Pada prinsipnya, Kerajaan Negeri telah mewujudkan dasar, undang-undang dan peraturan yang mencukupi untuk memastikan pelaksanaan aktiviti dan program dibuat dengan cekap dan berkesan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan. Sungguhpun demikian, secara keseluruhannya pengauditan terhadap aktiviti Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri masih wujud kelemahan dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Tahap pencapaian aktiviti dan program masih belum tercapai kerana masih terdapat kelemahan yang ketara jika dibandingkan dengan teguran yang terkandung dalam Laporan Ketua Audit Negara. Laporan ini telah membangkitkan isu mengenai pengurusan perolehan, pelaksanaan projek, peningkatan kos, kerja tidak mengikut spesifikasi dan pencapaian matlamat program/aktiviti. Kelemahan ini wujud adalah disebabkan kelemahan pemantauan yang tidak konsisten, peruntukan kewangan yang tidak mencukupi, kekurangan guna tenaga dan latihan serta tiada budaya penyenggaraan telah menyebabkan berlakunya pembaziran wang awam.

Sungguhpun pihak yang berkenaan telah mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap teguran pihak Audit namun masih ada sebahagian daripadanya yang masih belum ditangani. Pegawai Pengawal adalah disyorkan menjalankan pemeriksaan dan pemantauan menyeluruh bagi menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di tempat lain atau bahagian lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan sewajarnya.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

21 Jun 2007